



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

## PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

## PENGGAL KEDUA

*Second Session*

## KANDUNGANNYA

### PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 2565)  
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 2526]  
Cuti kepada Ahli-ahli - Kebenaran -

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali (Nilam Puri)

Y.B. Tuan James Jimbun Pungga (Kapit)

Y.B. Dato' Paul Leong Khee Seong (Taiping) [Ruangan 2567]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
(Ruangan 2567J)

MENETAPKAN KERUSI AHLI-AHLI [Ruangan 2659]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:

Ketua Hakim Negara - Penggantungan Jawatan, Y.B. Tuan Lee Lam Thye [Ruangan  
2661]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2665]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) (Ruangan 2666)

USUL:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1988 (Ruangan 2671)

UCAPAN PENANGGUHAN:

- (1) Suruhanjaya Penyiasat Bebas untuk menyiasat Keadaan Tahanan dalam Kem Tahanan Kamunting - Penubuhan, Y.B. Tuan Lee Lam Thye [Ruangan 2731]
- (2) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Baru Salak Selatan - Peruntukan Bilik Darjah, Y.B. Tuan Liew Ah Kim [Ruangan 2740]



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO- MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N.(Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.s.(Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.O.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi)

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUETTZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

” Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Beia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO- MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.s. (Temerloh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading),
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO- ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM. D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO Oo GIN SUN. D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO- MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO- HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NGCHENG KUALI. D.P.M.P., A.M.P. (Lumut)
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO- MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO- DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN. A.M.N.. P.I.S. (Senai).

” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow. A.M.P. (Tanjong Malim).

” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S (Sarikei).

” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang),

” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO- ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S M.T., K.M.N.. P J.K (Hulu Terengganu).

” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN. D.S.D.K.. S.M.S. (Baling).

” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD YUNUS. D.S.N.S. (Jempol).

” Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN. D.P.C.M.. P.C.M (Bukit Gantang).

” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N.. P.P.N. (Raub).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR. S.M.T., A.M.N. P.J.K. (Dungun).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD. D.I.M.P. (Tumpat).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kcbajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH. A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- 11 Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH (Gopeng).
- ’ TUAN ABDOL MULO AWANG DAMIT (Labuan).
- ” • DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD. D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR ABDUL HADI BIN DERANI. K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATO ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- ” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- ” TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- ” DR. V. DAVJD (Puchong).
- ” TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P B.S. (Betong).
- ” DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” TUAN GERARD MATH LEE MIN. A.S.D.K. (Gaya).
- ” TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- ” DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merauh).
- ” TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN HU SEPANG (Rasah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (PasirMas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- ” DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padang).
- ” DATO- HAJI KAMARUTAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- ” TUAN LAUDAK KEE (Pasir Pinji).
- ” TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- ” DATO- PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- " TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- " TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Bclud).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- " DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- " TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I (Muar).
- " TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut),
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah),
- " TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- " TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- " DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- " TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- " TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDOLLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- " DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- " TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- " TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- " DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- ” TUAN P. PATTO(Ipoh).
- " TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- " DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- " TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. Au (Kinabatangan).
- " DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- " DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K (Shah Alam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- " Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH. D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P. P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chendcroh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD. D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUANTANKOKWAI(Sungai Besi).
- " DR, TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG *aiias* TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- " DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P.(Sik).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.  
(Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAIKANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan; Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjuh Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naitn.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 27hb Jun, 1988

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN  
TIMBALANYANG  
DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memperse-tujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen, dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan Tambahan (1987)1988;
2. Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan) 1988;
3. Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan) 1988;
4. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988;
5. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988;
6. Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;
7. Akta Perkhidmatan Bomba 1988;
8. Akta Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan) 1988; dan

9. Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 1988.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
NEGARA**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

"6hb April, 1988

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987);
2. Rang Undang-undang (Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pertembagaan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta);

7. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba;
8. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA  
DEWAN NEGARA"**

**CUTI KEPADA AHLI-AHLI -  
KEBENARAN**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalakan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada mesyuarat di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada:-

1. **Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali,** Ahli bagi Kawasan Nilam Puri dari 27hb Jun hingga 8hb Julai, 1988;
2. **Y.B. Tuan James Jimbun Punga,** Ahli bagi Kawasan Kapit dari 27hb Jun hingga 4hb Julai, 1988; dan
3. **Y.B. Dato' Paul Leong Khee Seong,** Ahli bagi Kawasan Taiping dari 27hb Jun hingga 8hb Julai, 1988,

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**TUNTUTAN MALAYSIA KE ATAS  
KEPULAUAN SPRATLY**

**1. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia dalam mendapat pengiktirafan tuntutannya ke atas kepulauan Spratly;
- (ii) apakah kepentingan kepulauan Spratly kepada Malaysia; dan
- (iii) apakah pendirian Malaysia terhadap tuntutan negara lain terhadap kepulauan Spratly.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Malaysia telah menuntut sebagai Wilayah Malaysia beberapa pulau, terumbu dan bentang di sebelah selatan apa yang dipanggil sebagai kepulauan Spratly melalui pengisytiharan Peta Nasional Malaysia pada 21hb Disember, 1979. Tuntutan Malaysia adalah berasaskan kepada perundangan dan amalan antarabangsa. Selain daripada mengambil usaha-usaha diplomasi bagi menentukan bahawa pulau-pulau, terumbu-terumbu tersebut kekal sebagai wilayah Malaysia, Malaysia juga telah menunjukkan kehadirannya di wilayah-wilayah tersebut.
- (ii) Kawasan pulau-pulau dan terumbu-terumbu tersebut adalah penting dari segi keselamatan negara dan dari segi potensi ekonominya.
- (iii) Malaysia sedar bahawa terdapat tuntutan bertindih di kawasan ini. Malaysia sedia berunding dengan semua pihak yang terlibat untuk memperoleh penyelesaian damai mengenai tuntutan bertindih di kawasan ini dengan berasaskan per-

undangan dan amalan antara-bangsa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini berapa buah negara sebenarnya yang menuntut hakmilik ke atas kepulauan Spratly. Yang kedua ialah sama ada negara Malaysia ada menempatkan tentera di kepulauan itu dan sekiranya ada, berapa bilangannya.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, sebanyak 5 buah negara telahpun menuntut bersama dengan Malaysia ke atas kepulauan tersebut. Antaranya ialah negara China, Vietnam, Taiwan, Philippines dan Malaysia.

Untuk soalan kedua, pihak Kerajaan Malaysia telah menghantar dan memasuki sebanyak 3 buah Terumbu, pertamanya di Terumbu Layang-layang kita menempatkan 2 orang pegawai dan 25 orang anggota lain pangkat mengawal Terumbu tersebut mulai bulan Mei, 1983.

Keduanya, di Terumbu Mantanani, seorang pegawai dan 8 orang anggota yang lain telahpun mengawal terumbu ini sejak bulan November, 1986.

Ketiganya, di Terumbu Ubi sebanyak seorang pegawai dan 8 orang anggota yang lain telahpun dihantar untuk mengawal terumbu itu sejak bulan November, 1986.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah asas tuntutan kelima-lima negara ini ke atas kepulauan Spratly ini dan sama ada Kerajaan Malaysia akan merujuk perkara ini kepada badan antarabangsa untuk mendapat satu penyelesaian ke atas perkara ini.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che**

**Wan:** Tuan Yang di-Pertua, asas tuntutan negara yang berkenaan adalah berbagai-bagai, yang tidak dapat saya sampaikan pada petang ini kerana ia mengambil masa yang agak panjang.

Kedua, pihak Malaysia seperti yang saya kata sebentar tadi, sanggup berbincang dengan negara-negara yang berkenaan bagi mengatasi masalah ini. Sekiranya secara dua hala untuk berbincang tidak berjaya, mungkin kita akan membawa kepada peringkat antarabangsa.

### SEKOLAHJENISKEBANGSAAN RENDAH CINA - KENAIKAN PANGKAT

2. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan akan mengumumkan solusi-solusi Kabinet untuk menyelesaikan masalah kenaikan pangkat di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Rendah Cina.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kenaikan pangkat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina sudahpun selesai. Oleh itu, Kementerian Pendidikan berpendapat adalah tidak wajar perkara tersebut diungkitlagi.

### KEMPENSEMARAK

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah bilangan kempen Semarak yang telah diadakan setakat ini dan amaun wang awam yang telah dibelanjakan bagi kempen ini. Apakah maksud ringkas Semarak dan adakah benar kempen fni diatur untuk meningkatkan kedudukan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO Baru. Oleh kerana kempen Semarak adalah berbentuk perhimpunan awam adakah Menteri Penerangan memohon permit-permit polis bagi mengadakan kempen-kempen tersebut.

28.6.88

**13. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa tidak terdapat Menteri-menteri yang bukan Melayu membuat ucapan semasa kebanyakan kempen SEMARAK yang diucap oleh beliau dan lain-lain pemimpin Kerajaan Melayu supaya dapat memberi kesan kepada akuan beliau bahawa kempen ini adalah bermaksud untuk menyerap rasa kesetiaan kepada negara di kalangan semua rakyat Malaysia.

30.6.88

**17. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) setakat manakah SEMARAK telah berjaya mencapai matlamatnya di negeri-negeri yang telah dilancarkan;
- (b) jika tidak, apakah sebab-sebabnya; dan
- (c) apakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah mengemaskinikan kelemahan-kelemahan SEMARAK sebelum ia dilancarkan di negeri-negeri lain.

1.7.88

**2. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan** minta Menteri Penerangan menyatakan kesan dan faedah projek "SEMARAK" yang sedang dilancarkan sekarang ini di seluruh negara. Nyatakan kos dan jumlah rakyat yang dapat dilibatkan. Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan rancangan "SEMARAK" di daerah selepas perlaksanaan di peringkat negeri.

**18. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) menyedari betapa setiap Menteri dan Anggota-anggota Dewan yang terdiri dari orang-

orang Islam telah bersumpah atas nama Allah untuk menjalankan tugas dengan jujur ketika memulakan tugas dahulu dan bagi memastikan sumpah itu dihormati, dapatkah Menteri berkenaan mengulangi dalam Dewan ini bahawa projek SEMARAK itu tidak langsung mengandungi muslihat politik UMNO(baru); dan

- (b) adakah Kerajaan bersetuju membenarkan, termasuk memberikan peruntukan kewangan, kiranya parti-parti pembangkang hendak menganjurkan sambutan SEMARAK di negeri-negeri dan Daerah-daerah bagi menjayakan projek SEMARAK itu.

**48. Tuan Chen Man Hin** minta Menteri Penerangan menyatakan tujuan-tujuan kempen SEMARAK diadakan, sama ada ianya dijalankan bagi tujuan politik, juga nyatakan jumlah peruntukan yang diuntukkan bagi kempen SEMARAK itu dan adakah wang rakyat digunakan bagi membiayai kempen itu.

4.7.88

**18. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menerangkan kesan-kesan positif kempen SEMARAK ke atas rakyat dan sama ada SEMARAK berjaya dalam memupuk kesetiaan rakyat kepada negara serta memupuk Perpaduan dan Muhibah antara rakyat. Adakah beliau sedar SEMARAK mempunyai kesan negatif yakni ia menyebabkan rakyat mendewa-dewakan pemimpin-pemimpin tertentu sahaja. Bukankah ini menggagalkan tujuan di sebalik pergerakan SEMARAK.

**60. Tuan P. Patto** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan wang Kerajaan bagi setiap perhimpunan SEMARAK; dan

- (b) sama ada Kerajaan boleh membenarkan pihak Pembangkang juga untuk mengadakan perhimpunan terbuka supaya membolehkan ia berbincang masalah negara dengan rakyat yang berhak mengetahuinya memandangkan Kerajaan sudah pun menjadikan Radio dan Televisyen Malaysia seolah-olah ianya harta Barisan Nasional di mana pihak Pembangkang tidak mempunyai peluang langsung untuk mengemukakan pendapatnya.

5.1.88

**32. Tuan Samson Chin Chee** Tsu minta Menteri Penerangan menyatakan tujuan sebenar kempen SEMARAK yang sedang dijalankan di semua kawasan dan kos yang diperlukan untuk setiap kempen tersebut. Berapa lamakah Kerajaan ingin menjalankan kempen seperti yang tersebut.

6.1.88

**51. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad** minta Menteri Penerangan menyatakan berapa banyakkah sumbangan yang diterima daripada orang-orang ramai bagi mengadakan program SEMARAK yang diadakan di beberapa buah negeri baru-baru ini. Sila nyatakan nama-nama mereka dan jumlah sumbangan yang diterima.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai gerakan SEMARAK, saya memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua agar saya dapat jua menjawab soalan-soalan yang serupa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru yang dijadualkan pada 28.6.88, Ahli Yang Berhormat dari Bakri yang soalnya dijadualkan pada 30.6.88, Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang soalnya dijadualkan pada 1.7.88, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan

Chepa yang pertanyaan dikemukakan pada 1.7.88, Ahli Yang Berhormat dari Muar yang pertanyaan dikemukakan pada 1.7.88, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang pertanyaannya dikemukakan pada 4.7.88, Ahli Yang Berhormat dari Rasah yang pertanyaannya dikemukakan pada 4.7.88, Ahli Yang Berhormat dari Tawau yang pertanyaannya dikemukakan pada 5.7.88 dan Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang pertanyaannya dikemukakan pada 6.7.88 pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Dibenarkan.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya amat semarak sekali Ahli-ahli Yang Berhormat dengan gerakan SEMARAK ini menimbulkan banyak soalan yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini. Saya mohon memaklumkan bahawa gerakan SEMARAK atau Setia Bersama Rakyat ini adalah satu gerakan yang dianjurkan oleh Kerajaan bagi mencapai matlamat-matlamat yang berikut.

Pertama, mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu-padu kerana perpaduan adalah asas keamanan, kemajuan dan kemakmuran negara.

Kedua, menanam semangat setia di kalangan masyarakat berbilang kaum agar rakyat benar-benar cintakan negara dan bangga menjadi rakyat Malaysia kerana setia dan cinta negara adalah tunggak kekuatan bagi mana-mana bangsa dan mana-mana negara.

Ketiga, mendekatkan hubungan rakyat dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan rakyat agar Sistem Demokrasi Berparlimen di negara ini berjalan lancar lagi sihat kerana rakyat itu Kerajaan dan Kerajaan itu adalah rakyat.

Keempat, memberi penerangan yang jelas tentang matlamat Kerajaan dan

matlamat negara kerana maklumat adalah pelita hati dan fikiran.

Kelima, mewujudkan suasana yang lebih aman lagi sejahtera untuk menjamin proses pertumbuhan negara atau nation building berjalan lancar dan berkesan kerana kesejahteraan menjamin kemajuan.

Keenam, mewujudkan masyarakat yang cerdas lagi cergas supaya rakyat berfikir dengan betul dan bertindak cekat untuk menjamin perubahan dan permodenan berjalan lancar dan menguntungkan masyarakat dan negara, kerana masyarakat yang berfikir baik akan bertindak jitu dalam erti, dengan izin, mewujudkan satu masyarakat yang right thinking dan juga right action.

Ketujuh, mewujudkan budaya national kerana budaya adalah wibawa bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan SEMARAK adalah lanjutan daripada Kempen Setia yang dianjurkan oleh Kerajaan. Kempen Setia adalah berjaya membena semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan rakyat berbilang kaum. Melalui semangat patriotik ini diharapkan bahawa semangat ingin membangunkan masyarakat dan negara dapat dibena melalui gerakan SEMARAK demi kepentingan rakyat dan negara sendiri. Oleh itu gerakan SEMARAK ini bukanlah satu kempen politik sebagaimana yang banyak diperkatakan oleh setengah-setengah pihak. Ia juga bukan bertujuan untuk mendewakan sesiapa. Ia adalah satu gerakan untuk membina semangat bagi membangunkan masyarakat dan negara bagi mengatasi wujudnya masyarakat yang hanya tahu meminta-minta sahaja atau a dole society, atau masyarakat subsidi yang menyerahkan segata-galanya kepada Kerajaan. Gerakan SEMARAK juga bertujuan untuk merapatkan hubungan rakyat jelata dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan rakyat serta

menanam semangat dan sikap setia dan cinta negara di kalangan rakyat dan pemimpin-pemimpin.

Usaha yang dijalankan melalui berbagai kegiatan semasa gerakan ini diadakan, seperti kerja gotong-royong, perbincangan dan dialog, acara-acara sukan, keagamaan, kebudayaan, ekonomi dan sebagainya. Dari segi perbelanjaan, sukalah saya menjelaskan bahawa gerakan ini tidak sekali-sekali membazirkan wang Kerajaan kerana segala perbelanjaan yang dibuat adalah dari peruntukan yang sudahpun sedia ada dan diluluskan oleh Kerajaan untuk kegiatan-kegiatan yang dipertanggungjawabkan kepada berbagai agensi, terutama agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan.

Setakat ini perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk gerakan SEMARAK ini iaitu bermula di Kelantan, Perlis, Perak dan Selangor adalah seperti berikut:-

Belanja Kerajaan Persekutuan	-	\$110,118.48
Wang Kerajaan-kerajaan Negeri	-	\$436,000.00
Belanja yang dikeluarkan oleh pihak swasta dan individu	-	<u>\$130,447.00</u>
JUMLAH		<u>\$676,565.48</u>

Ini tidak termasuk sumbangan tenaga dan kebendaan yang dihulurkan oleh rakyat jelata secara sukarela.

Gerakan SEMARAK telah berjaya dari segi merapatkan hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, mendekatkan pemimpin-pemimpin di semua peringkat, baik Kebangsaan, Negeri mahupun setempat, dengan rakyat jelata dan sebaliknya melibatkan pihak swasta dan rakyat jelata dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara dan yang lebih penting lagi mewujudkan

kan kesatuan dan perpaduan yang lebih berkesan antara Kerajaan, swasta dan rakyat jelata dalam usaha-usaha pembinaan negara (nation building).

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Yang pertama, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa gerakan SEMARAK ini bertujuan mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu-padu dan di samping itu bertujuan untuk menanam semangat setia. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah ini bermakna bahawa sejak pencapaian merdeka sehingga hari ini usaha-usaha Kerajaan telah gagal untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat dan merapatkan hubungan rakyat dengan Kerajaan dan memerlukan satu kempen baru iaitu gerakan SEMARAK?

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Menteri juga ada menerangkan bahawa gerakan SEMARAK itu bukanlah satu kempen politik tetapi di sini suka saya bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ucapan-ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat berbau politik dan boleh dikatakan bahawa gerakan SEMARAK itu digunakan sebagai satu rapat umum di mana pemimpin-pemimpin yang berkenaan ada peluang untuk membuat dakwah politik khususnya mengenai politik UMNO Baru?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyebut bahawa perpaduan dan semangat setia serta cinta negara di negara ini sudahpun hakis ataupun pupus kerana kita telah berusaha untuk mewujudkan perpaduan ini secara terus-menerus dan kita juga telah berusaha untuk membina semangat setia dan cinta negara yang baik di kalangan masyarakat kita sejak kita merdeka dahulu. Akan tetapi, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan lupa bahawa pada hari ini kita telah mem-

bina satu generasi baru di masyarakat kita yang lebih muda, yang lebih bernafsu untuk mencapai cita-citanya dan kalau hendak dikira jumlah masyarakat muda di negara kita pada hari ini adalah lebih daripada separuh daripada jumlah penduduk. Sambil itu cabaran serta dugaan yang akan kita hadapi bersama dalam proses pembinaan negara atau nation building dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi lebih berat dan mencabar lagi pada masa-masa ke hadapan. Maka menimbangkan yang demikian, untuk menentukan bahawa proses nation building ini berjalan dengan lancar dan sempurna, kita fikir wajar dalam keadaan di mana kita berada pada hari ini kita tingkatkan lagi usaha-usaha perpaduan, kita tingkatkan lagi usaha-usaha membina semangat cinta negara di kalangan masyarakat kita.

Jadi, apa yang kita lakukan pada hari ini ialah peningkatan ke atas segala usaha perpaduan dan usaha membina semangat cinta negara ini yang saya sebutkan tadi merupakan asas-asas yang penting dan asas-asas yang kukuh yang akan dapat kita gunakan dalam melanjutkan usaha pembinaan negara yang mungkin lebih mencabar dan lebih menduga lagi pada masa-masa ke hadapan.

Mengenai soalan apakah ini merupakan satu platform politik, saya ingin menafikan ia sebagai satu platform politik kerana ia bukan bermaksud untuk satu platform politik, tetapi jangan kita lupa pemimpin negara adalah pemimpin politik, bahawa pemimpin negara kita harus diberi peluang untuk membuat pernyataan-pernyataan yang beliau fikir perlu menimbangkan keadaan dan suasana yang terdapat di dalam negara daripada semasa ke semasa, apatah lagi kalau keadaan dan suasana itu amat mencabar sekali yang memerlukan penerangan serta pendirian daripada pemimpin dan lebih penting lagi katau sekiranya keadaan yang ada

itu mencabar kedudukan kepimpinan yang ada kerana tidak dapat dinafikan bahawa cabaran kepada pemimpin memang ada, pembangkang pun juga mencabar pemimpin, ini tidak boleh dinafikan. Jadi, ada ketika yang saya fikir wajar pemimpin kita diberi kebebasan untuk memberi keterangan-keterangan atau kenyataan-kenyataan mahupun ia merupakan kenyataan politik kerana hidup kita tidak lari daripada politik.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Dato' Menteri ada menjelaskan bahawa kerana adanya ancaman kepada kepimpinan dan juga pemimpin, adalah menjadi satu bisikan di kalangan masyarakat yang menyatakan bahawa SEMARAK ini adalah satu platform yang digunakan oleh pucuk pimpinan bagi menunjukkan kekuatan dan juga pengaruh politik di kalangan rakyat dan saya mahu tahu apakah pandangan atau komen daripada Dato' Menteri.

Yang kedua, daripada apa yang dijelaskan tadi bahawa SEMARAK ini mempunyai matlamat dan tujuan, setakat ini SEMARAK telah diadakan di beberapa tempat di negara kita, apakah kesan-kesan yang dapat dilihat, yang telah dikaji oleh Kementerian Penerangan dan apakah ianya mendatangkan satu kesan yang baik ataupun sebaliknya?

Yang ketiganya, kalaulah ianya mendatangkan kesan yang baik dan matlamat yang dikatakan tadi sudah nampakkan kejayaan, apakah Kerajaan bercadang untuk terus mengadakan SEMARAK ini untuk masa-masa yang akan datang, mungkin untuk kali yang kedua atau kali yang ketiga pada tempat yang berbeza tetapi pada negeri yang sama?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rancangan bagi mengadakan gerakan SEMARAK

ini telah pun difikir lebih awal lagi dan ia tidak mengambil kira tentang situasi politik yang ada terutama selepas keputusan yang dibuat oleh Mahkamah. Ia telah disusun sejak tahun lalu, hanya pelaksanaannya dibuat pada awal tahun ini. Jadi kalau ada pihak yang hendak menyatakan bahawa gerakan SEMARAK ini hendak dijadikan sebagai satu platform untuk adu tenaga, ini saya ingin menafikan dan saya berani mengatakan bahawa sokongan kepada Perdana Menteri jikalau pun tidak ada SEMARAK ini tetap baik, kecuali mereka yang tidak menyokong dan jumlah yang tidak menyokong pun tidak ramai daripada jumlah yang menyokong.

Di samping itu kita juga merasa perlu bahawa harus ada pertemuan-pertemuan yang baik dan peluang-peluang disediakan bagi rakyat mendekati pemimpin dan bagi pemimpin jua terus mendekati rakyat jelata. Dan kalau pun ada yang ramai datang inilah kerana pertamanya mereka mendapat peluang mendekati pemimpin, berbicara dengan pemimpin, mengeluarkan masalah mereka kepada pemimpin. Ini saya fikir adalah perkara yang baik, yang boleh menyegarkan lagi perkembangan demokrasi di negara kita.

Dari segi kesan-kesan yang kita nampak ternyata bahawa rakyat ingin melibatkan diri mereka dengan pembangunan di mana-mana gerakan SEMARAK dianjurkan rakyat menghulurkan tenaga dan kebendaan secara sukarela sebagai menunjukkan semangat dan kemahuan mereka untuk ikut serta di dalam proses pembangunan ini. Kita dapati di setengah-setengah tempat kita dapat mengurangkan belanja pembangunan bagi projek-projek awam seperti pembinaan balai raya, membuat jambatan dan sebagainya kerana di dalam gerakan SEMARAK ini kita menggunakan semangat gotong-royong dan ini satu nilai yang saya fikir harus kita kembangkan lagi di masa-masa ke hadapan agar:

- (i) kos pembangunan ini dapat kita kurangkan; dan
- (ii) kita dapat melibatkan rakyat secara langsung di dalam gerakan pembangunan.

Saya merasa amat sukacita bahawa pada hari ini Kerajaan telah pun bersejua bagi projek-projek kecil di luar bandar ini dilaksanakan secara gotong-royong, untuk melibatkan rakyat jelata dalam proses pembangunan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini kesan secara langsung daripada gerakan SEMARAK yang baru sahaja di empat negeri yang kita adakan. Dan menimbangkan kejayaan kita mewujudkan nilai-nilai yang boleh membantu ke arah pembangunan negara yang lebih berjaya lagi pada masa-masa ke hadapan kita telah pun merancang selesai pelancaran SEMARAK di peringkat negeri ini, di tiap-tiap daerah nanti akan jua diadakan gerakan SEMARAK untuk rakyat jelata.

#### **PERTUBUHAN KOKO ANTARABANGSA (ICCO)- PENYERTAAN MALAYSIA**

**4. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menjadi ahli International Cocoa Organization (ICCO) di masa akan datang. Jika ta, bila dan sama ada beliau sedar bahawa ICCO tidak dapat menyelesaikan perselisihan antara negara-negara pengeluar dan pengguna ke atas masalah bekalan dan harga. Memandangkan beberapa pembeli-pembeli utama Malaysia (46%) bukan ahli ICCO, apakah akan terjadi dengan pasaran saham jika kita menjadi ahli ICCO.

5,7.88

**26. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar**

minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan selesai menimbang untung/rugi apabila menjadi ahli International Cocoa Organization (TCCO). Adakah keputusan yang telah dibuat. Memandangkan bahawa ICCO hanya dapat mengawal 65% dari pasaran koko dunia, apakah lebih baik Malaysia menanggung dulu daripada menjadi ahli.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shean pada hari ini dan Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar pada 5hb Julai, 1988 yang mana soalan-soalan tersebut adalah perkara yang sama berkaitan dengan penyertaan Malaysia dalam Pertubuhan Koko Antarabangsa untuk dijawab serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedang mengkaji dengan telitinya sama ada Malaysia perlu menyertai Perjanjian Koko Antarabangsa Keempat termasuk bila masa yang sesuai bagi Malaysia menyertainya.

Kementerian sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh Pertubuhan Koko Antarabangsa (ICCO) seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya percaya dengan kerjasama dan persefahaman kedua-dua pihak pengeluar dan pengguna masalah tersebut akan dapat diselesaikan dengan cara baik.

Dalam mempertimbangkan penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Koko Antarabangsa Keempat, kita sudah tentu akan mengambilkira semua aspek mengenai kebaikan dan keburukannya bagi menjadi kepentingan industri koko Malaysia. Malaysia sewajarnya memberi pertimbangan positif untuk menyertai ICCO sekiranya ia akan membawa manfaat kepada negara dan industri koko keseluruhannya.

## HUTANG LUAR NEGERI

**5. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kenaikan hutang-hutang luar negeri bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 akibat turun (depreciation) nilai matawang Ringgit dan juga menyatakan sama ada hutang luar negeri yang tinggi dan perkhidmatan hutang (debt servicing) akan menjejaskan pemulihan ekonomi kita.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan matawang asing terutamanya Yen Jepun dan Deutschemark berbanding dengan Dollar Amerika dan Ringgit telah menyebabkan hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dalam Ringgit meningkat sebanyak \$7 billion bagi tempoh 1985 hingga 1987.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkembangan ini adalah di luar kawalan kita. Walau bagaimanapun Kerajaan telah pun mengambil langkah untuk mengurangkan hutang luar negerinya akibat daripada kenaikan matawang asing dengan membuat bayaran awal kepada beberapa pinjaman pasaran. Dalam masa dua tahun iaitu daripada 1987-1988 Kerajaan telahpun membuat bayaran awal sebanyak \$5 billion dari hutang luar negerinya,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan langkah bayaran awal Kerajaan, nisbah pembayaran balik hutang luar yang diukur sebagai sebahagian daripada eksport kasar barangan dan perkhidmatan telahpun jatuh dari tahap tinggi iaitu 18% dalam tahun 1986 ke 15.2% pada tahun 1987. Peraturan ini adalah jauh lebih rendah dari "ceiling" nisbah pembayaran balik hutang iaitu 20% yang dianggap oleh Kerajaan sebagai nisbah yang maksimum. Dengan itu nisbah yang terdapat sekarang ini tidak akan menjejaskan pemulihan ekonomi negara.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambah-

an. Tidak berapa lama dahulu kita dengar bahawa satu daripada usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan bebanan hutang luar negeri ini ialah melalui meminjam Yen pada masa ini untuk rriembayar hutang Yen yang diambil tidak berapa lama dahulu. Saya ingin tahu berapa banyakkah Yen yang telah dipinjam di dalam keadaan kenaikan nilai Yen dan hutang yang manakah yang dibayar oleh Kerajaan iaitu menerusi projek-projek manakah seperti Kedah Cement, HICOM, PERWAJA dan lain-lain lagi?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak mempunyai maklumat yang terperinci mengenai angka-angka seperti ini. Tetapi di sini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa jikalau Kerajaan bercadang meminjam lagi Yen Jepun untuk membayar balik hutang pinjaman Yen Jepun, Kerajaan akan dapat meminjam dari satu sumber di mana Kerajaan dapat pinjaman yang lebih murah untuk memulang balik pinjaman yang lebih mahal. Terima kasih.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat mengatakan bahawa oleh sebab kenaikan matawang asing, hutang negara menjadi naik sebanyak \$7 billion, tetapi saya rasa pakar lain ada mengatakan kenaikan itu adalah sebanyak \$10 billion bukan \$7 billion.

Saya mahu bertanya apa sebab, walaupun Kementerian Kewangan mengadakan ramai pakar-pakar ekonomi atau financial analysts tidak boleh di-estimate kalau wang Yen dan Deutschmark akan naik nilainya. Apa sebab kita punya loan tidak ditukar kepada lain-lain matawang, misalnya US Dollar? Kalau ada pakar-pakar itu bekerja dengan baik, kalau Kementerian bekerja dengan baik, saya ingat kita boleh mengelakkan debts lebih daripada \$10 billion itu. Apa sebabnya?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan kita membuat pinjaman daripada luar negeri dari beberapa negara, bukan sahaja daripada Jepun, tetapi daripada Jerman, Amerika Syarikat dan sebagainya. Jadi, oleh kerana kadar pertukaran' mat-awang asing (foreign exchange rate) adalah satu benda yang tidak dapat dikawal semata-mata oleh Kerajaan kita, jadi apabila keadaan berubah, tentulah Kerajaan kita terjejas sedikit, tetapi watau bagaimanapun langkah-tangkah yang berkesan telah diambil untuk dikawal apabila keadaan itu jadi begitu tidak baik untuk negara kita ini.

Berkenaan dengan pakar-pakar ekonomi, tentulah Kerajaan kita mempunyai pakar-pakar yang baik, tetapi oleh kerana Kerajaan kita ini mengamalkan satu sistem ekonomi yang terbuka, jadi kuasa-kuasa yang berubah dalam pasaran foreign exchange tidaklah dapat Kerajaan kita mengawalnya semata-mata.

## PEMBUNUHAN RAKYAT ASING DISANDAKAN

**6. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan satu kertas Putih atas kejadian pembunuhan 8 orang asing dilakukan oleh pihak polis pada pukul 3.40 pagi hingga 4.30 pagi bersamaan 23hb Mei, 1988 di Sandakan; apakah motif mereka yang terlibat itu dan mengapakah mereka menyerang pihak polis.

27.6.88

**20. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah tragedi kematian 8 orang yang ditembak mati oleh pihak polis berlaku di daerah Sandakan, Sabah baru-baru ini.

27.6.88

**22. Tuan Nurnikman bin Abdullah**

minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sudahkah pihak polis membuat penyiasatan yang menyeluruh terhadap kes di Sandakan di mana 8 orang yang dikatakan pengikut ajaran sesat telah ditembak mati oleh pihak polis baru-baru ini. Apakah motif sebenar di sebalik serangan oleh 8 orang penjenayah itu dan apakah langkah-langkah keselamatan diambil oleh pihak polis khasnya di Pantai Timur Sabah di atas kemungkinan berulangnya peristiwa ini.

28.6.88

**32. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkembangan terbaru atas kes yang mana 8 orang asing ditembak mati di Sandakan pada Mei 1988 dan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan suatu Kertas Putih untuk maklumat rakyat.

5.7.88

**36. Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah siap membuat siasatan ke atas percubaan kumpulan 8 orang (yang telah pun ditembak mati oleh polis) untuk menyerang balai polis di Sandakan pada 16.5.1988. Kalau sudah, nyatakan:-

- (a) nama kelapan-lapan orang itu serta bangsa dan asal-usul mereka;
- (b) apakah motif mereka sebenarnya; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan demi untuk memastikan agar peristiwa seperti itu tidak akan berulang lagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab sekali gus soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Semporna, Kimanis, Bukit Mer-tajam dan Kota Belud pada sesi ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut menyentoh perkara-perkara yang sama

iaitu peristiwa kematian 8 orang berjubah yang ditembak mati oleh pihak polis.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peristiwa yang berlaku pada 23hb Mei, 1988 itu bermula apabila tiga orang anggota Mobile Petrol Vehicle (MPV) yang sedang membuat tugas sekatan di kilometer 1 1/2 Jalan Sim Sim, Sandakan menerima aduan dari seorang pemandu teksi bahawa sekumpulan orang berjubah telah menyerang dan menetak teksinya berhampiran Kampong Borneo Development Corporation (BDC), Sandakan. Bertindak daripada maklumat tersebut, ketiga-tiga anggota MPV telah menuju ke tempat kejadian dan bertembung dengan sekumpulan 8 orang yang berjubah (seorang berjubah merah manakala 7 orang berjubah putih) yang semuanya bersenjatakan parang panjang berukuran 2 1/2 kaki.

Anggota-anggota MPV telah meminta mereka bersurai tetapi mereka cuba menyerang anggota-anggota tersebut dengan mengatakan bahawa mereka berani mati dan mereka mahu potong polis. Tembakan amaran telah dilepaskan tetapi tidak dipedulikan dan mereka terus menyerang menyebabkan anggota-anggota MPV terpaksa berundur dan meminta bantuan Ibu Pejabat Daerah Sandakan. Kumpulan tersebut kemudian bergerak menuju Kampong BDC dan mereka telah bertembung dengan 2 orang anggota Konstabel Masyarakat (KONMAS) lalu menyerang mereka. Kedua Konstabel tersebut berjaya menyelamatkan diri tetapi motosikal mereka telah ditetak. Kumpulan tersebut juga menetak tanda-tanda jalan dan sebuah kereta di situ. Seterusnya mereka bergerak menuju ke Bulatan Batu 1 1/2 Jalan Lubuk menuju ke bandar Sandakan. Di situ mereka telah bertembung dengan sepasukan polis yang diketuai oleh Inspektor Dalbir Singh yang datang untuk memberikan bantuan.

Kumpulan tersebut telah diberi amaran supaya bersurai dan menyerah diri tetapi amaran tidak mereka hirau lalu mara untuk menyerang polis dengan parang panjang mereka. Untuk mempertahankan diri, undang-undang serta kepentingan awam, polis telah terpaksa menembak mereka menyebabkan semuanya terbunuh.

Mereka yang terbunuh telah dikenali. Kesemua mereka adalah pendatang asing Filipina keturunan Suluk. Nama-nama mereka adalah Abdul Mutalib bin Imam Ansaruddin (21 tahun), Abdul Han bin Imam Ansaruddin (20 tahun), Mubasirul bin Mustapha (23 tahun), Sam bin Harajil (22 tahun), Rony Abdul Ghani (22 tahun), Muhsin (22 tahun), Magno bin Harajil (24 tahun) dan Alan (18 tahun).

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini motif sebenar tindakan kumpulan tersebut masih belum dapat dipastikan. Walaupun begitu, hasil siasatan polis mendapati kemungkinan-kemungkinan ini merupakan motif kumpulan tersebut iaitu:-

- (i) membalas dendam terhadap polis yang bertindak menangkap rakan-rakan mereka yang masuk ke Sabah secara haram dan dihantar pulang ke Filipina;
- (ii) mendapatkan pembebasan rakan-rakan mereka yang kini sedang ditahan oleh polis dan menunggu untuk dihantar pulang ke Filipina;
- (iii) mencuba ilmu kebatinan yang mereka pelajari dari seorang bangsa Illanun yang berasal dari Cotabato, Filipina.

Siasatan polis itu juga menghasilkan tangkapan 11 orang lelaki pendatang asing Filipina. Mereka kini sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dari soal siasat, mereka mengaku mengenali kelapan-lapan orang yang ditembak mati itu tetapi

menyangkat sebarang perhubungan dengan kumpulan tersebut dan mereka mendedahkan bahawa kumpulan tersebut mengamalkan ajaran sesat. Di antara kepercayaan kumpulan tersebut ialah seperti berikut:-

- (i) Dunia akan kiamat dalam tempoh 12 tahun lagi.
- (ii) Mereka sanggup mati awal kerana jika lama hidup di dunia dikhuatiri banyak membuat dosa.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada peristiwa tersebut, Kerajaan telah mengarahkan pihak polis supaya mengambil langkah-langkah keselamatan seperti berikut:-

- (i) mempertingkatkan kawalan di semua bahagian Sabah;
- (ii) mengawasi semua kegiatan badan, pertubuhan, kumpulan dan orang perseorangan yang berbentuk keagamaan yang berpotensi mendatangkan ancaman.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan Kertas Putih berhubung peristiwa tersebut, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk berbuat demikian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, berapa orangkah yang dapat melarikan diri dari tindakan polis itu dan bagaimanakah pengikut ajaran sesat ini dapat lepas masuk ke Sabah dan setakat manakah mereka dapat menjejaskan ajaran agama Islam di dalam negeri Sabah?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Soalan yang pertama, tidak ada seorang pun yang dapat lepas lari kerana semuanya dibunuh. Itu jawapan kepada soalan yang pertama 8 orang yang menyerang, 8 orang yang kita telah tawan dan kita bunuh.

Yang kedua, oleh kerana sempadan

di Sabah adalah begitu luas dan terbuka kepada pendatang-pendatang asing, adalah sukar untuk kita mengetahui tentang tujuan kemasukan orang-orang ini dan kita tahu ada yang datang kerana pelarian daripada keadaan negara asal, yang kedua kerana untuk mencari makan, yang ketiga mungkin perkara-perkara sepertimana yang berlaku pada tanggal tersebut.

Perkara yang ketiga, setakat ini ajaran sesat ini tidak menular kepada rakyat tempatan tetapi nampaknya ajaran sesat telah dapat bertapak dengan orang-orang yang mendatang tanpa izinnya sendiri yang menyebabkan kekacauan ini berlaku.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapa pihak polis menembak semua 8 orang yang mati dan tidak menembak seperti kaki atau tangan mereka.

Oleh kerana kalau mereka ini cedera, kemungkinan besar pihak polis dapat maklumat yang baik mengenai berapakah jumlah mereka yang ada dan kemungkinan perkara seperti ini lagi berlaku. Jadi, saya ingin tahu kerana pihak polis mempunyai senjata yang moden dan oleh kerana pihak penjenayah cuma memakai parang yang panjang, jikalau pihak polis menembak dengan kecederaan sahaja kemungkinan keselamatan dapat dikawal dengan begitu rapi sekali.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar sekali bagi Kementerian Dalam Negeri terutama sekali Pasukan Polis untuk menimbangkan pendapat yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat itu, kerana apabila Pasukan Polis bertindak tegas, maka ada orang kata Pasukan Polis terlalu zalim dan tidak berperikemanusiaan dan sebagainya. Tetapi bila Pasukan Polis terlambat sedikit mengambil tindakan, maka ada pula pihak

yang berkata mengapa Pasukan Polis begitu lembab dan tidak mengambil tindakan dan sebagainya. Jadi, inilah yang paling sukar untuk Pasukan Polis bertindak.

Dalam hal seperti yang berlaku, keadaan berlaku begitu cepat sekali di mana kelapan-lapan orang menyerbu kepada Pasukan Polis, maka dalam masa tembakan itu dibuat, pada masa itu tidak nampak mana kaki, mana badan dan mana kepala kerana masing-masing terpaksa mempertahankan diri. Dalam keadaan yang seperti itulah maka kesemuanya terbunuh. Bagaimanapun, kita harus merasa syukur bahawa tindakan Pasukan Polis yang begitu cekap dan cepat dapat mententeramkan keadaan di kawasan tersebut sehingga tidak ada berlaku kematian orang awam dan juga anggota Polis.

#### **KETUA HAKIM NEGARA - PENGANTUNGAN JAWATAN**

7. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kehakiman menyatakan sebab Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas digantung jawatan serta musabab menerangkan:

- (a) sama ada perintah penggantungan oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong ini adalah atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; dan
- (b) sama ada beliau bersetuju bahawa tindakan ini merupakan suatu bukti menunjukkan Kerajaan sekali lagi mencabuli keutuhan hak kehakiman, jika tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebab-sebab penggantungan jawatan Yang Amat Arif Tun Dato' Haji Mohd. Salleh bin Abas sebagai Ketua Hakim Negara telah dijelaskan oleh Peguam Negara kepada umum

tempoh hari, Penggantungan jawatan Yang Amat Arif Tun Dato' Mohd. Salleh Abas ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 125 (5) Perlembagaan Persekutuan yang mensyaratkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh menggantung jawatan Ketua Hakim Negara atas syor Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerajaan tidak bersetuju dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat ini. Tindakan yang telah diambil adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kenapa satu tuduhan iaitu, tuduhan yang kelima berlaku selepas Tun Dato' Mohd. Salleh Abas digantung jawatannya pun masuk dalam tuduhan sebagai sebab menggantung jawatannya.

**Dato' Oo Gin Sun:** Oleh kerana perkara ini sedang ditimbang oleh Tribunal, adalah tidak wajar dibincangkan dengan detail dalam Dewan ini kerana ini mungkin menjejaskan pertimbangan Tribunal.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Soalan tambahan. Apakah implikasi kesan yang timbul dari penggantungan itu dari segi institusi kehakiman negara. Kedua, apakah benar bahawa akibat daripada penggantungan itu, pandangan umum terhadap Kehakiman telah mulai menurun, terjejas ataupun tercemar? Kalau benar, apakah langkah-langkah untuk mengatasinya? Ketiga, apakah bersetuju kalau saya katakan bahawa tindakan penggantungan itu merupakan satu bukti bahawa pihak Kehakiman telah mencabuli keutuhan Eksekutif?

**Dato' Oo Gin Sun:** Tiada apa-apa dikesan. (*Ketawa*)

#### **PENGGERUDIAN TELAGA MINYAK**

**8. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah hasil dari usaha penggerudian di dua buah telaga minyak PM 1 dan PM 2 di perairan Kedah setakat ini; dan
- (b) bilakah usaha untuk mula di-operasi sepenuhnya telaga-telaga minyak yang terdapat di perairan Kedah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PM 1 dan PM 2 bukanlah telaga minyak, tetapi adalah kawasan eksplorasi. Kawasan PM 1 terletak di barat laut Selat Melaka meliputi kawasan luar pantai Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Sementara kawasan PM 2 terletak di timur laut. Laut China Selatan di luar Pantai Kelantan. Kontraktor yang diberikan sesuatu kawasan di bawah kontrak perkongsian pengeluaran akan menggerudi beberapa telaga rambang di kawasan tersebut. Jika minyak ditemui di dalam kuantiti yang komersial dan kegiatan mengeluarkan minyak dimulakan, barulah ianya dipanggil telaga minyak.

Setakat ini PETRONAS cuma memberi kontrak kawasan tersebut untuk kerja-kerja eksplorasi. Sebenarnya cuma satu kawasan eksplorasi sahaja yang terdapat di luar pantai Kedah iaitu Blok PM 1 dan kawasan tersebut meliputi juga luar pantai Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Bagi kawasan Blok PM 1, PETRONAS telah menandatangani kontrak perkongsian pengeluaran dengan sebuah Konsortium terdiri daripada Sun Malaysia Petroleum Company, Champlin Malaysia Incorporation dan Gulf Canada Malaysia Ltd. pada 11hb Disember, 1987. Di bawah kontrak tersebut, Konsortium tersebut akan bertanggungjawab menggerudi sekurang-kurangnya empat telaga rambang. Konsortium tersebut telahpun selesai memperoleh 2,888

talian kilometer data sesimik. Setakat ini penggerudian belum lagi dimula oleh kerana kajian mendalam mengenai data sesimik tersebut perlu dibuat terlebih dahulu bagi memastikan sepenuhnya potensi hydro-carbon di kawasan Blok PM 1.

Bagi kawasan Blok PM 2 pula, surat hasrat mencari gali petroleum di kawasan itu telah ditandatangani oleh PETRONAS dengan Firm Oil Malaysia Ltd pada 22hb April, 1988. Kontrak perkongsian pengeluaran dengan syarikat tersebut dijangka akan ditandatangani pada bulan Ogos, 1988. Home Oil akan menggerudi empat telaga rambang pada tiga tahun pertama dalam jangka masa eksplorasi dan mempunyai pilihan untuk menggerudi tiga lagi telaga tambahan. Jika Home Oil memilih untuk meneruskan kegiatan penggerudian dalam masa dua tahun lagi jangka masa eksplorasi tersebut.

Untuk soalan yang kedua, adalah dijangka aktiviti-aktiviti penggerudian telaga Wild Cat atau rambang di Blok PM 1 akan dimulakan dalam tahun 1989, jika kajian data sesimik bagi Blok PM 1 menunjukkan tanda-tanda wujudnya hydro-carbon.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya menyoal soal lain tidak dapat jawapan, jadi saya cuba soalan ini., (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah pihak Kerajaan yakin bahawa dengan adanya kawasan penggerudian dan pencarian keavailabilian minyak ini, (*Ketawa*) akan menghasilkan minyak di masa akan datang untuk negara bagi kawasan Selat Melaka yang tersebut tadi.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa eksplorasi sedang dijalankan dan sesimik telahpun dibuat iaitu lebih kurang 2,880 talian kilometer

telahpun didapati dan syarikat yang telah diberikan kontrak eksplorasi ini sekarang ini sedang menyiasat sesimik itu. Sekiranya data sesemik ihi menunjukkan adanya hydro-carbon dalam kawasan itu, maka kita percaya pengerudian akan dijalankan di kawasan itu nanti.

### **BANK PERDAGANGAN - KAWALAN**

**9. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar bahawa pelabur-pelabur dalam negeri tidak menggunakan peluang tahap kecairan wang dalam negeri pada masa ini, disebabkan oleh constraint-constraint (pengawasan ketat) yang dikenakan oleh Bank Negara ke atas bank-bank komersial. Dan adakah benar penurunan kadar faedah boleh berlaku lagi andainya Bank Negara tidak begitu ketat mengawal bank-bank.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Bank Negara mengenakan kawalan-kawalan ketat ke atas bank-bank perdagangan hingga menyebabkan terhadnya peluang pelabur-pelabur tempatan untuk mendapatkan sumber-sumber pembayaran daripada institusi-institusi kewangan. Sebaliknya, Bank Negara sentiasa berusaha ke arah menggalakan bank-bank perdagangan supaya sentiasa mengeluarkan pinjaman-pinjaman untuk tujuan-tujuan produktif dan untuk mendorong pertumbuhan ekonomi. Sebagai misalan, Bank Negara telah mendesak bank-bank agar memainkan peranan aktif bagi memulihkan peminjam-peminjam bermasalah yang berdayamaju tetapi menghadapi masalah kecairan wang, dengan cara mengurangkan kadar faedah ke atas mereka dan memberi sokongan kewangan tambahan, jika diperlukan.

Mengenai kadar faedah, Bank

Negara sebenarnya telah mengpengaruhi kejatuhan kadar berian pinjaman (Lending rate) dengan memperkenalkan Garispanduan Kadar Faedah pada 1hbSeptember, 1987. Berikutan dengan itu kadar berian pinjaman bagi bank perdagangan telah diturunkan dari 10% setahun kepada 9.5% setahun dalam bulan April, 1988. Kadar ini dijangka akan turun lagi apabila bank perdagangan mengurangkan Kadar Berian Pinjaman Asas (Base Lending Rate) mereka sebanyak 0.5 mata peratusan pada 1hb Julai, 1988 nanti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Oktober, 1986 kadar berian pinjaman (lending rate) telah jatuh sebanyak 3 mata peratusan.

### **SYARIKAT PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN- LESEN**

**10. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah lesen-lesen syarikat-syarikat "Security" baru yang dikeluarkan pada tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988 hingga masa kini dan berapakah lesen-lesen yang telah dibatalkan dalam masa tempoh tersebut dan apakah sebab-sebabnya untuk pembatalan lesen-lesen tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 4 lesen Perkhidmatan Kawalan Keselamatan telah dikeluarkan sejak 1985 hingga sekarang. Keempat-empat lesen ini dikeluarkan dalam tahun 1985 dan tidak ada lesen baru dikeluarkan selepas dari tahun tersebut.

Mengenai jumlah lesen yang ditarik balik, sukalah saya memaklumkan bahawa sejak tahun 1985 hingga 1988 hanya sejumlah 8 lesen agensi perkhidmatan keselamatan telah ditarik balik.

Untuk makluman Ahli Yang Ber-

hormat yang berkenaan juga lesen agensi kawalan keselamatan ini ditarik balik adalah disebabkan pihak berkenaan telah melanggar dan tidak mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Antara syarat-syarat tersebut ialah:

- (i) mengemukakan penyata akaun setiap tahun;
- (ii) membuat caruman KWSP dan PERKESO untuk pekerja dan pengawal; dan
- (iii) mendapatkan kebenaran KDN sebelum melantik pengarah-pengarah baru dan juga membuka cawangan-cawangan.

#### **DASAR EKONOMI BARU - KEJAYAAN**

**11. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kejayaan Dasar Ekonomi Baru dalam menyusun semula masyarakat dan menghapuskan pengenal kaum mengikut fungsi ekonomi. Adakah halangan-halangan politik semasa membantutkan kemajuan di atas. Apakah penyelesaiannya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kemajuan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam menyusun semula masyarakat dan menghapuskan pengenal kaum mengikut fungsi ekonomi sehingga ini adalah baik jika dibandingkan dengan keadaan yang wujud pada tahun 1970 dahulu. Sungguhpun begitu, Kerajaan mengakui bahawa prestasi tersebut masih jauh dari matlamatnya. Butir-butir lanjut pencapaian ini telah pun dimasukkan dalam dokumen rancangan pembangunan lima tahun Kerajaan. Dokumen Rancangan Malaysia Kelima telah memberikan kedudukan sehingga tahun 1985.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan bumiputera dalam

sektor korporat hanya merupakan kira-kira dua peratus pada tahun 1970 dan angka ini telah meningkat kepada 18% pada tahun 1987. Dari segi gunatenaga, lebih-lebih lagi dalam kumpulan gunatenaga ikhtisas berpendapatan tinggi seperti arkitek, akauntan dan jurutera, kedudukan bumiputera berbanding dengan bukan bumiputera telah bertambah baik - daripada hanya 5% dahulunya telah naik kepada 23% sekarang. Penyertaan masyarakat bumiputera dalam kegiatan-kegiatan moden juga telah ketara jika dibandingkan dengan tahap mereka di tahun-tahun awal DEB.

Bidang-bidang itu termasuklah pertanian melalui FELCRA, bijih timah melalui MMC, minyak melalui PETRONAS, perkilangan sungguhpun masih dalam industri kecil, perkhidmatan pemborongan, pengedaran dan pengangkutan, sektor utilities termasuklah kontraktor dan pembinaan pengembangan harta. Dalam sektor perladangan, pemegangan melalui PNB dalam Harrison's Malaysian Plantations, Kumpulan Guthrie, Consolidated Plantations dan Highlands & Lowlands telah bertambah. Dalam sektor bank pula bumiputera memegang lebih 50% dalam 10 dari 22 buah bank dalam negeri dan antara 30% - 50% dalam 4 buah bank asing. Dalam syarikat kewangan, bumiputera memegang majoriti dalam 24 buah dari 47 buah syarikat dan 11 daripada 12 buah merchant banks. Keseluruhannya penyertaan bumiputera dalam bank tempatan, merchant banks dan syarikat kewangan telah naik daripada 69% pada tahun 1970 kepada 70% pada tahun 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menjalankan tugas ini tidak terdapat halangan-halangan politik yang membantutkan kemajuan DEB. Kita harus sedar bahawa DEB seperti juga dasar-dasar lain adalah dilaksanakan dalam konteks perkem-

bangun politik negara.

Dengan demikian, keadaan politik negara semestinya mempunyai kesan ke atas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan berpendapat bahawa pada keseluruhannya, dalam keadaan politik negara yang stabil telah membolehkan DEB dilaksanakan dengan tebih licin selama ini. Kekurangan pencapaian DEB adatah disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi, sama ada yang berpunca dari dalam atau luar negeri.

**Seorang Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak ada soalan tambahan, masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 63 adalah diberi di bawah ini.*)

#### UMURBERSARA KAKITANGAN KERAJAAN

**12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menawarkan peluang bersara kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan (laki-laki) sesudah genap umur 45 tahun dan 40 tahun bagi pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan, untuk memberi peluang kepada mereka yang berkenaan memasuki bidang-bidang yang lain.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tidak ada cadangan.

#### SAINS PARK DI CHERAS

**13. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan perkembangan dan kemajuan projek perintis 'Sains Park' di Cheras, dan bila projek

ini boleh disiapkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding);** Projek perintis ini dipanggil Projek Taman Teknologi Malaysia yang ditempatkan di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur. Projek ini dimulakan pada 2 Januari 1988 dan kemajuannya adalah seperti berikut:-

- (a) Pejabat Sementara Taman Teknologi dan juga Pusat Inkubator sedang disediakan. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menyewakan 13 unit rumah kedai di Jalan Jaya 5, Bandar Tun Razak, Cheras dari pihak Dewan Bandaraya dan telah mengubahsuaikan kawasannya. Kawasan ini telah disiapkan dan akan dirasmikan pada 1 Julai 1988; dan
- (b) Pihak Jabatan Kerja Raya sedang menyediakan pelan induk dan juga pelan bangunan untuk pembangunan ibu pejabat Taman Teknologi di tapak seluas 50 ekar.

Adalah dijangkakan pada akhir 1990, Taman Teknologi akan beroperasi di tapak 50 ekar ini.

#### KELAS BIMBINGAN SWASTA

**14. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar bahawa hanya guru-guru graduan sahaja dibenarkan untuk:

- (a) memberikan kelas bimbingan swasta selepas masa sekolah; dan
- (b) melibatkan diri dalam bidang politik selama ianya tidak mengganggu kerja-kerja sekolah mereka;

jika benar, mengapa terdapat perbezaan yang sedemikian terhadap pegawai-pegawai tinggi dalam perkhidmatan awam yang tidak dibenar-

kan melibatkan diri dalam politik;

**Tuan Woon See Chin:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa hanya guru-guru graduan sahaja yang dibenarkan untuk memberi kelas bimbingan swasta selepas masa sekolah. Guru dari semua kategori boleh memohon untuk menjalankan pekerjaan luar setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam peraturan 5, Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatater-tib) Bab 'D' 1980 dan surat-surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- (b) Adalah tidak benar bahawa hanya guru-guru graduan sahaja yang dibenarkan untuk melibatkan diri dalam bidang politik. Guru-guru graduan adalah sama dengan pegawai Perkhidmatan Awam lain yang tergolong dalam kategori pegawai-pegawai dalam kumpulan A yang ditegah sama sekali mengikut Peraturan 19 Perintah Am Bab 'D' 1980 dari mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik atau memakai lambang sesuatu parti politik. Sehingga tarikh ini, pihak Kementerian Pendidikan tidak pernah memberi kelulusan kepada mana-mana guru siswazah untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik.

**MENTERI-MENTERI NEGERI  
SABAH - PENYIASATAN**

15. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Kewangan memberi penjelasan tentang serbuan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Persekutuan yang dikatakan daripada Jabatan Hasil

Dalam Negeri di rumah-rumah kediaman 4 orang Menteri Kerajaan Sabah (Yang Berhormat Datuk Mark Koding - Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian, Yang Berhormat Datuk Chau Tet On - Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri, Yang Berhormat Datuk Joseph Kurup - Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Kerja Raya dan Yang Berhormat Datuk Bernard Dompok - Menteri Kewangan Negeri) serta tiga orang lagi yang lain pada awal-awal pagi 26.4.1988.

- (a) apakah asas atau alasan yang digunakan oleh Pegawai berkenaan untuk menyiasat para Menteri Negeri berkenaan;
- (b) kenapakah penyiasatan serupa itu tidak dibuat secara menyeluruh atau sekurang-kurangnya meliputi semua pemimpin-pemimpin yang pernah menjadi Menteri Kerajaan Negeri Sabah sejak Sabah mencapai kemerdekaan dan sekarang ini;
- (c) kenapakah cara penyiasatan itu dijalankan dengan cara yang begitu kasar, kejam dan bengis serta dengan tingkah laku yang kelihatan seolah-olah begitu ter-lalu membenci dan memusuhi terhadap Menteri-menteri berkenaan/tuan-tuan punya rumah dan isteri-isteri mereka;
- (d) adakah itu menunjukkan bahawa para pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat biasa sehinggakan mereka tidak tertakluk kepada dasar "Kepimpinan Melalui Teladan"; dan
- (e) adakah cara penyiasatan sedemikian itu difikirkan boleh membantu usaha kita untuk mempercepatkan integrasi nasional.

**30. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil "Lawatan Muhibbah" yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ke atas ahli-ahli politik di Sabah dan sama ada tindakan akan diambil untuk mendakwa mereka yang mengingkari undang-undang, jika tidak, mengapa. Sila nyatakan juga sama ada aktiviti-aktiviti yang sama juga dilaksanakan di negeri-negeri lain di Malaysia.

29.6.88

**46. Dr. Patau Rubis** minta Menteri Kewangan menyatakan rasional-rasional terhadap "ancaman kilat" yang dibuat oleh kakitangan Kerajaan daripada Jabatan Hasil dan Bumi di Negeri Sarawak dan Sabah. Adakah Menteri sedar bahawa aksi tersebut menjejaskan aktiviti ekonomi dalam bidang perumahan dan pengangkutan.

30.6.88

**43. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri terhadap tujuh orang pemimpin PBS dan apakah asas penyiasatan tersebut dan sama ada tindakan yang sama juga diambil di negeri-negeri lain dan apakah hasilnya; sama ada benar atau tidak penyiasatan ini telah menjejaskan imej baik pemimpin-pemimpin PBS sebagaimana yang didakwa oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

1.7.88

**50. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada penyiasatan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri terhadap pemimpin-pemimpin Kerajaan Parti Bersatu Sabah di Sabah baru-baru ini berunsur politik dan sama ada benar beliau tidak berpuashati dengan pengisytiharan harta-benda oleh

pemimpin-pemimpin Barisan Nasional khususnya mereka yang berada di Sabah.

7.7.55

**21. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) mengapakah pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri menjalankan penggelidahan rumah ke atas pemimpin dan ahli-ahli peniaga di Sabah pada waktu siang dan malam dalam masa yang tidak sepatutnya; dan memberi penjelasan atas tingkah laku kurang sopan pegawai-pegawai semasa menjalankan tugas; dan
- (ii) sama ada Yang Berhormat dapat memberi jaminan bahawa peristiwa yang seumpama ini tidak akan berulang lagi di masa hadapan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai (pada 27.6.88), Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing (pada 28.6.88, 30.6.88 dan 1.7.88) Yang Berhormat Dr. Patau Rubis (pada 29.6.88) dan Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min (pada 7.7.88) serentak berhubung dengan penyiasatan pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ke atas ahli-ahli politik di Sabah baru-baru ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Cukai Pendapatan 1967 memberi kuasa kepada pegawai-pegawai yang dikuasakan untuk melawat tempat kediaman pembayar cukai dan mengambil dokumen-dokumen yang diperlukan jika mereka berpendapat bahawa pembayar-pembayar cukai berkenaan tidak mengisytiharkan pendapatan mereka yang sebenar. Penyiasatan cukai tidak berasaskan status, pandangan atau perhubungan politik pembayar-cukai.

Lawatan oleh pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri baru-baru ini ke tempat kediaman beberapa ahli Kerajaan Negeri Sabah adalah salah satu daripada aktiviti-aktiviti anti-pelarian cukai, iaitu sebagai sebahagian dari tugas biasa Jabatan untuk menentukan setiap pembayar cukai membayar cukai ke atas semua pendapatannya. Penyiasatan berkenaan tidaklah berasaskan kepada taraf politik pembayar cukai tetapi berasaskan rekod cukai pembayar cukai, termasuklah maklumat yang telah dikumpul oleh Jabatan. Ianya telah dijalankan mengikut undang-undang dan tidak dengan niat untuk mengancam sesiapa pun. Ianya dijalankan selepas pukul 7.30 pagi dan tidaklah dalam masa yang tidak sesuai. Saya berpuashati bahawa tindakan pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri di Sabah itu tidaklah diluar undang-undang atau 'kasar, kejam dan bengis' seperti yang dituduh oleh Y.B. Tuan Maidom P. Pansai. Oleh kerana tindakan itu tidak benar, adalah tidak adil untuk menganggap pegawai berkenaan tidak boleh dikira sebagai sebahagian daripada masyarakat biasa. Saya juga tidak bersetuju penyiasatan tersebut akan menjejaskan aktiviti ekonomi seperti yang dituduh oleh Y.B. Dr. PatauRubis.

Tuan Yang Di Pertua, imej pemimpin-pemimpin parti adalah satu-satunya yang harus dilindungi oleh pemimpin-pemimpin berkenaan. Jika mereka tidak bertindak memburukkan imej mereka dalam apa carapun, tindakan yang diambil oleh agensi penguatkuasaan undang-undang seperti Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak akan menjejaskan mereka.

Sukacita saya memaklumkan bahawa sebagai satu peraturan, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mengumumkan hasil penyiasatan yang dijalankan ke atas pembayar cukai tertentu. Jika seseorang pembayar cukai tertentu sudi memberitahu hal per-

cukaiannya, ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan daripadanya. Cara tindakan yang akan diambil bagi kes-kes di Sabah akan tertakluk kepada fakta yang akan ditentukan pada penutupan semua penyiasatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyiasatan juga telah dijalankan ke atas beberapa pembayar cukai yang menjadi ahli Kerajaan Negeri Sabah pada masa yang lalu. Penyiasatan cukai hanya diketahui oleh pembayar cukai dan Jabatan Hasil Dalam Negeri, melainkan pembayar cukai memberitahu perkara tersebut kepada orang awam. Oleh kerana tugas anti-pelarian cukai Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah satu aktiviti berterusan, pembayar cukai yang disyaki akan disiasat tanpa mengira sama ada mereka ahli Kerajaan pada masa sekarang atau yang lalu. Penyiasatan juga dijalankan di Sarawak dan lain-lain negeri di Semenanjung. Setakat ini lebih kurang 4,700 kes telah disiasat pada masa yang lalu di seluruh negara. Dalam beberapa kes tersebut, lawatan mengejut oleh pasukan penyiasat adalah perlu dan telah didapati berkesan di mana kira-kira 95% daripada kes-kes yang dikendalikan telah berjaya. Soal memberi jaminan bahawa penyiasatan sebagaimana yang telah dijalankan di Sabah itu tidak akan berulang lagi di masa hadapan tidak timbul kerana penyiasatan-penyiasatan yang seumpama adalah selaras dengan undang-undang negara. Jika terdapat penyelewengan oleh mana-mana pembayar cukai, Kerajaan akan terus mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ingin dimaklumkan bahawa tidak ada kaitan di antara aset yang telah diisytiharkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan penyiasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri di Sabah atau tempat-tempat lain. Walaupun mungkin Yang Amat Berhormat Per-

dana Menteri telah berpuashati dengan aset yang telah diisytiharkan kepada beliau, Jabatan Hasil Dalam Negeri mungkin atau mungkin tidak menyiasat tertakluk kepada aset dan pendapatan yang telah diisytiharkan kepadanya dan sama ada pendapatan tersebut telah mencukupi untuk memperolehi aset berkenaan.

Sukalah juga saya menegaskan bahawa usaha-usaha ke arah integrasi nasional tidaklah bermakna bahawa mana-mana golongan masyarakat tertentu dikecualikan dari pematuhan undang-undang cukai. Saya tidak berpendapat aktiviti anti-pelarian cukai oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri akan menjejaskan integrasi nasional.

#### **AHLI PARLIMEN AUSTRALIA MENCAMPURI HAL EHWAL MALAYSIA**

**16. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Luar Negeri menyatakan terdapat 105 Ahli Parlimen Australia telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ber-sabit penahanan Ahli-Ahli Politik di bawah ISA - mencampuri hal ehwal negara kita. Kita Ahli-Ahli Parlimen Malaysia belum pernah mencampuri tindak-tanduk Kerajaan Australia ataupun negara-negara lain, maka apakah langkah Kerajaan terhadap mana-mana negara yang cuba mencampuri hal ehwal negara kita Malaysia.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Prinsip hubungan antara negara dalam masyarakat antarabangsa telah menentukan bahawa sesebuah negara itu seharusnya tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri sesebuah negara lain. Kearifan para Yang Berhormat Ahli Parlimen Malaysia terhadap prinsip ini patut disanjung dan menjadi contoh pada Ahli-ahli Parlimen negara lain.

Bagaimanapun, dalam hubungan an-

tara negara dan antara Kerajaan adakalanya terdapat beberapa perkembangan pertukaran pendapat di antara kedua negara yang terlibat berhubung sesuatu pendirian atau pergolakan. Perkembangan ini adakalanya juga menyentuh isu-isu dalam negeri sesebuah negara yang berkenaan. Pada lazimnya perkara seumpama ini berlaku dalam semangat persahabatan dan sesebuah negara yang terlibat adalah peka akan batas-batas tindak-tanduk mereka yang boleh dianggap sebagai campurtangan.

Jika berlaku pelanggaran batas oleh sesebuah negara dalam hubungan mereka dengan Malaysia, Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak berkenaan.

Tindakan Kerajaan dalam menjaga nama, maruah dan kedaulatan negara dibuat melalui saluran-saluran tertentu yang sedia ada dalam praktik hubungan antara negara, Tindak-tanduk kita ini juga tergantung kepada bentuk campurtangan yang kita hadapi. Dalam konteks ini, Kementerian Luar Negeri adalah peka dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam menghadapi sebarang campurtangan asing terutamanya jika campurtangan itu terbit dari pihak Kerajaan sesebuah negara asing.

#### **KAWALAN PERTUKARAN WANG ASING**

**17. Tuan Douglas Uggah Embas** meminta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah anggaran aliran modal keluar negeri bagi tahun 1986, 1987 dan sehingga Jun 1988;
- (b) bagaimanakah kedudukan kadar aliran modal dari negara kita jika dibandingkan dengan aliran modal keluar negeri dari negara-negara ASEAN lain.

### Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mengamalkan sistem kawalan pertukaran wang asing yang liberal selaras dengan struktur ekonomi terbuka. Ini membolehkan pergerakan masuk keluar modal secara bebas di negaraini.

Berasaskan pada rekod kawalan pertukaran wang, anggaran modal bersih yang mengalir keluar dari Malaysia daripada tahun 1986 hingga bulan Mac 1988 adalah seperti berikut:-

Tahun	Aliran Modal Keluar Bersih (\$juta)
1986	2,755
1987	2,649
1988 (Mac)	2,131

Sebahagian besar daripada jumlah modal tersebut adalah untuk membayar balik hutang luar negeri. Walau bagaimanapun paras aliran modal keluar ini adalah paras pergerakan biasa selaras dengan perkembangan ekonomi negara yang bertambah baik.

- (b) Data-data perbandingan bagi negara-negara ASEAN tidak ada.

### ASRAMA PELAJAR MISKIN DI LUAR BANDAR

**18. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan asrama untuk pelajar miskin luarbandar yang telah dibina di seluruh negara. Bagaimana keberkesanannya kepada kemajuan pendidikan dan pembelajaran murid-murid yang diterima masuk. Apakah kesan kepada mobiliti kemasyarakatan pelajar-

pelajar tersebut dapat diberikan pertimbangan dan jaminan pada masa akan datang.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan asrama untuk pelajar miskin di luar bandar yang telah dibina di seluruh negara sebanyak 379 buah. Buat masa ini, keberkesanan hidup berasrama adalah menggalakkan dan sebilangan besar pelajar-peiajar tersebut berkeupayaan mencapai taraf akademik yang memuaskan dan membentuk rohani dan jasmani yang sihat serta mempelajari hidup bermasyarakat. Ini adalah kerana kesemua asrama-asrama tersebut mempunyai peraturan-peraturan bagi melicinkan perjalanannya dengan dikuatkuasakan oleh waden-waden asrama.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kesan kepada mobiliti kemasyarakatan pelajar-pelajar tersebut kerana ini memerlukan kajian yang mendalam dan proses yang lama.

### MINYAK MENTAH MALAYSIA-PENGELUARAN

**19. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah pengeluaran minyak di Malaysia dalam kiraan barrel bagi tahun-tahun 1981-1987.
- (ii) sebab-sebab mengapa terdapat pertambahan dalam pengeluaran, walaupun harga minyak tidak dinaikkan dalam tahun-tahun tersebut; dan
- (iii) berapa lama lagikah simpanan minyak kita akan berakhir jika pengeluaran berterusan.

**Tuan Kasitah bin Goddam:**

- (i) Jumlah pengeluaran minyak mentah Malaysia bagi tahun-tahun 1981-1987 adalah seperti berikut:

(ribu tong sehari)

1981	1982	1983	1984	1985	1986	1987
258	303	383	447	446	503	449

- (ii) Pada amnya harga minyak bergantung kepada keadaan pasaran dunia. Bagaimanapun bagi pengeluaran minyak negara, keperluan kewangan negara untuk membiayai program-program pembangunan negara mengikut sesuatu rancangan pembangunan Lima Tahun, merupakan faktor utama yang diambilkira dalam perancangan pengeluaran minyak negara. Keperluan ini perlu diandaikan kepada sesuatu paras harga yang munasabah yang dianggap stabil untuk beberapa tahun tempoh yang dirancang. Jika didasarkan kepada turun-naik harga minyak dunia semasa ianya tentu sekali akan menjejaskan perancangan pembangunan negara.

- (iii) Berdasarkan paras pengeluaran sekarang iaitu sebanyak 540,000 tong sehari serta jumlah rezab yang ada sebanyak lebih kurang 2,700 juta tong, tempoh hayat bagi rezab minyak mentah Malaysia dianggarkan lebih kurang 14 tahun.

[Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. V

#### JAMBATAN PASIR MAS- PEMBINAAN

**21. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Jambatan Pasir Mas, Lemal Kg. Salor akan dibina dan berapa peruntukan yang dicadangkan untuk jambatan itu.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tawaran bagi projek pembinaan

Jambatan Pasir Mas telahpun ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya. Pihak kontraktor tersebut akan mengambil alih milik tapak pada 16 Julai 1988 untuk memulakan kerja-kerja pembinaan.

Kos projek ini adalah dianggarkan sebanyak \$20 Juta iaitu termasuk kos pembinaan dan bayaran pampasan pengambilan balik tanah.

[Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 6]

#### JEMAAH HAJI - PENIPUAN AGEN-AGEN

**23. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan langkah undang-undang yang telah, sedang dan akan diambil kepada agen-agen Haji yang mana telah menipu jemaah haji pada tahun-tahun yang terdahulu dari ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tabung Haji tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap agen-agen tersebut kecuali:

- (i) ada jemaah haji telah tertipu oleh agen-agen itu melaporkan perkara itu kepada Tabung Haji; dan
- (ii) agen-agen Haji tersebut mengiklankan perkhidmatannya di bawah Seksyen 67A(1) Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 tanpa mendapat terlebih dahulu, kebenaran bertulis daripada Tabung Haji.

Dalam hal ini Tabung Haji telah melaporkan kes seorang agen Haji yang telah menipu jemaah Haji dalam tahun 1983 dan kes ini masih dalam tindakan pihak polis.

#### TARIAN ORANG ASLI

**24. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan

menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Pusat akan mencontohi Kerajaan Negeri Melaka menjadikan tarian Orang Asli sebagai salah satu acara rasmi dalam majlis keramaian anjuran Kerajaan.
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara bagi tempoh 1988-1990.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman):**

- (a) Tiap-tiap negeri biasanya akan memilih jenis tarian yang sesuai untuk mempunyai ciri-ciri khusus negeri itu. Pemilihan ini biasanya dibuat kerana sifat khusus yang terdapat dalam tarian-tarian itu dibanding dengan yang terdapat di negeri-negeri lain. Negeri Melaka telah memilih untuk mengenengahkan tarian-tarian Orang Asli kerana sifatnya yang unik. Walau bagaimanapun ciri-ciri ritualnya telah dikeluarkan. Yang dipentaskan hanyalah sifatnya sebagai suatu kesenian. Untuk peringkat acara rasmi pementasan biasanya dipersesuaikan dengan keperluan berbagai acara dan suasana dengan mementaskan acara-acara dari negeri-negeri yang mempunyai kualiti teater yang sesuai dengan tuntutan estetika yang wajar. Dengan itu ciri-cirinya mempunyai suatu himpunan acara kesenian yang relatif besar. Dengan kata lain banyak acara dan bahan seni yang mampu dan yang boleh dipentaskan sesuai dengan ciri-ciri kebangsaan.

Dengan itu pemilihan untuk memastikan tarian Orang Asli akan dipilih untuk menjadi suatu acara rasmi atau tidak,

tidak timbul. Ia mengikut keadaan dan keperluan.

- (b) Kerajaan telah menyusun beberapa strategi untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini bagi tempoh 1988 - 1990. Di antara strategi yang telah dirumuskan adalah:
  - (i) melaksanakan program-program pemasaran dan penggalakan yang berkesan di pasaran-pasaran utama yang telah dikenalpasti.
  - (ii) memberi galakan dan insentif kepada pengusaha pelancongan tempatan dan di luar negeri untuk mengendali lebih banyak lawatan ke negara ini.
  - (iii) menimbulkan kesedaran dan publisiti mengenai Malaysia sebagai pusat pelancongan dan konvensyen melalui program kerajinan yang ditujukan kepada rombongan perfileman serta penulis-penulis asing serta penyeritaan di pameran pelancongan dan lain-lain di luar negeri.
  - (iv) memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada pihak swasta Malaysia yang berkecimpung dalam bidang pelancongan melalui penganjuran misi-misi jualan di beberapa pasaran utama.
  - (v) menjalinkan kerjasama rapat dengan Sistem Penerbangan Malaysia dan lain-lain syarikat penerbangan asing agar dapat mengendalikan program-program pemasaran bersama dalam menarik lebih

- ramai pelancong bercuti di Malaysia.
- (vi) melaksanakan program-program penggalakan bersama dengan badan-badan Pelancongan Negara-negara ASEAN untuk meningkatkan lagi perjalanan intra-ASEAN.
- (vii) menubuhkan pejabat-pejabat penerangan baru dan melantik, secara kontrak, khidmat juruperunding pemasaran di luar negeri untuk meluaskan penerangan mengenai Malaysia dan membantu pengusaha-pengusaha pelancongan serta pelancong asing dalam merancang lawatan ke Malaysia.
- (viii) membantu dalam penggalakan aktiviti-aktiviti tercorak pelancongan dan kebudayaan serta menganjur program pelancongan tahunan umpamanya "Malaysia Fest" dan "Visit Malaysia Year 1990" dengan tujuan menjadikan negara ini lebih menarik sebagai destinasi pelancongan.
- (ix) membantu agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dalam meningkatkan lagi produk pelancongan dan destinasi pelancongan tempatan.

#### TAHUN MELAWAT MALAYSIA

25. **Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah benar Kerajaan ber-cadang mengisytiharkan tahun 1990 sebagai "Tahun Melawat Malaysia" (Visit Malaysia Year);

- (b) jika benar, apakah aktiviti-aktiviti yang akan disediakan dan adakah kesemua negeri-negeri akan terlibat; dan
- (c) berapa peruntukan yang akan disumbangkan oleh Kerajaan untuknya.

#### Tuan Abdul Rahman bin Suliman:

- (a) Memanglah benar Kerajaan akan mengisytiharkan tahun 1990 sebagai "Tahun Melawat Malaysia".
- (b) Untuk tujuan ini Kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan dan ahli-ahlinya terdiri dari Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, yang bertanggungjawab mengenai Pelancongan dan juga wakil-wakil dari agensi Kerajaan yang terlibat. Beberapa Jawatankuasa lain juga telah ditubuhkan bagi merancang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 1990.
- (c) Anggaran peruntukan bagi program ini akan dibuat sebaik sahaja program/aktiviti bagi tahun 1990 ini dipersetujui.

#### SEKOLAHASRAMA

26. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menjelaskan kedudukan tahap disiplin di sekolah-sekolah dengan memberi perbandingan antara sekolah-sekolah berasrama dan tidak berasrama; di seluruh negara. Jika tahap disiplin ini bertambah merosot, nyatakan antara faktor-faktor utama yang mempengaruhinya dan apakah tindakan Kementerian dari segi mengatasi masalah ini dahpada berterusan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk (makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan disiplin di sekolah-sekolah ber-

asrama dan tidak berasrama di seluruh negara pada keseluruhannya adalah terkawal dalam erti kata penglibatan murid-murid dalam kesalahan-kesalahan berat dan bilangan kejadian kesnya adalah begitu rendah. Di sekolah-sekolah berasrama atau pun tidak berasrama, setakat yang diketahui, belum ada peristiwa tidak berdisiplin di kalangan murid-murid kita yang telah menggugat atau memberhentikan perjalanan dan pengurusan pengajaran pembelajaran di sekolah.

### DASAR PERPADUAN NASIONAL

**27. Dr. Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa wakil dari parti-parti Pembangkang tidak juga menganggotai Jawatankuasa yang ditubuh untuk merangka satu dasar perpaduan nasional yang baru; tanpa kehadiran wakil-wakil dari parti Pembangkang, bagaimanakah Kerajaan dapat mengesyorkan bahawa dasar yang dirangka adalah sebenar-benarnya seimbang dari semua sudut pandangan, terutama sekali dari segi kefahaman politik yang mana dalam Jawatankuasa sekarang, hanyalah menerima pandangan wakil-wakil Barisan Nasional sahaja dan bukannya dasar yang baru akan menjadi lebih bermakna dan mengikatkan kesemua pihak dalam arena politik jika dirangka bersama-sama oleh kedua-dua pihak pemerintah dan parti-parti pembangkang. Jika tidak setuju, apakah sebab-sebab Kerajaan menyangkal hakikat ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman):** Terlebih dulu saya ingin menjelaskan bahawa apa yang dirangkakan itu bukanlah merupakan satu dasar dalam erti kata yang sebenarnya. Ia adalah satu urusan menyusun satu huraian yang lebih lengkap terhadap pengertian konsep perpaduan.

Jawatankuasa Pemandu Konsep

Padu yang dimaksudkan itu telah ditubuhkan untuk membantu dalam usaha menghuraikan dengan lebih lengkap mengenai pengertian konsep perpaduan. Keahlian Jawatankuasa ini amatlah luas termasuk wakil-wakil jabatan Kerajaan, organisasi-organisasi sukarela, pertubuhan-pertubuhan kaum, agama, belia, sosial dan politik. Kerajaan berterima kasih, setakat ini wakil-wakil tersebut telah memberi banyak pandangan yang membina dan sumbangan ini membantu Kerajaan khususnya. Jabatan Perpaduan Negara, menjalankan tugas dengan berkesan. Lanjutan daripada itu Jabatan Perpaduan Negara sedang menyusun beberapa program baru dalam usaha menggerakkan masyarakat ke arah perpaduan yang lebih kukuh.

Pandangan-pandangan daripada parti-parti Pembangkang yang dikemukakan dalam Dewan ini dan kerap kali juga di majlis-majlis tertentu yang sering menghasut rakyat di luar Dewan amat diketahui oleh Kerajaan. Oleh itu Kerajaan berpendapat keanggotaan yang ada dalam Jawatankuasa setakat ini sudah mencukupi untuk mengeluarkan resolusi-resolusi yang baik bagi perpaduan rakyat.

### JALAN RAYA SANDAKAN KE LAHAD DATU

**28. Tuan Pitting Haji Mohd. Ali** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berkecnaan dengan pembinaan 'Highway' dari Batu 32, Sandakan ke Lahad Datu:

- (a) Berapa peratuskah prestasi pembinaan jalan ini yang telah siap atau setakat ini apakah kemajuan kerja pembinaan yang telah dicapai sejak projek ini dijalankan;
- (b) Bilakah projek ini dijangka akan siap; dan
- (c) Adakah kerajaan akan membina jalan-jalan susuran (jalan-jalan

kecil) yang beraspal ke kampung-kampung yang wujud disepanjang pemhinaan highway ini demi kemudahan perhubungan penduduk-penduduk kawasan ini.

**Dato' S. Samy Vellu:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jalan raya dari Batu 32 Sandakan ke Lahad Datu dibahagikan kepada 2 'package' iaitu package B1 sepanjang 52 km dan package B2 sepanjang 65 km. Disamping itu terdapat juga pembinaan 2 jambatan sepanjang jalan itu iaitu Jambatan Kinabatangan dan Jambatan Segama yang merupakan kontrak berasingan. Peratus kemajuan package B1 ialah 34.2% dan B2 ialah 27.0%. Manakala kemajuan pembinaah Jambatan Segama ialah 37.2% dan Kinabatangan ialah 39%.
- (b) Kerja pembinaan bagi 'package' B1 dijadualkan siap pada Januari 1989 dan 'package' B2 dijadualkan siap pada September 1989. Manakala pembinaan Jambatan Segama dijangka siap pada Disember 1988 dan Jambatan Kinabatangan pada Disember 1989.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan susulan dan jalan masuk ke kampung-kampung di sepanjang jalan raya Sandakan-Lahad Datu adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Saya telah ditahamkan bahawa setakat ini Kerajaan Negeri belum ada cadangan untuk membina dan mengaspal jalan-jalan kecil yang sedia ada. Walau bagaimanapun kerajaan negeri akan mengkaji dari tahun ke tahun untuk mengaspal jalan kecil mengikut jumlah penduduk.

**KERETA RE-CONDITIONED  
DI LANGKAWI**

**29. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa baru-baru ini Menteri telah mengumumkan bahawa sebuah kilang bagi kereta "re-conditioned" akan ditubuhkan di Pulau Langkawi; apakah langkah ini bijak kerana langkah sedemikian akan menjejaskan penjualan Kereta National Proton Saga. Oleh yang demikian apakah Menteri akan menimbang semula keputusan tersebut; jika tidak mengapa.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Pada satu ketika dahulu pihak Kementerian ada mengkaji tentang cadangan untuk berbuat demikian dan mendapati tidak ada alasan untuk mewujudkan kilang bagi kereta terpakai di Langkawi.

**HAKIM DILUCUTKAN DARI  
JAWATAN - TRIBUNAL**

**30. Dr. Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah bidang tugas dan kuasa Tribunal di bawah Fasal 125(3) Perlembagaan Persekutuan dan bolehkah Tribunal tersebut mencadangkan supaya seseorang Hakim yang telah disiasat dilucut dari jawatannya.

**Dato' Oo Gin Sun:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang tugas dan kuasa tribunal di bawah Perkara 125(3) Perlembagaan Persekutuan ialah untuk mendengar dan membuat kesimpulan mengenai apa-apa dakwaan berkenaan dengan kelakuan seseorang Hakim yang telah dirujuk kepada Tribunal, Tribunal boleh mengesyorkan kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sama ada seseorang Hakim dilucutkan dari jawatannya atau tidak.

**SKIM KEUTAMAAN AM (GSP)**

**31. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan faedah-feadah SKIM KEUTAMAAN AM (GSP) kepada negara. Kiranya kerajaan Amerika Syarikat menarik balik kemudahan ini apakah kesannya kepada Negara dari aspek jumlah syarikat, modal berbayar dan jumlah tenaga buruh yang terlibat. Apakah tindakan kerajaan kepada mereka yang sengaja membangkit-bangkitkan dan melakukan desakan agar Skim Keutamaan Am ini ditarik balik.

**34. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) jumlah dan pecahan nilai export barangan Malaysia ke Amerika Syarikat yang mendapat kemudahan Skim Sistem Keutamaan Am Perdagangan (Generalised System of Preference - GSP) semenjak tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988 hingga kini; dan
- (ii) apakah benar Setiausaha Agung Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Encik V. David meminta sebuah Kesatuan Sekerja terbesar Amerika - APL-C10 supaya menamatkan keistimewaan perdagangan kandungan penting surat tersebut. Apa pula kesan-kesan perdagangan dan sampingan lain kepada Malaysia akibat tindakan Encik V. David itu. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi keadaan ini.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Saya memohon izin untuk menjawab sekali soalan daripada Yang Berhormat dari kawasan Marang atas perkara yang sama.

Sistem Keutamaan Am atau GSP adalah satu sistem di mana beberapa negara-negara maju memberi layanan

istimewa kepada import daripada negara-negara membangun dalam bentuk pengurangan atau penghapusan duti import. Di bawah skim GSF Amerika Syarikat, semua barangan yang layak mendapat layanan GSP diberi pengecualian cukai. Dengan keistimewaan tarif yang diberikan itu; daya saingan eksport negara-negara membangun akan dapat ditingkatkan berbanding dengan eksport negara-negara yang tidak mendapat layanan GSP. Di samping itu, pelabur-pelabur asing akan tertarik untuk melabur di negara-negara yang mendapat layanan GSP untuk mengambil kesempatan ke atas keistimewaan tarif yang diberikan kepada negara-negara tersebut. Secara umumnya, tujuan utama sistem GSP ini adalah untuk menambahkan pendapatan, menggalakkan perindustrian dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun.

Jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat yang mendapat kemudahan Skim Sistem Keutamaan Am perdagangan (Generalised System of preferences - GSP) adalah 419 juta ringgit pada tahun 1985; 588 juta ringgit pada tahun 1986 dan 878 juta ringgit pada tahun 1987. Eksport ke Amerika Syarikat merupakan 21.04% dari jumlah keseluruhan eksport Malaysia di bawah GSP pada tahun 1987. Pada tahun lepas juga eksport di bawah GSP menyumbangkan sebanyak 11.74% dari jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke Amerika Syarikat. Eksport-eksport utama Malaysia ke Amerika Syarikat di bawah GSP pada tahun 1987 adalah:-

Alatan Letrik	..	245.24 juta ringgit
Alatan Jentera	..	104.98 juta ringgit
Koko dan Keluaran Koko		83.38 juta ringgit
Keluaran getah	..	72.00 juta ringgit
Minyak Kelapan Sawit		63.42 juta ringgit
Barang Permainan dan Sukan		56.71 juta ringgit
Keluaran Kayu	..	45.68 juta ringgit

Berhubung dengan soalan samada benar atau tidak Encik V. David telah mengesyorkan supaya ditamatkan layanan keistimewaan perdagangan kepada Malaysia, petisyen yang dikemukakan oleh pihak APL-C10 (American Federation of Labour and Congress of Industrial Organisations) telah memetik ucapan yang dtbuat oleh Encik V. David kepada anggota-anggota Kesatuan Sekerja tersebut di Amerika Syarikat pada bulan Oktober 1987. Petisyen tersebut menyatakan bahawa, di antara lain, Encik V. David telah menuduh Kerajaan Malaysia melanggar hak-hak asasi manusia termasuk hak-hak pekerja dan pertubuhan-pertubuhan mereka. Mengikut petisyen itu, Encik V. David telah menggesa Amerika Syarikat supaya tidak teragak-agak menggunakan langkah-langkah perdagangan sebagai tekanan kepada Kerajaan Malaysia dan menyatakan kehairanannya bagaimana Malaysia boleh mengelak daripada penarikan balik layanan GSP kerana melanggar hak-hak pekerja.

Sekiranya Amerika Syarikat menerima syor dalam petisyen itu dan menarik balik kemudahan ini daripada Malaysia: maka daya saingan eksport Malaysia di pasaran negara tersebut akan merosot berbanding dengan negara-negara lain, khususnya negara-negara membangun yang terus menikmati layanan istimewa di bawah GSP. Selaras dengan itu juga, kadar pelaburan asing di Malaysia juga akan terjejas kerana pelabur-pelabur asing mungkin lebih tertarik untuk melabur di negara-negara membangun lain yang eksportnya diberi pengecualian duti import di Amerika Syarikat.

Seperti yang saya telah terangkan pada tahun 1987 jumlah nilai eksport Malaysia ke Amerika Syarikat di bawah GSP adalah M\$878 juta. Sebanyak 895 buah syarikat yang mengeksport ke Amerika Syarikat akan terjejas sekiranya kemudahan GSP ini ditarik balik.

Jumlah modal terkumpul syarikat-syarikat ini dianggarkan melebihi \$5 billion dan jumlah pekerja-pekerja mereka adalah dianggarkan lebih kurang 75,000 orang. Perlu diambil ingatan bahawa syarikat-syarikat yang membekalkan input kepada pengeksport-pengeksport ke Amerika Syarikat di bawah GSP akan turut terjejas jika layanan istimewa ini ditarik balik.

Kerajaan tidak akan mengambil tindakan ke atas orang yang telah menggesa pihak Kesatuan Sekerja yang berkenaan supaya mendesak kerajaan Amerika Syarikat menarik balik keistimewaan GSP yang diberikan kepada Malaysia. Kerajaan sentiasa memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk bersuara dan melahirkan pendapat. Walau bagaimanapun: kebebasan ini nampaknya telah disalahgunakan oleh individu-individu yang tidak bertanggung-jawab yang sanggup mengeneipkan kepentingan rakyat dan negara semata-mata untuk menonjolkan diri mereka. Perkara ini harus menjadi pengajaran kepada kita semua dan terpulanglah kepada pihak-pihak yang diwakili oleh individu yang berkenaan untuk memilih pemimpin-pemimpin yang lebih bertanggungjawab dan peka kepada keperluan rakyat dan negara. Walau bagaimanapun; pihak kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan kedudukan Malaysia tidak terjejas, antaranya:-

- (i) pengiriman perutusan-perutusan rasmi melalui saluran diplomatik kepada Kerajaan Amerika Syarikat yang menerangkan betapa pentingnya akan kemudahan GSP kepada eksport Malaysia dan seterusnya pekerja-pekerja Malaysia yang terlibat di dalam pengeluaran barang-barang yang dieksport itu: dan
- (ii) penyediaan penjelasan-penjelasan yang terperinci terhadap setiap dakwaan yang terkandung di dalam petisyen AFL-

CIO untuk dihantar kepada Jawatankuasa GSP Pejabat Wakil Perdagangan Amerika Syarikat sebelum Jawatankuasa tersebut membuat keputusan pada pertengahan bulan Julai 1988 untuk menerima dan seterusnya mengambil tindakan lanjut ke atas petisyen tersebut.

### TAHANAN ISA

**32. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan kes tahanan-tahanan ISA yang diulangkaji oleh Lembaga Penasihat dalam bulan Mac/April 1988;
- (ii) nama-nama mereka yang disyorkan oleh Lembaga supaya dibebaskan;
- (iii) nama mereka yang sebenarnya dibebaskan oleh Menteri.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sebanyak 16 kes orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diulangkaji oleh Lembaga Penasihat dalam bulan Mac/April 1988. Dari jumlah itu Lembaga Penasihat telah mengesyorkan 5 daripada mereka dibebaskan di bawah Penggantungan Perintah Tahanan. Kelima-lima mereka ini telah dibebaskan sebagaimana yang disyorkan.

### KETUA HAKIM NEGARA - PENGGANTUNGAN JAWATAN

**33. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab Perdana Menteri mengesyorkan kepada Kebawah D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong untuk menggantung Ketua Hakim Negara sementara menunggu rujukan dan laporan daripada Tribunal di bawah Fasal 125 (5) Perlembagaan Persekutuan.

**Dato' Oo Gin Sun:** Sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menggantung Ketua Hakim Negara daripada menjalankan tugas-tugasnya adalah kerana syor itu selaras dengan keperluan mengikut peruntukan di bawah Perkara 125(5) Perlembagaan Persekutuan.

*(Soalan No: 34. Sila lihat jawapan No. 31)*

### GURU PELATIH - PENGAMBILAN KE MAKTAB PERGURUAN

**35. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak laporan telah dibuat tentang kelayakan yang tidak begitu tinggi di kalangan guru-guru, khususnya di sekolah-sekolah rendah. Ramai di antara mereka memilih pekerjaan ini kerana kurang kelayakan memasuki Tingkatan Enam atau Universiti. Memandangkan keadaan sekarang di mana terdapat ramai siswazah yang menganggur, adakah Kerajaan bercadang mengambil guru-guru yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi sebagai guru-guru sekolah rendah.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan guru pelatih ke maktab-maktab perguruan adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

Di antara yang terpilih untuk mengikuti Kursus Perguruan Asas termasuklah calon-calon yang mempunyai sijil penuh HSC/STP/STPM. Mereka ini diberi keutamaan untuk mengikuti Kursus Perguruan Sekolah Menengah (RSM). Walau bagaimanapun bagi pengambilan tahun 1987, sebanyak 17.5% daripada pengambilan untuk kursus Perguruan Sekolah Rendah adalah pemegang sijil penuh

HSC/STP/STPM dan 15% daripada mereka telah menduduki peperiksaan HSC/STP/STPM. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil siswazah yang menganggur untuk memasuki latihan di Maktab-Maktab Perguruan untuk membolehkan mereka mengajar di Sekolah Rendah.

### BUKU YANG DIIMPOT

**36. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pendidikan menyatakan jika beliau sedar bahawa harga buku-buku yang diimpot adalah jauh dari kemampuan kebanyakan rakyat Malaysia dan memandangkan atas kempen Kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia banyak membaca, nyatakan apakah langkah-langkah pihak Kerajaan berhasrat mengambil untuk mengurangkan harga buku-buku tersebut.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga buku terbitan luar negeri terutama dari Great Britain memanglah tinggi jika dibandingkan dengan harga buku terbitan dalam negeri kerana harga itu ditentukan oleh penerbit mengikut matawang negeri yang berkenaan. Harga ini sukar dikawal kerana ia bergantung kepada turun naiknya nilai matawang negara penerbit.

Kementerian pendidikan telah mengambil langkah untuk memberi peluang rakyat Malaysia membaca lebih banyak buku dan menyediakan bahan bacaan yang lebih murah dengan memperbanyakkan penerbitan buku-buku tempatan termasuklah karya asli atau terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia.

### PINJAMAN MEMBELI RUMAH

**37. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah simpanan Tabung Haji dan penyimpanannya pada masa kini. Dan bilakah cadangan Lembaga

hendak mewujudkan sistem pembelian rumah tanpa riba menurut sistem kewangan Islam hendak dilaksanakan.

30.6.88

**Tuan Haji Omar bin Wan Majid** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana nakah dengan cadangan LUTH bagi mengadakan sistem Pinjaman Membeli rumah kepada penyimpan-penyimpannya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Omar bin Majid pada 30hb. Jun 1988.

Bilangan pendeposit terkumpul Tabung Haji hingga 31hb. Mei 1988 adalah seramai 1,212,363 orang dan jumlah simpanan terkumpul pada 3hb. Mei 1988 adalah sebanyak \$2,42 ribu juta. Manakala simpanan bersih (setelah ditolak pengeluaran wang naik haji dan lain-lain tujuan adalah sebanyak S730.6 juta.

Cadangan Tabung Haji untuk mewujudkan sistem pembelian rumah tanpa riba adalah merupakan cadangan jangka panjang Tabung Haji. Pelaksanaannya bergantung kepada beberapa faktor. Salah satu faktor penting ialah apabila kedudukan kewangan Tabung Haji lebih kukuh serta mampu memberi perkhidmatan tersebut. Ini boleh tercapai jika lebih ramai umat Islam menjadi pendeposit dan menyimpan dengan Tabung Haji. Buat masa ini hanya 1.2 juta umat Islam sahaja (15%) yang menjadi pendeposit Tabung Haji berbanding dengan jumlah umat Islam di negara ini seramai 8.5 juta orang. Juga kadar simpanan purata bagi seorang pendeposit ialah di antara \$400.00 hingga \$500.00 sahaja dan Tabung Haji sedang berusaha supaya jumlah kadar purata itu ditingkatkan kepada \$1,000.00 seorang sekurang-kurangnya.

Setelah kedudukan kewangan Tabung Haji bertambah kukuh barulah sistem pembelian rumah tanpa riba itu boleh dipertimbang dan dilaksanakan. Keutamaan perkhidmatan ini akan diberi kepada pendeposit Tabung Haji.

### **POSLAJU ANTARABANGSA (EXPRESS MAIL SERVICE)**

**38. Tuan Haji. Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejak ujudnya perkhidmatan Poslaju atau International Express Service, bagaimanakah sambutannya kepada orang ramai dan juga pihak-pihak swasta yang menggunakan perkhidmatan ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Jabatan Pos telah memperkenalkan Perkhidmatan Poslaju Antarabangsa atau Express Mail Service (EMS) pada 16.2.1982. Setakat ini Jabatan Pos telah mengadakan hubungan dengan 24 buah negara iaitu Singapura, Australia, Jepun, United Kingdom, Hong Kong, China, Taiwan, Korea Selatan, Thailand, Netherland, Amerika Syarikat, Brunei, Filipina, Sweden, Switzerland, Irish Republic, German Barat, Perancis, Belgium, Mesir, Norway, Kanada, Indonesia dan New Zealand. Sambutan dari orang ramai dan pihak swasta yang menggunakan perkhidmatan ini adalah menggalakkan. Bilangan benda-benda Poslaju yang dikendalikan dan hasil kutupan untuk 3 tahun terakhir adalah seperti berikut:-

	<i>Bilangan</i>	<i>Hasil</i>
Tahun 1985	26,611	\$277,942
Tahun 1986	31,447	\$410,038
Tahun 1987	39,454	\$505,414

Pada 10.3.1988 Perkhidmatan Poslaju Dalam Negeri telah diperkenalkan. Kini Jabatan Pos mengadakan 25 buah Pejabat Pos yang mengendalikan Perkhidmatan Poslaju Dalam Negeri.

Sambutan orang ramai adalah menggalakkan. Sehingga kini terdapat sejumlah 50 buah syarikat yang telah membuat kontrak dengan Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menggunakan Perkhidmatan ini.

### **MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH**

**39. Tuan Basri bin Bajuri** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peruntukan kewangan untuk Majlis Sukan Sekolah-Sekolah peringkat negeri dan daerah amat jauh dari mencukupi. Jika ya, apakah Kementerian bercadang untuk menambah peruntukan berkenaan dan jika tidak mengapa.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa peruntukan kewangan untuk Majlis Sukan Sekolah-Sekolah peringkat negeri dan daerah adalah tidak mencukupi untuk menjalankan segala program dan aktiviti sukan di peringkat negeri dan daerah.

Kementerian Pendidikan sememangnya mempunyai cadangan dan berusaha untuk mendapat peruntukan dari pihak Kerajaan untuk menambah peruntukan berkenaan tetapi perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana keadaan ekonomi yang meleset pada ketika ini.

Walau bagaimanapun Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan negeri-negeri menjalankan berbagai usaha untuk mencari tajaan dan sumbangan kewangan dari pihak swasta dan lain-lain pihak yang berkenaan untuk menampung perbelanjaan bagi program dan aktiviti sukan murid sekolah.

### **PERSIDANGAN KOMANWEL DI MALAYSIA**

**40. Dr. V. David** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah Persi-

dangan Komanwel 1989 akan diadakan. Adakah persidangan ini sesuai diadakan di Malaysia memandangkan Ketua Pembangkang berada di bawah Tahanan ISA. Adakah Kerajaan berhasrat untuk membebaskan orang-orang tahanan di bawah ISA untuk mencapai satu suasana yang sesuai bagi mengadakan Persidangan ini di Malaysia.

**Dato\* Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Malaysia telah mencadangkan tarikh-tarikh tertentu bagi Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Malaysia tahun hadapan. Persetujuan akan tarikh itu masih ditunggu. Malaysia telah dipilih oleh Negara-Negara Komanwel menjadi tuan rumah bagi Persidangan 1989 dan perhatian demikian menunjukkan kesesuaian Malaysia sendiri. Pemilihan itu tidak seharusnya dikaitkan dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan di bawah ISA, iaitu sesuatu tindakan untuk menjamin keamanan rakyat dan negara, suasana yang perlu bagi mengadakan Persidangan itu.

#### AIR TASIK DAYANG BUNTING

**41. Tuan Haji Omar bin Wan Majid** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kesihatan telah membuat kajian ke atas Air Tasik Dayang Bunting yang dikatakan dapat membantu proses kehamilan, jika belum apakah tindakan Kementerian kerana ianya melibatkan orang ramai.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membuat kajian ke atas air Tasik Dayang Bunting yang dikatakan dapat membantu proses kehamilan.

Kementerian Kesihatan juga tidak ada cadangan untuk menggalakkan seseorang untuk meminum air tasik itu atau sebaliknya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan mengawasi keadaan kebersihan air tasik itu dari masa ke semasa, untuk menentukan ianya tidak merbahaya darl segi kesihatan.

#### LAPANGAN TERBANG SIBU - PEMBINAAN

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah keutamaan diberi kepada pembinaan Lapangan Terbang Sibu dalam RML dan tidak Bintulu sebagaimana rancangan asal. Tidakkah MAS bercadang hendak memperkenalkan sejenis pesawat baru yang boleh turun mendarat macam helikopter untuk memberi khidmat di kawasan-kawasan lua bandar termasuk Sarawak.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan pada asalnya untuk membina lapangan terbang baru bagi Sibu dan Bintulu. Bagaimanapun oleh kerana keadaan kewangan negara tidak begitu baik ketika ini, rancangan Kerajaan itu terpaksa ditangguhkan.

Baru-baru ini Kerajaan telah mengkaji balik kedudukan projek-projek ini. Berdasarkan kepada pertumbuhan trafik, adalah didapati keperluan untuk lapangan terbang baru bagi Sibu adalah didapati lebih mendesak. Oleh yang demikian Kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan projek ini sekarang.

Berkaitan dengan lapangan terbang baru untuk Bintulu, setelah dikaji semuta kedudukannya, Kerajaan mendapati kemudahan-kemudahan yang sedia ada adalah mencukupi untuk memenuhi keadaan trafik yang tidak begitu mendesak. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk membina lapangan terbang baru Bintulu dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Namun demikian Kerajaan akan terus

mengawasi lapangan terbang ini.

Mengenai pesawat baru yang disebut oleh Yang Berhormat itu, MAS sekarang menggunakan pesawat jenis Twin Otter bagi perkhidmatan luar bandar yang boleh membawa 19 orang penumpang. Pesawat ini didapati memadai ketika ini. Oleh itu MAS tidak bercadang untuk memperkenalkan pesawat jenis baru itu pada masa ini.

### RELA DI NEGERI SABAH

**43. Tuan Michael Asang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kegiatan-kegiatan RELA di negeri Sabah yang dilihat agak kurang aktif dan meminta agar senjatapi yang diperuntukkan kepada ahli-ahli RELA yang ada sekarang digantikan dengan jenis yang lebih moden lagi sesuai dengan perkembangan semasa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kenyataan Ahli Yang Berhidmat bahawa kegiatan-kegiatan Pasukan RELA di negeri Sabah agak kurang aktif mungkin benar sebelum tahun 1986. Walau bagaimanapun Kementerian ini percaya dengan terlaksanaan beberapa dasar dan strategi baru sejak awal tahun 1987 yang melibatkan penyusunan semula struktur pasukan dan mempertingkatkan program latihan, kegiatan pasukan RELA kembali aktif bukan sahaja di Sabah bahkan juga di negeri-negeri lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya Kementerian ini tidak bercadang untuk menggantikan senjatapi-senjatapi yang ada sekarang ini kepada senjatapi yang lebih moden memandangkan senjatapi yang telah diperuntukkan itu amat sesuai untuk tugas-tugas RELA.

### GURU UNIFIED TEACHING SERVICE

**44. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta

Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru UTS (Unified Teachers system) di Sabah selepas penetapan undang-undang 1961.
- (b) bilangan guru-guru UTS (Unified Teachers System) di Sabah pada setakat ini yang diserapkan ke dalam atau diberi skim tetap dan berpencen tanpa diberikan syarat-syarat awal, dan
- (c) bilangan guru-guru UTS (Unified Teachers System) yang telah meletakkan jawatan dan pencen dari jawatan dan berapa ramaikah dari mereka yang telah pencen dari perkhidmatan masih menunggu untuk menerima sumbangan pencen mereka dan sebab-sebab kelewatan sumbangan pencen berkenaan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Bilangan guru-guru Unified Teaching Service (UTS) di Sabah selepas Akta Pelajaran 1961 yang dipanjangkan ke Sabah pada 1978 ialah seramai 1326 orang.
- (b) Bilangan guru-guru UTS (Unified Teaching Service) di Sabah yang diserapkan ke dalam atau diberi skim tetap dan berpencen tanpa diberikan syarat-syarat awal tidak ada, kerana semua guru mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum disahkan dalam jawatan dan dimasukkan ke dalam jawatan berpencen.
- (c) Sehingga Jun 1988, seramai 350 orang guru Unified Teaching Service (UTS) di Sabah telah meletakkan jawatan. Jumlah yang berpencen pula ialah 63 orang. Mereka yang berpencen ini tidak dapat dibayar pencen bulanan kerana pada tarikh mereka bersara, mereka masih

lagi tidak disahkan di dalam jawatan.

### **DISIPLIN MURID-MURID SEKOLAH**

**45. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) Bagaimanakah seriusnya masalah kemerosotan disiplin pelajar-pelajar sekolah dan sama ada Kementerian berkenaan telah mengenalpasti bilangan sekolah dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah, jenayah, konqsi gelap dan keruntuhan akhlak. Jika ada, sila beri fakta dan angka berkaitan masalah ini; dan
- (b) Apakah langkah yang telah diambil setakat ini oleh Kementerian berkenaan bagi mengatasi masalah kemerosotan disiplin pelajar di sekolah-sekolah.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Masalah drsiplin murid-murid sekolah adalah terkawal. Terkawal dalam erti kata bahawa penglibatan murid-murid dalam kesalahan berat dan bilangan kejadian kesnya adalah begitu rendah. Hasil daripada ttnjauan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan sepanjang tahun 1987 daripada bilangan sampel 1,062,872 pelajar sekolah menengah adalah didapati bahawa seramai 285 orang (0.0268%) terlibat dalam kegiatan kumpulan haram, 294 (0.027%) terlibat dengan penyalahgunaan dadah, 2375 (0.2234%) terlibat dengan kegiatan jenayah dan seramai 2004 (0.1885%) terlibat dengan keruntuhan akhlak.
- (b) Dalam usaha mempertingkatkan lagi disiplin pelajar, Kementerian pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk

mengubah secara sengaja melalui pembangunan sikap, kemahiran dan perhubungan manusia, yang diharapkan dapat membangkitkan semangat serta membentuk satu budaya belajar dan bekerja yang lebih produktif lagi. Ini telah dilakukan melalui langkah-langkah berikut:

1. Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Disiplin Sekolah di peringkat Kementerian pendidikan.
2. Mengemaskinikan penguurusan pentadbiran disiplin di sekolah dengan menubuhkan Jawatankuasa penasihat Hal Ehwal Murid-Murid Peringkat Daerah dan Sekolah yang berfungsi untuk meningkatkan lagi disiplin murid.
3. Peningkatan kefahaman dan kecekapan pihak Penge-tua dan Guru Besar serta guru-guru melalui Kursus Dalam Perkhidmatan, Ceramah dan Bengkel. Seminar-seminar juga diadakan dari semasa ke semasa oleh Kementerian pendidikan, Jabatan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah dan badan-badan profesional tertentu seperti Majlis Guru Besar.
4. Menyediakan garis-garis panduan untuk membetulkan amalan-amalan di sekolah.
5. Melancarkan Program Pembangunan Iklim Sekolah Ke arah peningkatan Disiplin ke atas 200 buah sekolah untuk mewujudkan 'love and care' di samping meningkatkan lagi disiplin sekolah.
6. Mewujudkan persefahaman dan kerjasama di antara

Kementerian dan Jabatan Pendidikan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis dan tain-lain badan yang berkaitan.

7. Menerbitkan Buku Panduan Disiplin Bagi Pelajar-Pelajar yang akan menggariskan perkara-perkara seperti tanggungjawab pelajar, cara-cara menyelesaikan masalah, bimbingan, kerja-ya dan tafsiran mengenai disiplin.
8. Mengadakan satu ciri ceramah disiplin melalui Radio mengenai Pendidikan dan TV Pendidikan.
9. Menyiarkan rencana-rencana dan makalah-makalah yang menerapkan nilai-nilai positifdisiplin melalui media massa termasuk majalah-majalah atau komik untuk kanak-kanak.
10. Mengedarkan poster-poster ke sekolah-sekolah dari semasa ke semasa yang bertemakan disiplin dan pembentukan perlakuan.
11. Mencadangkan supaya pengurusan dan pentadbiran disiplin dimasukkan ke dalam kurikulum latihan perguruan di maktab dan universiti.
12. Mencadangkan supaya sistem ganjaran di sekolah perlu meliputi semua aspek disiplin dan tidak hanya terbatas kepada prestasi akademik dan ko-korikulum semata-mata.

#### LESEN KEDAI KOPI MENJUAL BEER/STOUT

46. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah yang menyebabkan kelambatan

untuk memberhentikan pungutan-bayaran lesen ke atas kedai-kedai kopi yang menjual minuman arak lebih dari sepuluh tahun. Ini kerana Akta Eksais 1976 juga dipraktikkan di Sabah, Labuan dan Sarawak. Dan sama ada Kementerian beliau akan membayar balik mereka yang dikenakan bayaran lesen tersebut dengan segera memandangkan ini bukanlah salah pengendali-pengendali kedai kopi. Jika tidak, bila? dan sama ada Kementerian beliau akan memeriksa dengan teliti semua undang-undang seperti ini tidak akan berlaku.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Suka saya memaklumkan bahawa peruntukan mengenai pelesenan kedai-kedai kopi yang menjual beer/stout secara runcit adalah di peruntukan di bawah Seksyen 32 (I) Akta Eksais 1976. Mengikut peruntukan ini hanya kedai-kedai kopi yang menjual beer/stout secara runcit dalam botol-botol atau tin-tin yang belum dibuka sahaja yang tidak perlu dilesenkan di bawah Akta tersebut. Walau bagaimanapun kedai-kedai kopi yang menjual beer dalam botol atau tin yang dibuka untuk pelanggan-pelanggan mereka adalah tertakluk kepada pelesenan rumah bir di bawah Seksyen 32(1) Akta Eksais 1976 itu.

Berkaitan soalan Ahli Yang Berhormat ini, saya percaya ianya adalah mengenai pengumuman yang dibuat tempoh hari oleh Yang Berhormat. Timbalan Menteri Kewangan di Sabah di mana beliau menyatakan bahawa setengah kedai-kedai kopi yang menjual beer/stout tidak perlu untuk mendapatkan lesen rumah bir. Di sini suka saya menegaskan bahawa kenyataan beliau itu bukanlah bermaksud untuk menyatakan bahawa semua kedai-kedai kopi yang menjual beer/stout tidak perlu dilesenkan, tetapi apa yang dimaksudkan ialah kedai-kedai kopi yang menjual beer/stout secara runcit dalam botol-botol atau tin-tin yang tidak dibuka sahaja yang tidak perlu dilesenkan.

Dengan itu soal untuk memberhentikan pelesenan kedai-kedai kopi yang menjual beer/stout tidaklah berbangkit, dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk melaksana pelesenan ini adatah dipercayai telah melesenkan kedai-kedai kopi yang patut dilesenkan sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kedai-kedai kopi yang telah dilesenkan secara silap, iaitu di mana kedai-kedai tersebut hanya menjual beer/stout secara botol atau tinnya tidak dibuka, maka kedai-kedai ini bolehlah menuntut kepada Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja supaya bayaran lesennya itu dipulangkan. Mengikut undang-undang bayaran lesen yang boleh dipulangkan ialah bayaran yang telah dibuat dalam jangka masa setahun sahaja dari tarikh tuntutan.

Selain dari itu suka juga saya memaklumkan bahawa Kementerian Kewarigan sentiasa membuat pengawasan untuk menentukan supaya tindakan-tindakan yang diambilnya adalah mengikut undang-undang.

#### UJIAN AIR KENCING MENGESAN DADAH

**47. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri memberitahu bilakah ujian air kencing untuk mengesan penagihan dadah akan dijalankan terdapatnya kakitangan-kakitangan Kerajaan dan tempoh masanya hasil ujian-ujian tersebut dijangka akan diperolehi. Jika terhadapnya kakitangan Kerajaan yang dikesan sebagai penagih dadah, apakah tindakan yang akan diambil terhadapnya dan sama ada jawatannya akan terjejas. Sama ada Kerajaan juga mempertimbangkan aspek digniti dalam ujian-ujian air kencing ini yang dirasai oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan; jika ya, bagaimanakah Kerajaan ingin mengatasi masalah ini.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji**

**Mohamad Nor:** Satu peraturan sedang digubal tentang cara-cara ujian air kencing boleh dijalankan ke atas kakitangan Kerajaan dan pertimbangan diberi supaya ujian itu kelak tidak menyusahkan atau menyentuh maruah kakitangan yang berkenaan. Apabila peraturan diluluskan maka ujian boleh dijalankan pada bila-bila masa. Jika sah seseorang itu menagih dadah tindakan yang sesuai mengikut peruntukan Perintah Am dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan akan diambil.

#### DASAR PANDANG KE TIMUR

**48. Tuan S.S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebabnya bagi Kerajaan Malaysia tidak berminat dengan Dasar Pandang ke Timur pada masa kini dan apakah pencapaian dan juga kegagalan oleh negara kita dengan keadaan Dasar tersebut hingga masa kini.

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Hj. Mohamed Nor:** Anggapan Ahli Yang Berhonnat itu tidak benar sama sekali. Kerajaan tetap meneruskan pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur. Pelaksanaan dasar ini telah membuka banyak peluang-peluang latihan dan pengajian tinggi kepada rakyat Malaysia di negara Jepun dan Republik Korea. Peluang-peluang latihan dan pengajian tinggi ini merupakan cara langsung di mana nilai-nilai etika kerja, sistem organisasi dan pengurusan Jepun dan Korea dapat dicontohi dan diserapkan oleh golongan pekerja-pekerja Malaysia.

#### SERANGAN LANUN DI SABAH

**49. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah keselamatan di Pantai Timur Sabah daripada serangan lanun dan penjenayah-penjenayah lain yang kerap berlaku. Adakah Kerajaan

sedar bahawa kejadian serangan lanun ini adalah disebabkan kelemahan di pihak pertahanan kita, khasnya pihak polis. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah unit-unit peronda polis di perairan Sabah dan menempatkan mereka di tempat khas untuk mengatasi masalah serangan lanun ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Adalah tidak tepat dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa berlakunya serangan lanun adalah disebabkan oleh kelemahan pihak polis. Kerajaan sedar ianya berlaku dari masa ke masa tetapi seperti juga rompak di darat, serangan lanun boleh berlaku di mana-mana sahaja kerana pihak polis tidak boleh berada di semua tempat dalam satu masa yang sama memandangkan kawasan perairan Sabah adalah luas.

Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang keselamatan di perairan Sabah. Langkah-langkah yang diambil untuk memastikan lanun-lanun tidak bermaharajalela di perairan Sabah adalah seperti berikut:-

- (i) memperhebatkan rondaan oleh bot-bot ronda polis merin di kawasan yang selalu berlaku kegiatan lanun;
- (ii) meningkatkan rondaan udara di perairan Pantai Timur Sabah oleh Unit Udara Polis;
- (iii) menugaskan bot-bot jenis PZ dan PX sebagai "outer-condor" di sempadan perairan Malaysia/Filipina menakala bot-bot PA bertindak sebagai "inter-cordon";
- (iv) menempatkan Pasukan Polis Hutan di pulau-pulau yang strategik;
- (v) mengadakan operasi-operasi khas dari masa ke masa untuk membanteras lanun;
- (vi) mengadakan rondaan berkoordinasi dengan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan

menambah bilangan bot-bot ronda di Sabah dengan 8 buah bot jenis PAR. Bot-bot ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap untuk digunakan akhir tahun ini.

#### **JEMAAH HAJI MALAYSIA - BILANGAN**

**50. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri memberitahu setakat manakah had bilangan jemaah haji dikenakan kepada Kerajaan Malaysia tahun ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tidak ada had bilangan jemaah haji yang dikenakan kepada Kerajaan Malaysia pada tahun ini.

#### **DAFTAR PENGUNDI BAGI TENTERA/POLIS**

**51. Tuan Hj. Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sebab-sebab anggota tentera dan polis dikenakan mendaftar semula sebagai pengundi-pengundi dalam pilihanraya;
- (b) ramai manakah bilangan mereka telah mendaftar dan sebutkan juga bilangan pengundi lama, pengundi baru dan bilangan mereka yang terkeluar dari senarai pengundi disebabkan oleh bersara atau mati; dan
- (c) adakah benar di dalam mendaftarkan semula itu mereka digalakkan untuk menjadi pengundi di kawasan-kawasan yang kuat pembangkang seperti kawasan Pengkalan Chepa dan Gua Musang.

**Raja Dato' Ariffin b. Raja Sulaiman**

- (a) Anggota-anggota Tentera dan Polis telah diminta mendaftar semula disebabkan bahawa di dalam gerakan pembersihan daftar pemilih yang dilaksana-

- kan oleh Suruhanjaya menerusi sistem komputernya telah didapati bahawa terdapat kira-kira 10 hingga 20 peratus daripada nama-nama anggota Polis dan Tentera yang didaftarkan di dalam daftar pemilih tidak dapat dikesan atau disahkan oleh pihak Polis dan Tentera sama ada masih bertugas di dalam pasukan masing-masing atau tidak. Oleh kerana perlunya daftar pemilih ini dikemaskinikan dan hanya anggota-anggota yang masih layak sahaja di daftarkan semula maka gerakan pendaftaran semula ini diadakan. Di samping itu untuk menyelaraskan rekod Suruhanjaya Pilihanraya dengan rekod kakitangan di pejabat rekod Angkatan Tentera dan Jabatan Rekod Polis maka di masa-masa hadapan anggota Polis dan Tentera yang telah bersara, meninggal dunia, berhenti atau bertukar dan sebagainya, maklumat berkenaan akan dimaklumkan kepada Suruhanjaya serta merta supaya rekod mengenai anggota yang berkenaan dapat dikemaskinikan untuk mengelakkan kesukaran-kesukaran untuk mengesan pemilih yang didaftarkan itu apabila berlaku pilihanraya.
- (b) Bilangan mereka yang telah mendaftar tidak dapat diberikan buat masa ini kerana pendaftaran masih lagi berjalan. Bilangan ini mungkin diperolehi pada penghujung tahun ini apabila daftar pemilih yang baru dijangka dapat disahkan.
- (c) Tidak benar dakwaan bahawa Anggota Tentera dan Polis diletakkan untuk menjadi pengundi di kawasan-kawasan yang kuat pembangkang seperti Pengkalan Chepa dan Gua Musang. Anggota Polis tnisalnya mengundi bagi kawasan di

mana mereka bertugas. Ini telah menjadi amalan biasa. Bagi anggota Tentera mereka digalakkan supaya mendaftar sebagai pengundi bagi kawasan di mana mereka bertugas dan bermastautin. Galakan ini di berikan supaya urusan supaya urusan dan pergerakan undi pos dapat dikendalikan dengan senang dan teratur. Tambahan pula adalah difikirkan amatlah sesuai bagi seseorang itu membuang undi untuk memilih wakil rakyat di dalam kawasan kediaman mereka sendiri.

#### **PUSAT PENGAJIAN TINGGI - MAKANAN DIJUAL**

**52. Tuan Cua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerianya akan menjalankan penyiasatan ke atas pusat-pusat pengajian tinggi dan sekolah untuk memastikan makanan yang dijual di kawasan sekolah sentiasa dalam keadaan baik, terkawal serta tidak memudaratkan pelajar, memandang terdapat beberapa kejadian keracunan baru-baru ini; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang didapati menyediakan makanan yang kurang bersih kepada pelajar.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan hanya akan menyiasat kantin-kantin sekolah dan Pusat Pengajian tinggi sekiranya berlaku keracunan makanan. Walau bagaimanapun usaha-usaha bagi mengawal dan mengelak daripada kejadian keracunan memang sentiasa dititikberatkan.

Di antara usaha-usaha tersebut

adalah:

- (i) Buku Panduan Kantin Sekolah;
  - (ii) Kursus-kursus Penyelenggaraan Makanan kepada pengusaha-pengusaha kantin sekolah serta guru-guru Besar;
  - (iii) Penyeliaan oleh guru pegawai harian;
  - (iv) Penyeliaan oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah; dan
  - (v) Pemeriksaan oleh Merinyu Kesihatan dari Kementerian Kesihatan.
- (b) Tindakan undang-undang hanya boleh diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun pihak sekolah boleh menamatkan kontrak sekiranya pihak pengusaha kantin tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian dan tidak mengikuti peraturan seperti yang terdapat dalam Buku Panduan Kantin Sekolah.

### PROMOSI PELANCUNGAN DI LUAR NEGERI

**53. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah hasil yang telah diperolehi daripada promosi pelancongan diluar negeri yang telah dijalankan yang melibatkan sejumlah wang besar dalam lingkungan \$100 juta; dan
- (b) setakat manakah peruntukan itu digunakan dan berapa lamakah promosi itu akan dijalankan.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:**

- (a) Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia melalui Ke-

menterian Kebudayaan dan Pelancongan telah diperuntukkan sebanyak Rgt: 100 juta pada tahun 1988 ini untuk menyusun dan melaksanakan kempen-kempen pemasaran. Aktiviti-aktiviti pemasaran yang sedang dilaksanakan adalah meliputi kempen-kempen pengiklanan, promosi, perhubungan awam dan penyebaran maklumat. Kempen-kempen ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran para pelancong luar negeri mengenai destinasi pelancongan di Malaysia. Dengan adanya peruntukan yang bertambah ini, kempen-kempen pemasaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa hasil kempen dan usaha pemasaran ini tidaklah dapat dirasakan dengan serta-merta. Biasanya kesan atau hasil dapat dirasakan dalam masa jangka panjang selepas kempen-kempen ini dilaksanakan. Namun begitu dari usaha-usaha yang berterusan yang telah dijalankan pada tahun-tahun lepas, seperti PATA 1986, jelas menunjukkan ia mempunyai kesan yang positif seperti yang ternyata dari pertambahan penempahan percutian ke Malaysia yang dilakukan oleh pengusaha-pengusaha pelancongan luar negeri dan kadar penginapan yang meningkat di hotel-hotel di negara ini khususnya di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

- (b) Peruntukan M\$100 juta ialah untuk tahun 1988. Sehingga pertengahan tahun ini sebahagian besar peruntukan telah digunakan bagi aktiviti pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan penyebaran maklumat. Di antara aktiviti-aktiviti utama ialah penyiaran

iklan melalui media letronik di pasaran-pasaran utama, penyertaan dalam pameran dan penggalakan seperti Ekspo Dunia di Brisbane, pameran pelancongan di Berlin, promosi di Jepun, Asia Barat, Korea Selatan, California dan Eropah. Banyak lagi rancangan-rancangan penggalakan yang akan dijalankan sehingga hujung tahun ini. Dari segi aktiviti perhubungan awam Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia setakat ini telah pun meraikan 245 para penulis perjalanan atau 'travel writers' serta 10 rombongan filem/TV untuk melihat dan menulis rencana mengenai Malaysia.

#### **TELEFON-MERAKAM PANGGILAN**

**54. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah Kementerian dalam mengatasi golongan yang tidak bertanggungjawab merakamkan perbualan telefon dan berapa-kerapkah Kementerian menerima aduan tentang perbuatan merakam perbualan telefon ini.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Perbuatan merakam panggilan telefon merupakan satu perbuatan yang dipandang berat oleh Kerajaan. Sekiranya sesuatu perbuatan itu perlu dirakamkan, ini adalah semata-mata atas kepentingan keselamatan negara dan itu pun dengan persetujuan bertulis daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Seksyen 5(1) (c) akta Telekomunikasi 1950. Sehingga kini, ini tidak pernah berlaku.

Sehingga hari ini Kementerian dan juga STM tidak pernah menerima aduan secara rasmi tentang perbuatan merakamkan perbualan kecuali yang

tersiar dalam akhbar Utusan Malaysia pada 13 Mei, 1988. Perbuatan ini telahpun disiasat dan pihak STM mendapati kegiatan sebegini tidak wujud dan sipengadunya sendiri enggan memberikan maklumat berkaitan dengan aduannya.

#### **PENYELUDUPAN DADAH DI PENJARA**

**55. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil kajian Kementerian ke atas laporan Jawatankuasa yang ditugaskan untuk menyiasat masalah dadah di penjara setakat ini. Bilakah agaknya laporan yang sepenuhnya akan diumumkan kepada orang ramai; dan ada disebutkan tentang penglibatan ahli-ahli persatuan gelap serta orang kenamaan (top secret society members and VIPs) dalam laporan tersebut. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap mereka ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Jawatankuasa Mengkaji Masalah Penyeludupan Dadah di Penjara telah siap dan telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri. Kementerian ini telah menerima syor-syor yang telah dibuat oleh Ahli Jawatankuasa tersebut, untuk dilaksanakan.

Kementerian belum bercadang untuk mengemukakan laporan tersebut kepada orang ramai.

#### **PINJAMAN TIDAK BERBAYAR**

**56. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menten Kewangan menyatakan bagaimana-kah Syarikat Jaminan Kredit berdaya untuk meneruskan lagi aktiviti menjaininkan pinjaman sekiranya jumlah pinjaman yang tidak lagi aktif (non-performing loans) kian meningkat dari setahun ke setahun, iaitu dari \$201.2 juta dalam tahun 1986 ke \$229 juta

dalam tahun 1987. Apakah sumbangan atau rancangan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat untuk terus menjayakan skim ini, selain daripada pelepasan dari percukaian untuk lima tahun lagi.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman yang tidak berbayar (non-performing) sebanyak \$229.3 juta dalam tahun 1987 itu adalah merupakan jumlah yang dilaporkan oleh bank-bank yang memberi pinjaman, sebagai perolehan yang diragukan (doubtful of recovery). Oleh kerana Syarikat Jaminan Kredit hanya menjamin 60% daripada nilai pinjaman, tanggungan maksimum Syarikat Jaminan Kredit hanya berjumlah \$137.6 juta. Adalah dianggarkan bahawa tidak semua pinjaman yang tidak berbayar itu akan dikemukakan sebagai tuntutan kepada Syarikat Jaminan Kredit dalam jangka-masa pendek. Sebagai persediaan untuk memenuhi tuntutan-tuntutan dari pihak bank, peruntukan sewajarnya telah disediakan oleh pihak syarikat. Bagi membolehkan aktiviti-aktiviti pinjaman diteruskan, pihak syarikat telah menambahkan rezabnya bagi memenuhi tanggungan-tanggungan luar jangka.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar saham Syarikat Jaminan Kredit adalah dipegang oleh Bank Negara. Dengan itu, Kerajaan Pusat melalui Bank Negara akan terus membantu syarikat itu baik dari segi kewangan mahupun dari segi pengurusan bagi menjayakan aktiviti dan matlamatnya.

#### PEMAIN BADMINTON NEGARA

**57. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan Kementerianya mempunyai untuk menubuhkan satu tabung khas untuk menjaga pemain-pemain badminton yang telah berdedikasi untuk melawan dan membawa kegemilangan kepada negara seperti Pasukan

Piala Thomas tahun 1988 dan apakah Kementerianya merancang untuk mengupah seorang pengarah jurulatih bagi badminton seperti dibuat untuk bolasepak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar);** Kementerian Belia dan Sukan setakat ini tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan satu tabung khas bagi menjaga pemain-pemain badminton negara. Walau bagaimanapun, semua kemudahan-kemudahan yang sedia ada sekarang akan ditawarkan kepada mereka seperti juga atlit negara yang lain.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi mutu sukan badminton khususnya menjelang Sukan Olimpik 1992 di Barcelona, Sepanyol, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara akan bekerjasama dengan Persatuan Badminton Malaysia untuk melancarkan satu program pembangunan yang bersepadu. Soal-soal seperti Pengarah Kejurulatihan dan lain-lain akan diambilkira dalam menyediakan program pembangunan ini.

#### KWSP - PENYIASATAN PENYELEWENGAN

**58. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (i) gambaran sebenar tentang apa yang dikatakan sebagai 'penyelewengan' terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sejauh manakah penyelewengan itu berlaku, siapakah yang terlibat, berapakah jumlahnya sudah berapa lamakah ianya berlaku, apakah sebab-sebab ianya berlaku; dan
- (ii) apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**(1) Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada laporan berkenaan penyelewengan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, satu Jawatankuasa Penyiasatan telah ditubuhkan pada 5 Mei 1988 untuk menyiasat dengan lebih mendalam kes penipuan pengeluaran membeli rumah yang dilaporkan berlaku di Pulau Pinang.

Jawatankuasa ini telah dipertanggungjawabkan untuk menyiasat dengan mendalam berkenaan penipuan tersebut khususnya untuk menentukan:

- (i) sama ada penyelewengan benar-benar telah berlaku;
- (ii) sama ada penyelewengan telah dilakukan dengan atau tanpa pengetahuan ahli-ahli sendiri; dan
- (iii) sama ada pegawai atau kakitangan KWSP ada terlibat dalam melakukan penyelewengan ini.

Daripada siasatan tersebut di dapati bahawa ahli-ahli dengan bantuan 'orang tengah' telah melakukan penyelewengan ke atas pihak KWSP supaya meluluskan permohonan pengeluaran perumahan mereka di bawah seksyen 13 (1A) (b) Akta KWSP 1951 walhal mereka itu tidak bertujuan membeli rumah. Permohonan daripada 114 orang ahli telah diluluskan dan waran bayaran telah dikeluarkan. Setakat ini hanya 55 orang ahli telah berjaya menunaikan waran mereka. Bayaran bagi 59 orang ahli lagi telah ditahan. Terdapat juga enam permohonan lagi yang belum diluluskan dan telah ditahan,

Pihak KWSP telah mengenalpasti 4 pihak yang terlibat di dalam penyelewengan tersebut, Mereka adalah:-

- (a) Orang tengah, seorang di

Kelang dan seorang lagi di Pulau Pinang,

- (b) Ahli sendiri,
- (c) Pemaju Perumahan di Butterworth, dan
- (d) Posmen di Pulau Pinang.

Penipuan ini bermula pada bulan Disember 1987 dan tamat apabila kegiatan tersebut dibongkar oleh pihak Polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat ahli-ahli KWSP yang ingin mengeluarkan wang caruman mereka bagi tujuan lain daripada membeli rumah, dan telah menipu pihak KWSP. Ahli-ahli tersebut menggunakan orang tengah untuk memalsukan dokumen-dokumen ini dan seterusnya membantu mereka mengeluarkan wang caruman dengan cara memalsukan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh KWSP sebagai bukti yang mereka membeli rumah. Apa yang berlaku di sini ialah mereka telah mengeluarkan wang caruman mereka sendiri dan sanggup membayar upah kepada orang tengah.

Setakat ini ahli-ahli yang berkecuaian telah berjaya mengeluarkan sebanyak \$505,237.39 sahaja dan bukan \$1,000,000 seperti yang dilaporkan telah dilesapkan oleh satu sindiket. Penipuan ini telah dilaporkan kepada pihak Polis dan pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan.

- (2) Dalam hal ini, perlu ditegaskan bahawa sistem kawalan yang sedia ada di KWSP adalah ketat dan ahli-ahli tidak harus bimbang kerana pengeluaran tidak boleh dibuat oleh sesiapa tanpa pengetahuan ahli sendiri. Walau bagaimanapun, KWSP sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki lagi sistem

kawalan yang terdapat sekarang bagi mengelakkan ahli-ahli sendiri terlibat dalam penyelewengan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan Seksyen 16(1)(a), Akta KWSP1951, jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak lebih daripada \$10,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih daripada dua belas bulan atau kedua-duanya. Mereka juga boleh didakwa di bawah peruntukan Kanun Keseksaan Seksyen 420 yang membawa hukuman yang lebih berat lagi.

#### **SEKOLAH RENDAH YANG BURUK**

**59. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa buah sekolah rendah dalam negara masih mempunyai bangunan-bangunan yang buruk;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan khas kepada sekolah-sekolah ini untuk memperbaiki keadaan; dan
- (c) jika ada, berapakah banyak peruntukannya.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian ke atas keadaan-keadaan bangunan sekolah-sekolah rendah di negara ini dan tidak membiarkan ianya berada di dalam keadaan yang uzur dan buruk. Pada setiap tahun Kementerian Pendidikan diperuntukkan wang berjuta-juta ringgit untuk tujuan menyelenggara bangunan-bangunan sekolah bagi memastikan ianya selesa untuk murid-murid belajar. Untuk tujuan itu pada tahun 1988 sahaja telah diperuntukkan sebanyak \$13,235,000.

#### **PETRONAS/MLNG - WAKIL**

#### **SARAWAK/SABAH**

**60. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** tntina Perdana Menteri menerangkan:

- (a) berapa orangkah ahli-ahli Lembaga PETRONAS dan MLNG terdiri daripada anak-anak Sarawak dan Sabah;
- (b) berapa ramaikah pegawai-pegawai tinggi, eksekutif biasa dan pekerja kedua-dua perbadanan tersebut (PETRONAS DAN MLNG) terdiri dari anak-anak Sarawak dan Sabah; dan
- (c) apakah rancangan Kerajaan untuk menentukan supaya anak-anak Sarawak dan Sabah berpeluang memegang jawatan-jawatan tertinggi dalam kedua-dua perbadanan tersebut.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada wakil-wakil daripada anak-anak Sarawak dan Sabah menganggotai Lembaga Pengarah PETRONAS, Bagi syarikat Malaysia LNG Sdn. Bhd. (MLNG) pula seorang anak Sarawak iaitu Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang mewakili kepentingan Kerajaan Negeri Sarawak menganggotai Lembaga Pengarah syarikat berkenaan. Sementara itu tiada wakil Kerajaan Negeri Sabah dalam syarikat ini.

Ingin saya menegaskan kepada Yang Berhormat bahawa perwakilan dalam Lembaga PETRONAS alau syarikatnya tidaklah dibuat berdasarkan perwakilan negeri tetapi mengikut peraturan syarikat biasa. Ahli-ahli yang dilantik adalah mereka yang mewakili kepentingan pemegang saham dan dapat membuat sumbangan kepada perjalanan syarikat. Juga keanggotaan Lembaga

Pengarah tidak wajar terlalu ramai, kerana ini akan menjadikan pengendaliannya tidak begitu kemas.

- (b) Dari segi pekerja-pekerja pula, kedudukan di PETRONAS dan MLNG adalah seperti berikut:

*PETRONAS*

	Sarawak	Sabah	Seme- nanjung
1. Pegawai Tinggi	0	0	13
2. Eksekutif	41	1	1,012
3. Pekerja Biasa	<u>145</u>	<u>16</u>	<u>1,541</u>
Jumlah	<u>186</u>	<u>17</u>	<u>2,566</u>

*MLNG*

	Sarawak	Sabah	Seme- nanjung
1. Pegawai Tinggi	0	0	2
2. Eksekutif	70	0	24
3. Pekerja Biasa	499	0	<u>11</u>
Jumlah	569	0	<u>37</u>

- (c) Perlu saya menegaskan bahawa dasar perlantikan kakitangan PETRONAS sebagaimana syarikat-syarikat Kerajaan yang lain, juga berasaskan kepada merit dan bukan semata-mata kepada kedudukannya sebagai anak-anak tempatan. Bagaimanapun sekiranya mereka mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai, pertimbangan lazimnya diberi kepada anak-anak tempatan mengisi jawatan yang kosong di tempat itu. Program biasiswa/latihan PETRONAS mengambil pertimbangan akan perkara ini.

**BANDUAN DI PENJARA**

61. Tuan P. Patlo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan banduan di

setiap penjara dengan memberi angka terbaru;

- (b) jumlah bilangan wadar yang bertugas di setiap penjara tersebut; dan
- (c) sama ada kekurangan wadar menjadi salah satu sebab utama beberapa kes melepaskan diri dapat dilakukan oleh banduan-banduan, jika ya, apakah rancangan Kementeriannya untuk mengatasi masalah ini yang begitu serius.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Jumlah banduan di seluruh penjara di Malaysia sehingga April, 1988 ialah 19,917 orang dan pecahannya seperti berikut:

Penjara Pudu, Kuala Lumpur	- 3,571
Penjara Taiping, Perak	- 2,252 + 203 = 2,455
Penjara Pulau Pinang, Pulau Pinang	- 2,472
Penjara Johor Bahru, Johor	- 2,226 + 594.SR - 2,820
Penjara Alor Setar, Kedah	- 1,330 + 140.SP - 1,470
Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan	- 840
Penjara Seremban, Negeri Sembilan	- 792
Penjara Kuantan dan Penor, Pahang	- 634
Penjara Pusat Kajang, Selangor	- 1,924
Penjara Terbuka Marang, Trengganu	- 437
Penjara Kuching, Sibu dan Miri, Sarawak	- 439
Penjara Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, Sabah	- 2,063
JUMLAH:	<u>19,917</u>

- (b) Jumlah Pegawai-Kakitangan

berpakaian seragam yang bertugas di seluruh penjara di Malaysia ialah 6, 245 orang.

- (c) Kekurangan wadar bukanlah menjadi sebab utama banduan-banduan dapat melepaskan diri daripada penjara.

### ANCAMAN INSURGENSI DAN SUBVERSIF KOMUNIS

**62. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kenyataan-kenyataan beliau dan Menteri-menterinya bahawa Kerajaan Malaysia adalah setabil dan kukuh, mengapakah Kerajaan beliau enggan memansuhkan Akta Keselamatan Daiaam Negeri yang digubal khususnya untuk membentaras anasir-anasir pengganas komunis dan subversif yang tidak percaya kepada demokrasi berparlimen.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Memang benar Kerajaan Malaysia adalah stabil dan kukuh. Namun demikian, sebagai sebuah negara yang mempunyai latarbelakang berbilang kaum, agama dan kebudayaan, adalah sentiasa terdedah kepada berbagai bentuk ancaman terhadap keselamatannya samada dari dalam atau luar. Negara ini menghadapi dua ancaman yang utama kepada keselamatannya, iaitu ancaman insurgensi dan subversif komunis dan ancaman ekstrtmis perkauman dan agama. Memandangkan bentuk-bentuk ancaman kepada keselamatan negara ini bukanlah sesuatu keadaan yang statik tetapi adalah ancaman-ancaman keselamatan yang berterusan (continuous security threat), maka Kerajaan tidaklah seharusnya leka tetapi sebaliknya hendaklah sentiasa berwaspada bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan timbul dari punca-punca ancaman tersebut.'

Akta Keselamatan Dalam Negeri

mbolehkan pihak berkuasa bertindak dengan cepat dan berkesan bagi mengawal dan membendung ancaman-ancaman yang mungkin timbul daripada mana-mana pihak dalam apa-apa cara yang boleh mendatangkan kemudaratn kepada keselamatan negara.

Dengan adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, pihak berkuasa tidak perlu menunggu sehingga sesuatu kejadian itu telah berlaku yang boleh mengakibatkan banyak kehilangan nyawa, kemusnahan harta-benda, kerugian ekonomi dan sebagainya, yang mana sudah tentu menjejaskan keamanan dan kestabilan negara. Oleh yang demikian, bagi menjamin keselamatan negara dan ketenteraman negara ini, maka AKDN masih diperlukan.

### TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

**63. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang yang ditangkap di bawah Operasi Lalang pada bulan Oktober dan November 1987 menurut Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dengan memberi pecahan mengikut pertubuhan;
- (b) jumlah bilangan daripada angka tersebut yang ditahan menurut Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping dengan memberi pecahan mengikut pertubuhan; dan
- (c) jumlah bilangan orang yang ditangkap di bawah Operasi Lalang menurut Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang (i) telah dibebaskan tanpa syarat dan (ii) telah dibebaskan dengan syarat sebelum 3hb, Jun, 1988.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob;**

(a) Bilangan orang yang ditangkap di bawah Operasi Lalang pada bulan Oktober dan November 1987 mengikut Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ialah 106, mengikut pecahan berikut:

(j) Anasir/ideologi komunis	- 27
(ii) Parti Politik	- 41
(iii) Pelampau Agama	- 13
(iv) Mengkristiankan orang-orang Islam	- 14
(v) Lain-lain	- 11

(b) Seramai 40 orang daripada jumlah tersebut telah ditahan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping mengikut pecahan berikut:

(i) Anasir/ideologi komunis	- 12
(ii) Parti Politik	- 15
(iii) Pelampau Agama	- 6
(iv) Mengkristiankan orang-orang Islam	- 5
(v) Lain-lain	- 2

(c) (i) Seramai 66 orang daripada jumlah yang ditangkap telah pun dibebaskan iaitu 56 tanpa syarat, 8 di bawah Perintah Sekatan dan 2 di bawah Perintah Penyingkiran.

(ii) Sehingga 3.6.1988 bilangan orang tahanan yang telah dibebaskan di bawah Penggantungan Perintah Tahanan ialah 7.

### MENETAPKAN KERUSI AHLI-AHLI

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:**  
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat bangun atas apa?

**Dato' Shahril bin Abdul Samad (Johor Bahru):** Atas perkara 2(2) Peraturan Mesyuarat iaitu:

"Tuan Yang di-Pertua, sebaik-baik difikirkannya munasabah sesudah ia dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka bolehlah ditetapkannya kerusi bagi tiap-tiap orang Ahli dan bolehlah diubahnya ketetapan itu dah satu masa ke satu masa sebagaimana yang baik pada pertimbangan".

Mengikut perkara 2(2) ini saya telah menulis surat kepada Tuan Yang di-Pertua, bertarikh pada 22hb April, dan setakat hari ini saya tak mendapat jawapan bertulis daripada Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan kedudukan kerusi saya, hanya saya terbaca dalam akhbar yang mana saya pun dinasihatkan menulis surat kepada Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itulah, dari maklumat dalam akhbar, saya pun menulis surat tetapi setakat hari ini saya tak mendapat jawapan. Hanya saya terbaca dalam akhbar yang bertarikh 22hb Jun, 1988 bahawa kedudukan kerusi saya akan dikekalkan di mana yang saya duduk hari ini. Saya hendak meminta pandangan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalaulah betul apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua dalam akhbar, yang saya tidak menyatakan pendirian saya dan sebab itu saya masih kekal sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional, sukalah saya juga menyatakan bahawa saya tidak nampak bagaimana hakikat bahawa saya tidak lagi menjadi Ahli sebuah parti komponen Barisan Nasional, tidak pula dengan jelas menjadikan saya seorang Ahli Parlimen Bebas....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat sila duduk. Pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu saya akan siasat dan memberikan jawapan esok. Ahli Yang Berhormat tak dibenarkan berdiri.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### KETUA HAKIM NEGARA - PENGANTUNGAN JAWATAN

3.37 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, dengan ini pemberitahuan diberi di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18(2) bahawa saya ingin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara yang tertentu mengenai kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) hendaklah ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara yang tertentu mengenai kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu berkaitan dengan keputusan Kerajaan untuk menggunakan Artikel 125 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan jawatan Ketua Hakim Negara dan langkah menubuhkan sebuah Tribunal di bawah Artikel 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan untuk menyiasat tatasusila dan kelakuan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan merekomen kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sama ada perkhidmatan Tun Salleh Abbas perlu ditamatkan kerana kurang tatasusila atau lain-lain sebab yang menjadikannya tidak berupaya menunaikan tugasnya dengan sempurna.

Perkara yang berkaitan dengan penyingkiran dari jawatan ke atas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas telah diberikan pandangan yang sangat berat oleh orang ramai kerana inilah kali yang pertama dalam sejarah negara kita bahawa jentera perlembagaan untuk menamatkan jawatan seorang Hakim telah dipertunjukkan.

Apa yang menjadikan kejadian ini begitu penting ialah kerana ia tertumpu kepada Ketua Hakim Negara yang mewakili jawatan kehakiman yang tertinggi dalam tanahair kita.

Bahawa perkara ini adalah untuk kepentingan orang ramai kerana semua lapisan masyarakat Malaysia termasuk rakyat jelata telah melahirkan pandangan mendalam dan dukacita mereka ke atas serangan-serangan yang tidak wajar dan tidak adil oleh pihak Executive ke atas Kehakiman dan keputusan-keputusan Kehakiman secara am dan di atas tindakan yang tidak pernah berlaku untuk menggunakan Artikel 125 Perlembagaan Persekutuan untuk menamatkan Ketua Hakim Negara dari jawatannya sekarang. Orang ramai lebih bimbang lagi mengenai pengumuman lima dakwaan terhadap Ketua Hakim Negara yang digantung jawatannya yang mana keseluruhannya sangat frivolous, dengan izin, dan jelas mengandungi prejudice terhadap Ketua Hakim Negara yang mempertahankan kebebasan Kehakiman.

Perlantikan-perlantikan anggota Tribunal telah juga membangkitkan kebimbangan yang serius sama ada kemampuan Tribunal itu bersikap adil, saksama dan luhur dalam siasatannya. Unsur-unsur conflict kepentingan begitu jelas dalam beberapa perlantikan, sementara yang lainnya, hakim-hakim yang dilantik bukanlah dari orang-orang yang setaraf dengan Ketua Hakim Negara. Meskipun komposisi Tribunal telah mewujudkan fitnah yang serius ke atas integriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kerana beliau sendiri yang menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mengenai perlantikan itu.

Bahawa perkara ini adalah mengenai kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana pengantungan

Ketua Hakim Negara dianggap oleh rakyat sebagai satu cabaran secara langsung kepada integriti dan kewibawaan Kehakiman.

Oleh kerana terdapat kecacatan dalam komposisi anggota Tribunal, kami menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya menyusun semula keanggotaan Tribunal itu dan memastikan ia mengandungi orang-orang perseorangan yang setaraf dengan Ketua Hakim Negara.

Kami juga menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menimbang cadangan Majlis Peguam untuk merujukkan perkara penggantungan Ketua Hakim Negara ke Majlis Raja-raja yang menjadi satu badan yang benar-benar layak untuk menyelesaikan isu yang penting ini.

Ketua Hakim Negara telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-raja. Oleh kerana Ketua Hakim Negara telah melahirkan perasaan tidak puas hati yang serius mengenai komposisi Tribunal menerusi peguamnya, adalah penting bahawa pendapat dan pandangan Majlis Raja-raja diminta mengenai perkara ini.

Pada akhirnya, kami juga mencadangkan supaya semua mesyuarat atau persidangan Tribunal patutlah dibuka kepada orang ramai kerana penggantungan Ketua Hakim Negara dan tindakan untuk memecatnya ialah satu perkara mengenai kepentingan orang ramai. Adalah perlu berlaku adil dan dilihat berlaku adil untuk menjaga reputasi Ketua Hakim Negara. Sekian (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah

menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Bukit Bintang. Usul itu adalah berkenaan dengan keputusan Kerajaan untuk menggunakan Artikel 125 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan jawatan Ketua Hakim Negara. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibaca oleh beliau sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat kecuali jika dia berpuashati iaitu perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat, iaitu:

- (1) perkara itu perkara tertentu;
- (2) perkara itu bagi kepentingan orang ramai;
- (3) perkara itu berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti usul yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya bersetuju bahawa ia perkara tertentu dan bagi kepentingan orang ramai tetapi saya tidak bersetuju perkara itu berkehendakkan supaya dibincangkan segera oleh Dewan ini kerana satu Tribunal telahpun ditubuhkan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menyiasat atas perkara ini. Tribunal ini telahpun memulakan perbincangan awal pada pagi tadi 27hb Jun, 1988, di Bangunan Parlimen. Setelah menyiasat perkara ini, Tribunal ini akan membuat laporan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mengikut kehendak Perlembagaan. Oleh yang demikian tidak patut kita mengambil tindakan mengganggu tugas-tugas yang dijalankan, oleh Tribunal ini atau apa-apa juga tugas yang dijalankan oleh Lembaga-lembaga yang lain yang ditubuhkan mengikut Perlembagaan seperti Lembaga-

ga Pengampunan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. (*Tepuk*)

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMERBADANAN DEWAN PERLOMBONGAN NEGERI- NEGERI MELAYU BERSEKUTU (PINDAAN)**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertamakan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.50ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Akta Kebankrapan (Pindaan) 1988" dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong melalui Pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* menamakan Negara-negara lain bagi Malaysia mewujudkan kerjasama dan persalingan dalatn kes-kes kebankrapan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pentadbiran kes-kes kebangkrapan, seorang bankrap hendaklah disoalsiasat tentang harta dan liabilitinya. Ini termasuklah penyiasaan tentang jumlah harta sibankrap dan di mana harta-harta tersebut berada dengan tujuan menghasilkannya untuk faedah sipiutang. Dengan perkembangan semasa didapati ramai di antara bankrap mempunyai atau menyimpan harta mereka di luar Malaysia. Kadangkala ini didapati adalah satu rancangan yang sengaja dibuat oleh si bankrap untuk mengelakkan si piutang oleh kerana buat masa ini Pegawai Pemegang Harta Malaysia tidak mempunyai bidangkuasa bagi menyiasset dan menghasilkan harta si bankrap yang berada atau disimpan di luar negeri melainkan di Singapura. Bagi harta-harta si bankrap yang berada di Singapura, Akta Kebankrapan 1967 mengandungi peruntukan persalingan yang terhad yang membolehkan Pegawai Pemegang Harta Malaysia mendapat bantuan daripada mahkamah-mahkamah Singapura dan sebaliknya undang-undang Singapura mempunyai peruntukan yang sama.

Baru-baru ini dua buah Kerajaan lain iaitu United Kingdom dan Australia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah menyatakan hasrat untuk turut bekerjasama dengan Malaysia di alam kes kebangkrapan. Negara-negara berkenaan telah menyatakan kesediaan untuk menamakan Malaysia di dalam peruntukan persalingan di dalam undang-undang kebangkrapan mereka. Oleh itu sudah sewajarnya Malaysia juga mempunyai peruntukan yang sama di dalam undang-undang kebangkrapan.

Untuk membolehkan hasrat United Kingdom dan Australia dilaksanakan, Akta Kebankrapan 1967 perlu dipinda seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang. Pindaan-pindaan

yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang berkenaan akan membolehkan Yang di-Pertuan Agong melalui Pemberitahuan di dalam *Wana Kerajaan* menamakan Negara-negara lain yang difikirkan wajar bagi Malaysia mewujudkan kerjasama dan persalingan dalam kes-kes kebangkrapan. Peruntukan untuk penamaan oleh Yang di-Pertuan Agong ialah untuk mengelakkan pindaan kepada undang-undang setiap kali satu-satu negara itu hendak dinamakan bagi mewujudkan kerjasama dan persalingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa satu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.54 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahirrahmanirrahim.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk turut serta membahaskan satu akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967.

Akta ini sangatlah mustahak dibahas dan dibincang serta diluluskan kerana pada masa akhir-akhir ini telah ada ramai lanun-lanun terhormat yang terdiri daripada orang-orang kaya yang cuba menipu Kerajaan dan rakyat. Lanun-lanun terhormat ini membuka perniagaan, membuat pinjaman-pinjaman daripada bank, membuat

pinjaman-pinjaman daripada berbagai-bagai institusi kewangan. Mereka membuka perniagaan-perniagaan di dalam negeri kita. Di samping itu mereka juga melaburkan sebahagian besar daripada harta-harta atau wang-wang yang dipinjam itu ke luar negeri. Kita boleh melihat di dalam bandar-bandar sama ada bandar kecil atau bandar besar sekarang ini, mereka membuka supermarket dan sebagainya atau kedai-kedai besar atau penjagaan-perniagaan besar. Mereka ini telah membuka kedai ini dalam tempoh satu tahun atau lebih kemudian mereka menutupnya dengan alasan rugi dan sebagainya, walaupun kedai-kedai atau supermarket berkenaan begitu maju sekali tetapi mereka telah menutupnya dengan alasan rugi. Dan seterusnya sama ada mereka mengisytiharkan diri mereka sendiri sebagai seorang yang bankrap ataupun membiarkan pihak-pihak bank membawa kes itu ke mahkamah dan mengisytiharkan diri orang yang berkenaan itu sebagai orang yang bankrap. Jadi, dengan itu saya menyokong penuh di atas Akta yang dibawa ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang perlu diambil ingatan oleh Dewan ini dan perlu diambil ingatan oleh pihak-pihak tertentu tentang penguatkuasaannya. Kadang-kadang pihak mahkamah-mahkamah telah menjatuhkan hukuman bagi seseorang itu sebagai orang yang bankrap. Tetapi apakah deraan yang didapati oleh seseorang yang bankrap? Tentulah ada deraan-deraan, tentulah ada syarat-syarat, tentulah ada hukuman yang dikenakan ke atas seseorang yang telah dihukum bankrap itu. Tetapi adakah pihak yang berkenaan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pesalah-pesalah berkenaan. Kalau seseorang itu tidak dibenarkan menaiki kereta umpamanya atau tidak dibenarkan memakai kasut, siapakah yang akan menguatkuasakan kepada orang-orang tersebut?

Jadi dengan ini, dengan ringkasnya saya menyokong Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*3.58 ptg.*

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yang membangkitkan berkenaan dengan perkara kebangkrapan di negeri ini. Adakah syarat-syarat bagi seseorang yang bankrap itu dia tidak boleh keluar negeri kalau Pegawai Kebankrapan tidak membenarkannya. Syarat-syarat itu pun ada, dia tidak boleh memakai kereta besar atau luxurious living. Kalau dia hendak keluar negeri dia mesti minta kebenaran daripada Pegawai Kebankrapan. Itu sahaja jawapan saya kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Pasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-

undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1988

4.04 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan. Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan 67(B) di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua mencadangkan satu usul kepada Dewan ini tanpa pemberitahu bahawa satu ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut seksyen kecil (3), seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dibahaskan tanpa mengemukakan apa-apa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya izinkan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$304,722,860 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$304,722,860 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang

pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1988 dan disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut"

diserahkan kepada Jawatankuasa seluruh Majlis.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*metnpengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988 seperti yang dimaksudkan di dalam usul yang tersebut. Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988 adalah berjumlah \$304,722,860. Dari jumlah tersebut sebanyak \$256,849,850 adalah perbelanjaan cara langsung dan selebihnya sebanyak \$47,873,010 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan-tambahan besar bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian ataupun Jabatan adalah seperti berikut:-

- (1) Sebanyak \$130 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.26 Kementerian Pendidikan. Dari jumlah ini sebanyak \$100 juta untuk membiayai kerjasama awal pembinaan Kampus Tetap Universiti Islam Antarabangsa di Bentong, Pahang Darul Makmur dan sebanyak \$30 juta untuk membiayai kerjasama awal pembinaan Kampus Tetap Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah.
- (2) Sebanyak \$33.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.50 Jabatan Penerbangan

Awam. Dari jumlah ini sebanyak \$13 juta sebagai pinjaman kepada Jabatan ini untuk meningkatkan sistem landasan dan 'taxiway', dengan izin, di Lapangan Terbang Kuala Lumpur bagi membolehkan pendaratan pesawat B747-400; \$10 juta untuk meningkatkan taraf Lapangan Terbang Ipoh bagi membolehkan pendaratan pesawat B737; \$4 juta sebagai pinjaman kepada Jabatan ini untuk membiayai pembinaan Kompleks Bebas Cukai di Lapangan Terbang Kuala Lumpur; \$3.3 juta untuk memodenkan sistem Kawalan Trafik Udara; \$1.8 juta untuk pemuliharaan 'taxiway' dan 'parking apron', dengan izin, di Lapangan Terbang Pulau Pinang; dan sebanyak \$1.6 juta untuk membiayai pembinaan Lapangan Terbang Sitiawan.

- (3) Sebanyak \$30.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.33 Kementerian Perusahaan Awam sebagai pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri di Semenanjung Malaysia untuk membiayai projek-projek pembangunan dalam tahun 1988.
- (4) Sebanyak \$25.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.17, Kementerian Belia dan Sukan. Dari jumlah ini sebanyak \$13.2 juta untuk membiayai projek-projek Pusat Latihan Belia. \$4.6 juta untuk membiayai Kemudahan-kemudahan Sukan. \$3 juta untuk membiayai Institusi Sukan, \$2.4 juta untuk membiayai Tapian Gelanggang (Kompleks Pelbagaiguna, \$2 juta untuk membiayai Rancangan Pembangunan Kemudahan Sukan Untuk Bandar-bandar kecil, \$500,000 untuk Pusat Sukan Kuala Lumpur dan

sebanyak \$150,000 untuk membaiki Stadium Negara.

- (5) Sebanyak 25.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.56, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dari jumlah ini sebanyak \$20.1 juta sebagai Pemberian kepada Negeri-negeri untuk memproses program pembinaan Jalan di Kawasan luar bandar, \$2.5 juta sebagai bantuan kepada Kerajaan Negeri untuk Menaikkan Taraf Jalan-jalan Kampung, \$2 juta untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai Projek Pertandingan Keindahan Kampung, \$700,000 untuk membiayai pembinaan dua buah Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat di negeri Kedah dan Pahang Darulmakmur dan /500,000 untuk membiayai pembinaan Pusat Latihan KEMAS di Kuantan, Pahang Darulmakmur.
- (6) Sebanyak \$15 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.54, Kementerian Kerja Raya untuk membiayai projek baru pembinaan Jalan Raya Genting Highlands/Bukit Fraser dalam tahun 1988.
- (7) Sebanyak \$9.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 46, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Dari jumlah ini sebanyak \$6 juta untuk Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia bagi membiayai projek-projek pembangunan dalam tahun 1988. \$2.5 juta untuk membiayai pembelian berbagai peralatan bagi Rawalan Alam Sekitar dan \$1.3 juta untuk Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara bagt membiayai Program Penyelidikan dan Pembangunan dalam sektor-sektor pertanian, perindustrian,

perubatan dan strategik.

- (8) Sebanyak 7.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.19, Kementerian Pertanian. Dari jumlah ini sebanyak \$3 juta untuk membiayai sistem saluran ataupun drainage, dengan izin, untuk bandar Alor Star, Fasa 1. \$2.3 juta untuk menampung bayaran imbuhan kepada JPT negeri yang melaksanakan Projek Pertanian Seberang Perak. \$2 juta untuk membiayai projek pertanian yang lain di Hilir Perak yang dilaksanakan mulai tahun 1988 dan \$470,000 untuk menampung bayaran imbuhan kepada JPT negeri yang meteksanakan Projek Pertanian Bersepadu Khan/Sungai Manik.
- (9) Sebanyak \$6.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.21, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Dari jumlah ini sebanyak \$4.6 juta untuk membiayai kerja-kerja mengubahsui Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang, Kuala Lumpur sebagai Pusat Penerangan Pelancongan dan \$2 juta untuk membiayai kerja-kerja membaiki dan mengubahsui bangunan Kompleks Budaya Negara untuk menampung beberapa aktiviti kebudayaan.
- (10) Sebanyak \$5.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.18 - Kementerian Perusahaan Jumlah. Dari jumlah ini sebanyak \$3 juta untuk Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia bagi membiayai projek penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan "nutrition", dengan izin, atau khasiat minyak kelapa sawit bagi tujuan membanteras kempen anti minyak kelapa sawit dan \$2.7 juta untuk Institut Penyelidikan Getah Malaysia bagi membiayai projek Penye-

likidan dan Pembangunan yang berkaitan dengan perindustrian getah.

- (11) Sebanyak \$5.4 juta adalah dikehendaki di bawah maksud P.7 - Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai Projek Pembangunan Pulau Layang-layang.
- (12) Sebanyak \$5.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dari jumlah ini sebanyak \$3.1 juta untuk membiayai projek pembinaan pasar, projek pengindahan dan membaiki jalan-jalan di Kawasan-kawasan Penguasa Tempatan dan \$2 juta sebagai Bantuan Khas Kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk membiayai kos pembelian lori-lori dan traktor-tractor,

Yang lain-lain adalah merupakan tambahan-tambahan kecil bagi membiayai berbagai projek dan rancangan di bawah Maksud P.16-Jabatan Perkhidmatan Bomba. Maksud P.31-Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Maksud P.44 - Kementerian Penerangan, Maksud P.49-Kementerian Pengangkutan dan Maksud P.55-Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Butir-butir dan penjelasan lanjutan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1988 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Pehtah 23 Tahun 1988 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23A Tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahti-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah diedarkan kepada Jawatankuasa seluruh Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.16 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin melahirkan perasaan dukacita bahawa notis tidak memberikan masa yang secukupnya bagi membahaskan usul ini yang melibatkan sejumlah wang yang sangat besar iaitu \$304.7 juta yang mana Dewan ini diminta supaya meluluskannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak menjangka usul ini dibahas pada hari ini dengan segera, selepas ianya dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang berkenaan. Oleh kerana biasanya menjadi amalan pada masa yang lalu untuk memakai Peraturan Mesyuarat 67(2) yang memperuntukkan bahawa setiap anggaran perbelanjaan tambahan hendaklah diberikan tempat tiga hari sebelum Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan dibentangkan dan dibahas. Maka dengan ini saya rasa bahawa adalah tidak adil kepada Ahli-ahli Parlimen kerana tidak mengikut amalan biasa dan keadilan tidak dilakukan kepada Dewan ini juga dengan tidak memberi notis yang secukupnya untuk membahaskan usul ini yang memerlukan atau melibatkan sejumlah wang yang besar. Meskipun saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Peraturan Mesyuarat 67B membenarkan sesuatu perbahasan

segera selepas dibentangkan dan disokong usul itu, akan tetapi saya masih menganggap bahawa ini adalah tidak adil kerana tidak mengikuti amalan biasa seperti yang termaktub di bawah Peraturan Mesyuarat 67(2).

Amaun yang terlibat ini bukanlah \$304.00 sahaja, tetapi \$304.7 juta yang mana Ahli-ahli Parlimen memerlukan masa yang cukup untuk memikirkan dengan mendalamnya sebelum dibahas dan diputuskan.

Walau bagaimanapun, dalam kesuntukan masa ini, saya cuba menghuraikan beberapa perkara yang saya anggap adalah penting dan ingin menyampaikan kepada pihak tertentu untuk pertimbangan mereka. Saya tidak bermaksud untuk membantah peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dalam Kertas Perintah ini, tetapi apa yang jelas bahawa ianya tidak mencerminkan keutamaan peruntukan dalam sesuatu projek. Dalam saat Kerajaan sedang kepicikan wang sekarang, maka Kerajaan patut mengambil sikap mendahulukan mana-mana projek utama yang harus diberi keutamaan.

Maksud saya ialah Kerajaan patut mengutamakan mana-mana projek yang perlu dilaksanakan dahulu dan mana-mana projek yang kurang perlu dikemudiankan.

Saya menyebut di sini Maksud Pembangunan P.7 Jabatan Perdana Menteri berhubung Jabatan Pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Apa yang saya hendak bertanya di sini ialah mengapakah tidak ada peruntukan bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur sebagai satu contoh. Pada masa kini selepas Kuala Lumpur dituruni hujan dalam tempoh sejam atau dua banyak kawasan rendah menghadapi masalah banjir. Sebagai ibu negara dan Bandaraya, banjir kilat tidak sepatutnya melanda Kuala Lumpur. Keadaan ini bukan berlaku

setahun dua tetapi telah berlaku sejak bertahun-tahun yang lalu. Apabila keadaan ini berlaku, penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan setinggian dan pengguna-pengguna kenderaan akan terperangkap dan menderita kerana mengalami kerugian teruk. Kita tidak patut membiarkan Kuala Lumpur dilanda banjir setiap kali hujan turun dan ramai raicyat yang mengalami penderitaan kerana harta-benda musnah. Rakyat Kuala Lumpur sudah semacam bosan dengan keadaan ini. Seruan demi seruan atau permintaan demi permintaan telah disuarakan tetapi masih belum berhasil lagi.

Nampaknya masalahnya ialah berkaitan dengan masalah peruntukan, oleh sebab saya sebagai seorang Wakil Rakyat di Wilayah Persekutuan ini telah beberapa kali menggesa pihak Dewan Bandaraya, menggesa Jabatan Parit dan Taliair supaya mengambil perhatian yang berat untuk mencari satu jalan mengatasi masalah banjir ini, akan tetapi setiap kali permintaan saya dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan, saya diberitahu bahawa tidak ada peruntukan.

Memandangkan bahawa sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri telah datang ke Parlimen ini untuk mendapat kelulusan itu daripada Parlimen mengenai satu permintaan yang berjumlah lebih kurang \$304.7 juta, saya berasa amat sedih bahawa tidak ada disebut langsung di dalam estimates yang berkenaan, berkenaan dengan satu peruntukan khas yang amat perlu untuk membantu mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur ini.

Satu lagi ialah masalah perumahan dalam Kuala Lumpur yang tidak diberikan keutamaan dalam Kertas Perintah ini. Permintaan untuk menghuni rumah atau rumah pangsa yang lebih selesa tidak boleh dianggap satu perkara kecil sahaja. Pada masa kini dalam senarai menunggu di Jabatan

Pengurusan Perumahan Dewan Bandaraya terdapat lebih kurang 30,000 pemohon rumah kos rendah yang berdaftar. Angka ini belum termasuk angka yang belum berdaftar, sehinggalah Dewan Bandaraya tidak lagi menerima pendaftaran untuk menyewa rumah pangsa kerana terlalu ramai, akan tetapi jumlah pemohon ini tidak diimbangi dengan pembinaan rumah-rumah pangsa dan rumah panjang yang cukup untuk memenuhi permintaan daripada golongan yang berkenaan.

Sejak akhir-akhir ini rumah pangsa baru tidak nampak dibina oleh Dewan Bandaraya, malah mangsa-mangsa kebakaran pun juga tidak mendapat tempat penginapan yang sempurna dan nampaknya masalahnya ialah berkaitan dengan peruntukan itu lagi. Oleh sebab Dewan Bandaraya tidak mempunyai peruntukan yang cukup, maka rancangan perumahan tidak dapat dilaksanakan dan ini ialah satu perkara yang saya ingin menghuraikan di sini untuk menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan tentang cara atau prosedur untuk mengutamakan apakah projek yang lebih penting.

Kerajaan haruslah mengutamakan pembinaan rumah pangsa kos rendah dan rumah panjang untuk menampung permintaan lebih kurang 30,000 orang pemohon itu. Kerajaan harus mengadakan peruntukan untuk membina sekurang-kurangnya 30,000 unit rumah kos rendah ataupun sekurang-kurangnya 30 kawasan rumah pangsa baru perlu dibuka bagi menempatkan pemohon-pemohon itu. Janganlah Kerajaan mengambil kesempatan untuk memberi alasan-alasan yang tidak wajar untuk menerangkan mengapa projek-projek yang amat diperlukan ini tidak dapat dilaksanakan.

Satu perkara yang saya ingin mengambil kesempatan dalam perbincangan ini atas prinsip Usul ini ialah berkenaan dengan apa yang saya-

mensifatkan sebagai penting ialah mengenai masalah kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur misalannya. Peruntukan, pada pendapat saya, hendaklah juga disediakan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas di dalam Kuala Lumpur dengan menghapuskan semua bulatan yang menjadi punca kesesakan lalu-lintas. Kerajaan patut menimbang untuk menyediakan peruntukan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas menerusi pelaksanaan satu projek untuk menggantikan bulatan-butatan yang ada kini dalam Bandaraya dengan persimpangan bertingkat, ataupun 'interchange', dan tidak bertindak untuk menswastakan kesemua projek itu yang ada pada akhirnya akan membebankan rakyat dari segi kewangan. Pembinaan persimpangan bertingkat tidak sepatutnya diswastakan kerana ini akan berkesudahan dengan kutipan tol dari pengguna-pengguna jalan raya dan ini akan menambah beban kewangan rakyat.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa tidak wajar kutipan tol dibuat di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Malaysia adalah sebuah negara di mana terdapat banyak kutipan tol di sepanjang lebuh raya di sini sana dan pada masa kini dicadangkan untuk mengutip tol di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Memang ini tidak syak bahawa kutipan tol menambahkan beban kewangan yang dikatakan oleh saya tadi kerana pembayar-pembayar cukai Malaysia memang telah membayar cukai jalan yang tinggi dalam negara dan salah satu yang tertinggi di seluruh dunia ini. Apa yang Kerajaan patut buat ialah menghapuskan cukai jalan ataupun mengurangkannya jika Malaysia ingin mengadakan lebih banyak kutipan tol di masa hadapan. Kemestian membayar cukai jalan yang tinggi dan dikehendaki membayar tol pada masa yang sama hanya bermakna percukaian berganda ataupun dalam bahasa Inggeris, double taxation, dengan izin, bagi pengguha-

pengguna biasa jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya inilah apa yang saya dapat sampaikan pada hari ini memandangkan bahawa saya tidak diberi masa yang cukup oleh kerana saya tidak sangka bahawa Usul ini yang telah dibentangkan untuk hari ini dan juga akan dibahaskan pada hari ini oleh sebab pada biasanya ada diberi notis selama 3 hari, tetapi nampaknya ini di luar amalan biasa dan itulah sahaja yang saya dapat sampaikan buat masa ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

*4.30 ptg.*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak mempunyai masa yang cukup juga, tetapi saya akan cuba membahaskan lebih kurang 5 Maksud di sini, iaitu bermula dengan Maksud P. 19 di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah meminta sebanyak \$7.8 juta lebih kurang dan \$3 juta daripadanya adalah untuk penyaliran air di bandar Alor Setar.

Sebagai seorang penduduk Alor Setar, saya mengalu-alukan peruntukan ini kerana Alor Setar adalah satu-satunya bandar yang rendah iaitu di atas permukaan lebih kurang 4' di atas 'mean sea level' dengan izin. Tetapi apabila meneliti Kertas Perintah yang diedarkan di sini, saya dapati bahawa di negeri Kedah selain daripada penyaliran air di Bandar Alor Setar banyak lagi kawasan yang memerlukan prioritas seperti di kawasan-kawasan yang penduduknya miskin. Misalnya penyaliran air di kawasan Sungai Krian iaitu di sebelah Bandar Bharu, di kawasan Kulim Bandar Bharu yang mana 3,000 ekar tanah yang baik iaitu 3,000 ekar tanah 'alluvial' adalah direndami air

daripada masa beratus-ratus tahun yang lalu. Penyaliran seperti ini yang hanya menelan belanja lebih kurang \$2 juta sepatutnya diutamakan kerana masalah penyaliran di Alor Setar tidaklah sebegitu buruk disebabkan wujudnya penyaliran-penyaliran yang telah dibuat oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Di sini di dalam menyokong tambahan peruntukan ini saya minta supaya Jabatan Parit dan Taliair menentukan prioritasnya mengikut kehendak-kehendak ataupun mengikut dasar ekonomi negara yang hendak membasmikan kemiskinan.

Yang kedua, dalam Maksud P.7 mengenai dengan permintaan \$5.3 juta untuk Pembangunan Pulau Layang-layang. Adakah ini bermaksud Terumbu Layang-layang yang menjadi frontier ataupun kubu untuk kita mempertahankan, dengan izin, claim Pulau Spratly? Di sini saya ingin tahu apakah perbelanjaan secara terperinci yang hendak dibelanjakan dengan wang \$5 juta ini? Kalau tadi kita dengar di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bahawa pulau-pulau ini hanya dianggotai oleh satu orang pegawai dan lebih kurang 20-30 orang sahaja askar-askarnya, jadi apakah perkara-perkara atau kemudahan-kemudahan yang memerlukan \$5 juta untuk pembangunan Pulau Layang-layang ini?

Yang ketiga, saya ingin membangkitkan Maksud P.26 di bawah Kementerian Pendidikan iaitu sebanyak \$30 juta daripada \$130 juta yang diminta adalah untuk pembinaan Fasa I Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kubang Pasu, Kedah. Saya juga ingin tahu apakah rancangan yang hendak dibuat untuk kemudahan-kemudahan ataupun bangunan-bangunan yang ada yang menampung kehendak U.U.M sekarang ini di Pekan Tanah Merah, Jitra kerana kita telah membelanjakan

banyak wang untuk menubuhkan kampus di Tanah Merah itu. Apakah rancangan Kerajaan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang akan ditinggal oleh U.U.M di Pekan Tanah Merah di Jitra, dan di dalam jangka masa manakah projek pembinaan Kampus U.U.M di Sintok ini akan disiapkan?

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Maksud P.33 iaitu sebanyak \$30.08 juta diperlukan oleh Kementerian Perusahaan Awam untuk memberi pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Kalau tidak salah saya dahulu Menteri Perusahaan Awam telah mengisytiharkan bahawa Kementerian tidak akan lagi memberi pinjaman-pinjaman kepada PKEN-PKEN ini. Jadi apakah ini merupakan satu pertukaran dasar Kementerian ini - itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, saya ingin tahu banyak manakah akaun-akaun akan diterima dari segi pinjaman ini yang ada di antara Kementerian dan PKEN-PKEN ini, dengan izin, receivable iaitu hutang yang belum dibayar yang akan diterima.

Yang ketiga, soalnya ialah berapa banyakkah nilai hutang-hutang lapuk yang telahpun ditentukan oleh Kementerian ini untuk strike off, dengan izin, oleh Kementerian terhadap hutang-hutang PKEN-PKEN yang ada.

Seterusnya, saya merujuk kepada Maksud P.46 mengenai dengan permintaan sebanyak \$9.8 juta untuk Kementerian Sains Teknologi dan Alam sekitar yang mana \$6 juta adalah diminta oleh SIRIM untuk tujuan pembangunannya. Di dalam perbincangan perbelanjaan tahun sudah saya telah mencadangkan kepada Kementerian supaya SIRIM diberi peruntukan yang cukup untuk mewujudkan penyelidikan dan pembangunan industri-industri asas (basic industry) seperti industri-

industri di dalam menentukan chemical grade, misalnya sekarang ini bahan-bahan kimia yang kita buat di sini hanyalah pada peringkat formulation sahaja, kita terpaksa mengimport kimia-kimia asas ini daripada negara-negara maju seperti USA, Britain dan sekarang dari Korea dan juga dari Republik Rakyat China. Apakah \$6 juta ini digunakan untuk itu? Kalau ada saya ingin tahu banyak manakah yang diperlukan untuk itu, iaitu di dalam cadangan saya di dalam perbincangan Belanjawan pada tahun sudah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan Maksud P.50 iaitu daripada \$33 juta, \$13 juga dikehendaki untuk dipinjamkan kepada DCA untuk meningkatkan lagi 'taxiway' di Subang untuk membolehkan B747-400 mendarat. Jadi setakat ini apakah 'taxiway' di Subang itu tidak mampu menerima pendaratan B747 dan apakah landasan-landasan di International Airports kita seperti di Pulau Pinang dan juga di Johor masih lagi di bawah standard atau di bawah piawaian untuk menerima pendaratan pesawat-pesawat yang besar dan moden ini?

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

4.40 *ptg.*

**Tuan Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai):** Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebagaimana yang telah dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi masa yang tidak cukup diberi untuk meneliti segala butir-butir yang dibentangkan berhubung dengan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan, walaupun demikian saya cuba untuk menyentuh beberapa perkara dalam butir-butir

yang telah dikemukakan dalam jumlah anggaran yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi semua Kementerian yang berjumlah \$304,722,860.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya suka menyentuh berhubung dengan Maksud P.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebagaimana peruntukan yang dipohonkan berjumlah \$5.1 juta, adalah merupakan satu anggaran tambahan bagi diberi kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk melaksanakan projek-projek atau pun sebagai bantuan khusus untuk pergerakan dan perjalanan Penguasa-penguasa Tempatan.

Dalam perkara ini saya suka menyatakan di dalam Dewan ini dan memohon supaya pihak Kerajaan menimbangkan bantuan dan peruntukan kepada Penguasa-penguasa Tempatan ini diberi kepada Penguasa-penguasa Tempatan yang kurang maju dalam segi pendapatan atau pun yang tidak mempunyai cukai pendapatan tiap-tiap bulan atau tahun khusus untuk menampung segala perbelanjaan bagi kemajuan Penguasa-penguasa Tempatan. Disebabkan dengan penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan atau Majlis-majlis Daerah maka kawasan-kawasan yang ditentukan oleh penyusunan semula itu begitu luas dan meliputi kawasan-kawasan kampung bukan sahaja terlibat di kawasan-kawasan bandar maka Penguasa-penguasa Tempatan ini memerlukan peruntukan tambahan bagi melaksanakan pembangunan di kawasannya masing-masing.

Walaupun dalam perhitungan Penguasa-penguasa Tempatan ini hanya ada beberapa tahun sahaja akan berdiri di atas kakinya sendiri tanpa pertolongan dan bantuan daripada Kerajaan sama ada secara langsung atau pun tidak, namun saya percaya bantuan kepada Penguasa-penguasa Tempatan

ini perlu diteruskan oleh Kerajaan kerana pendapatan Penguasa-penguasa Tempatan ini amat kurang dan tidak dapat berdiri kecuali di kawasan-kawasan perbandaran atau pun kawasan-kawasan Penguasa-penguasa Tempatan yang mempunyai punca kewangan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud P.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba sebagaimana peruntukan dipohonkan sebanyak \$1.5 juta, walaupun kecil tetapi dalam keperluan Bomba bagi mengatasi berlakunya kebakaran dan lain-lain tragedi terutama sekali tragedi yang membawa kemalangan, kehilangan jiwa dan sebagainya. Saya suka menyentuh dalam tajuk ini oleh kerana di akhir-akhir ini kita dapati banyak kejadian kebakaran yang membawa kemalangan jiwa di kalangan penghuni-penghuni rumah atau pun rumah kedai disebabkan mereka itu terkunci di dalam atau pun tidak ada pintu keluar di sebelah belakang atau pun kawalan-kawalan sistem keselamatannya kurang maka adalah saya suka mengesyorkan supaya Penguasa-penguasa Tempatan atau pun pihak Perbandarahan supaya mendapat kelulusan atau pun sekurang-kurangnya mendapat pandangan daripada pihak Jabatan Bomba bagi meluluskan satu-satu pelan bangunan rumah, kedai atau pun bangunan-bangunan tinggi di kawasan-kawasan Majlis-majlis Daerah atau Majlis-majlis Tempatan supaya pihak Bomba sendiri dapat membuat pengesyoran dan nasihat kepada pengguna-pengguna bagaimanakah cara sekiranya berlaku sesuatu kebakaran itu dapat dilakkan atau boleh menyelamatkan penghuni-penghuni di dalam rumah bangunan kedai atau pun bangunan-bangunan perniagaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud P.21 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Peruntukan yang dipohonkan adalah saya menyokong memandang-

kan Kementerian ini baru diwujudkan. Walaupun demikian peruntukan-peruntukan yang ditentukan di dalam butiran ini supaya pihak Kementerian ini dapat mengkaji sama bagi memajukan kawasan-kawasan pelancongan tempatan di kawasan di negeri-negeri yang mempunyai potensi kawasan pelancongan yang baik, bukan sahaja ditumpukan kepada satu kawasan atau pun dua kawasan di tempat yang mempunyai pelancongan yang telah maju yang telah mendapat sambutan daripada pelancongan sama ada dalam negeri atau pun luar negeri. Kawasan-kawasan pelancongan pendalaman terutama sekali kawasan itu mempunyai hutan rimba yang boleh dimajukan dan menarik sekali kepada pelancongpelancong sama ada kawasan itu berbentuk berbukit atau pun air terjun di negeri-negeri terutama sekali di kawasan pantai timur.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud P.33 Kementerian Perusahaan Utama. Saya menyokong bagaimana sahabat saya tadi daripada Padang Terap supaya pihak Kementerian ini mengkaji di atas bantuan atau sumbangan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri. Walaupun Perbadanan ini telah menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang boleh membangunkan negeri-negeri atau pun kawasan-kawasan dari segi membangunkan rumah, pembangunan bandar dan sebagainya tetapi satu perkara yang perlu ditimbangkan supaya tidak bercanggah dengan hasrat Kerajaan untuk memberi peluang perniagaan yang lebih kepada kaum bumiputera kerana saya dapati Perbadanan Kemajuan Negeri ini menjalankan perniagaan-perniagaan yang sepatutnya diberi dan boleh dipindahmilikkan kepada kaum bumiputera dan kadang-kala persaingan hebat dengan kaum bumiputera. Untuk mengelakkan ini adalah lebih baik kerana saya percaya perbadanan ini sebagai satu badan yang boleh membantu kaum bumiputera melibatkan diri dalam

perniagaan maka adalah lebih baik. Usaha-usaha yang dijalankan dari segi perniagaan dan sebagainya itu boleh dipindah milik kepada kaum bumiputera.

Bagi Maksud P.44 Kementerian Penerangan, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong walaupun jumlah \$500 ribu yang mana untuk memperbaiki siaran TV Warna, maka saya suka bangkit dan menyentuh dalam soal ini yang mana di kawasan saya bukan sahaja TV Warna, bahkan TV yang tidak warna pun ada setengah-setengah tempat boleh dikatakan sebilangan besar di kawasan pedalaman tidak dapat menerima siaran TV ini.

Walaupun telah beberapa kali, Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan di dalam Dewan ini, dalam soal untuk memberi hiburan kepada penduduk-penduduk terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar kerana mereka ini juga perlu menikmati hiburan yang disiarkan oleh TV, Radio dan lain-lain supaya Kerajaan dapat memberi perhatian kerana saya dapati di kawasan Kuala Kerai dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya, pihak Kerajaan telahpun mempunyai tapak atau pun tanah yang telah diambil beberapa tahun yang lepas sebagai satu cadangan untuk mengadakan satu tapak TV, tetapi sehingga hari ini kawasan itu tidak dibangunkan.

Selagi alat pemancar untuk meprelokkan siaran di kawasan Kuala Kerai dan juga Gua Musang tidak dapat dilancarkan atau disempurnakan, maka selama itulah siaran TV, Radio dan lain-lain alat siaran tidak dapat diterima oleh masyarakat di kawasan tersebut terutama sekali di kawasan pedalaman. Saya khuatir dengan kekurangan bahan-bahan tontonan ataupun maklumat yang akan disampaikan kepada rakyat ini maka rakyat akan jadi keliru dan memberi satu gambaran yang salah dan silap oleh mereka yang tertentu

kerana rakyat tidak dapat menerima siaran itu secara terus-menerus dari Kerajaan. Di dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak Kerajaan memberi perhatian untuk membangunkan kawasan-kawasan pedalaman.

Saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini yang dibentangkan sekejap tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.54 *ptg.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan untuk membuat ketetapan mengeluarkan wang sejumlah \$304,722,860 daripada Kumpulan Pembangunan bagi Tahun Kewangan 1988. Ini merupakan tambahan pertama dalam Perbelanjaan Pembangunan bagi Tahun 1988. Daripada jumlah ini, kira-kira \$256.85 juta adalah diberi secara langsung dan yang selebihnya \$47.88 juta adalah dalam bentuk pinjaman. Sebahagian besar daripada tambahan peruntukan ini adalah bagi maksud pendidikan iaitu \$130 juta kesemuanya kepada Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa dan juga bagi pembangunan infrastruktur seperti Jabatan Penerbangan Awam sebanyak \$33.72 juta, Kementerian Kerjaya \$15 juta dan \$20.8 juta sebagai pemberian kepada negeri-negeri untuk jalan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa hari yang kebelakangan ini Menteri Pendidikan ada menyebutkan mengenai pengambilan para pelajar yang baru dengan mutu yang lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun yang

lepas. Akan tetapi beliau tidak menjelaskan dengan teliti apakah yang dimaksud untuk meningkatkan mutu dan standard universiti-universiti tempatan. Dan saya berharap beliau dapat memberi penjelasan yang lebih teliti mengenai perkara ini sebab saya berharap di semua universiti tempatan termasuk Universiti Islam Antarabangsa, standard universiti itu dapat ditingkatkan dengan standard yang kita boleh guna seperti Cambridge di England, seperti Oxford, Harvard, Princeton dan sebagainya. Inilah standard antarabangsa dan saya tidak boleh terima bahawa ada setengah-setengah yang masih mengatakan bahawa kita tidak boleh bandingkan dengan negara-negara yang maju. Sebenarnya kita boleh. Cuma dasar dan pelaksanaan yang lebih bersih, lebih cekap dan lebih amanah dan Menteri Pendidikan juga pernah menyebut ada setengah-setengah orang mengatakan standard para pelajar universiti tempatan adalah rendah. Jadi, dengan ini, saya menyeru beliau supaya ambil perhatian yang lebih dan tindakan yang lebih ketat untuk meningkatkan mutu dan standard universiti-universiti tempatan ini, tambahan pula dengan perbelanjaan yang lebih banyak, perbelanjaan tambahan yang berjuta-juta ringgit ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah peruntukan yang besar bagi jalan raya dan diminta tambahan hanya untuk jalan raya Genting Highlands dan sebagainya, tambahan lebih \$15 juta. Saya tidak nampak bagaimana tambahan begitu banyak untuk jalan seperti ini. Cuma saya hendak menekankan bahawa ketika pihak Kerajaan meminta perbelanjaan tambahan ini, sistem tender untuk syarikat-syarikat kontraktor yang lebih layak hendaklah diadakan sistem yang lebih baik supaya kita dapat kontraktor yang benar-benar dapat melakukan dan melaksanakan projek di dalam erti kata yang sebenar tanpa membazirkan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentunya kami semua akan bersetuju bahawa Perbelanjaan Pembangunan ini adalah berupa suatu bentuk pelaburan ke dalam usaha mempertingkatkan mutu faktor pengeluaran dalam negara supaya memudahkan serta menggalakan pelaburan perindustrian ke dalam Malaysia. Namun begitu, Perbelanjaan Pembangunan ini hanya sebahagian sahaja daripada keperluan dalam negara dan kita juga memerlukan kestabilan demokrasi berparlimen yang bukan sahaja diperlihatkan sebagai wujud, tetapi adalah sebenarnya wujud.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dikhabarkan bahawa ketika 'Operasi Lalang' berlaku, sekumpulan pelabur asing telah menarik diri keluar daripada Malaysia dan sebaliknya melabur pula di negara-negara lain seperti Thailand. Walaupun ini dinafikan oleh pihak Kerajaan, tetapi penjelasan yang lebih teliti hendaklah diberi kepada rakyat. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta beberapa orang Menteri Kabinet dan Menteri Besar telah menyuarakan dengan lantang sekali mengenai pelaburan berjuta-juta ringgit daripada negara-negara asing seperti Jepun, Taiwan dan Korea Selatan di dalam Malaysia, imej Malaysia di dunia sudahpun terjejas. Kekurangan kepercayaan dalam tindak-tanduk Kerajaan Malaysia menahan ahli-ahli politik serta mereka dari kumpulan-kumpulan sosial boleh mendorong lebih ramai pelabur-pelabur menimbang terlebih dahulu pelaburan di dalam Thailand dan negara-negara lain daripada melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian demi mengembalikan demokrasi sebenar-benarnya dan imej baik negara kita Malaysia, Kerajaan seharusnya membebaskan kesemua mereka yang masih ditahan di bawah 'Operasi Lalang' pada bulan Oktober tahun lalu.

Selepas ini barulah kita semua dapat

bersama-sama menumpukan masa dan tenaga mempertahankan negara kita daripada kuasa-kuasa asing yang menjajah ekonomi negara melalui teknologi seperti yang sedang berlaku pada masa sekarang di mana pemindahan teknologi adalah pada tahap yang minimum, iaitu sekadar membuat bahan-bahan komponen elektrik dan bukan keluaran akhir atau end-user products, dengan izin. Oleh itu tanpa kebebasan, tanpa demokrasi berparlimen yang sebenar makna, kesemua pertambahan dalam perbelanjaan pembangunan infrastruktur mahupun pendidikan, tidak akan berjaya mengaut faedah ekonomi yang sewajar dan sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknologi, saya nampak ada permintaan untuk pertambahan bagi penyelidikan perindustrian Malaysia untuk mempertingkatkan sistem piawaian dan sebagainya. Sebenarnya usaha untuk memperbaiki sistem piawaian adalah ke arah yang betul dan penyelidikan perindustrian adalah perlu. Setakat ini saya hendak mengetahui bagaimanakah penyelidikan perindustrian Malaysia dijalankan kerana tiap-tiap kali Kerajaan mengatakan bahawa kita meminta negara-negara seperti Jepun memindahkan teknologi kepada pihak Malaysia, tetapi sukarlah berlaku perkara seperti itu.

Yang pentingnya kita sendiri hendaklah mengadakan sistem penyelidikan yang sempurna. Nampaknya ada setengah-setengah institut yang dapat mengeluarkan mesin-mesin yang baru dan sebagainya. Saya berharap dengan wang tambahan itu, penyelidikan akan dipertingkatkan sepertimana yang terdapat dengan getah di Malaysia. Institut Penyelidikan Getah dapat mengkaji dan menyelidiki dengan baik dan kita dapat mendahului dunia di dalam penyelidikan getah. Begitu juga saya berharap penyelidikan di bidang-bidang perindustrian di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, ada permintaan daripada Kerajaan untuk menambahkan perbelanjaan dan ini akan dipinjamkan kepada pihak negeri-negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ada setengah-setengah negeri yang tidak dapat membayar pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dengan masa yang tepat, ada tunggakan yang berjuta-juta ringgit. Saya berharap dengan permintaan ini pihak Kerajaan Persekutuan dapat memperketatkan kawalan ke atas pinjaman-pinjaman kepada Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini supaya, pihak negeri dapat membayar dengan cepat untuk semua pinjaman yang didapati daripada Kerajaan Persekutuan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak permintaan pun dibuat untuk latihan kakitangan Kastam bagi memperbaiki kemudahan di dalam Maktab Kastam. Pada akhir-akhir ini, kami telah menerima pelbagai aduan mengenai rasuah dan penyelewengan yang berlaku di kalangan setengah-setengah kakitangan dan pegawai Kastam. Dengan permintaan wang tambahan ini, kami berharap kakitangan dan pegawai Kastam dapat dilatih dengan cara-cara yang lebih berkesan, supaya negara ini dapat mengeluarkan kakitangan dan pegawai Kastam yang lebih cekap, lebih bersih dan lebih amanah.

Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbelanjaan yang lebih \$20 juta untuk jalan-jalan di luar bandar dan untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung. Setiap tahun berjuta-juta ringgit dibelanjakan. Sesungguhnya kemudahan infrastruktur di luar bandar adalah kekurangan dan kita berharap dengan pertambahan perbelanjaan yang begitu banyak yang diminta hari

ini, kemudahan infrastruktur luar bandar dapat terus diperbaiki dan juga taraf jalan-jalan yang dimaksudkan itu dapat diperbaiki dan dipertingkatkan. Akan tetapi Kerajaan hendaklah mengawal dengan ketat supaya tidak berlaku penyelewengan di dalam menjalankan projek-projek tersebut. Sekian,

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran);** Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.05 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1988 yang berjumlah sebanyak \$304,722,860.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud P.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tambahan sebanyak \$3,120,000 adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek pembinaan pasar, pengindahan dan membaiki jalan-jalan di kawasan-kawasan penguasa tempatan. Dalam hal ini sukalah saya mengambil ingatan dan perhatian kepada Kementerian yang berkenaan supaya pasar-pasar yang hendak didirikan itu hendaklah tidak jauh daripada tempat orang awam. Maksud saya sekurang-kurangnya tidak jauh daripada perhentian-perhentian bas di mana orang-orang kampung datang ke bandar untuk membeli keperluan-keperluan mereka, kerana di setengah-setengah kawasan, pasar-pasar itu didirikan di tempat yang begitu jauh sekali dengan perhentian bas dan ini menyusahkan orang ramai.

Saya sedar bahawa kadangkala pasar-pasar itu didirikan jauh daripada perhentian bas kerana adanya rancangan-rancangan di masa hadapan untuk dipindahkan perhentian-perhentian bas ataupun perhentian-perhentian

teksi ke tempat berkenaan, tetapi kadangkala perhentian-perhentian bas dan perhentian-perhentian teksi itu pula. entah macam mana perancangannya, telah diubah ke tempat lain dan dengan sebab itu tujuan asalnya tidak dapat dicapai dan ianya telah menyusahkan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada pengindahan dan membaiki jalan-jalan di kawasan-kawasan penguasa tempatan. Ini adalah satu perkara yang sangat baik kerana sungguhpun negara kita telah merdeka, tetapi masih terdapat lagi di bandar-bandar jalan-jalan lama, jalan-jalan seperti di zaman penjajahan juga.

Dengan adanya peruntukan yang seumpama ini dapatlah memperbaiki jalan-jalan dan mengindahkan lagi pandangan-pangangannya. Tetapi kadangkala pihak-pihak Kerajaan Tempatan telah melakukan beberapa kesilapan pada pandangan saya iaitu kadang-kadang diletakkan papan-papan tanda yang tidak tepat kepada tempat yang tertentu sehingga kadang-kadang menyesatkan orang yang hendak masuk ke bandar-bandar berkenaan atau hendak meneruskan perjalanan ke tempat-tempat yang lain dan kadang-kadang pula papan-papan tanda itu diletakkan di tempat yang tersembunyi sehingga sukar hendak mengetahui, sukar bagi orang-orang yang tidak mengetahui dalam bandar berkenaan untuk mengetahui perjalanan seterusnya apabila masuk ke bandar berkenaan.

Yang lain lagi pula, kadang-kadang oleh sebab hendak mengindahkan bandar itu, maka ditanamkanlah dengan pokok-pokok rendang, dengan pokok-pokok besar untuk mencantik dan menghias lagi bandar itu. Malangnya, pokok-pokok yang ditanam ini pula telah menutup papan-papan tanda itu, jadi seolah-olah rambut yang cantik dan manis itu ditutupkan muka yang manis juga,

maka muka yang manis itu tidak nampak dan rambut yang ditutup itupun nampak begitu hodoh sekali. Dengan sebab itu, papan-papan tanda itu hendaklah diletakkan di tempat-tempat yang bersesuaian untuk papan-papan tanda. Sekiranya ada pokok-pokok yang berdekatan denganya, hendaklah dibersihkan supaya papan-papan tanda itu dapat dilihat dengan jelas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Buritan 00200  
Bantuan Khas Kepada Penguasa-penguasa Tempatan, Tambahan sebanyak \$2,00,000 adalah dikehendaki bagi Bantuan Khas Kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk membiayai kos pembelian lori-lori dan traktor-traktor.

Saya tidaklah mengetahui sejauh mana lori-lori dan traktor-traktor yang lama, sama ada traktor-traktor atau lori yang lama masih ada. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian patutlah mengambil perhatian supaya lori-lori dan traktor-traktor itu dijaga dengan baik, diselenggara dengan seelok-eloknya supaya ianya dapat dipakai dengan lebih lama dan dengan itu mengurangkan perbelanjaan awam. Kadang-kadang kerana kita terlalu kasar, kerana kita tidak terlalu cermat, kerana kita menggunakan tanpa penyelenggaraan yang cukup, maka lori-lori dan traktor-traktor itu lebih cepat rosak daripada biasa.

Seperkara lagi saya suka mencadangkan supaya traktor-traktor dan lori-lori ini diberi kemudahan kepada orang-orang kampung di dalam projek-projek gotong royong yang dijalankan oleh orang-orang kampung, kerana pada masa sekarang ini ramai orang-orang kampung yang ingin membuka jalan baru, yang ingin memperbaiki jalan-jalan kampung mereka, tetapi oleh sebab; tidak ada traktor-traktor, tidak ada lori-lori untuk mengangkut tanah-tanah atau batu batu, maka projek

mereka selalunya tergendala. Maka saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan-kerajaan Tempatan atau Penguasa-penguasa Tempatan memberi kemudahan kepada orang-orang kampung untuk menjalankan kegiatan-kegiatan gotong royong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahas Butiran (Projek) 01000 - Institusi Sukan, iaitu tambahan sebanyak \$3 juta adalah dikehendaki dalam tahun 1988. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1 juta untuk menampung kekurangan peruntukan Skim Kumpulan Ahli Sukan; sebanyak \$1 juta untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membina Mini Stadium Tennis; dan sebanyak \$1,000,000 untuk membiayai Program Latihan.

Pada masa sekarang ini kita nampak bahawa mutu sukan di negara kita adalah merosot, terutamanya di dalam bidang bolasepak. Kemerostan ini adalah berpunca daripada kurang perancangan. Daripada kurang perancangan ini telah menjadikan mutu sukan kita itu merosot. Sekiranya pihak-pihak berkenaan dapat merancang dan pihak Kerajaan dapat memberi peruntukan yang secukupnya, nescaya projek-projek bagi memperbaiki dan meninggikan lagi mutu ahli-ahli sukan kita akan berjaya. Di sini sukalah saya menyoal iaitu berapa banyakkah mini kompleks yang didirikan di negeri-negeri. Berapa banyakkah mini-mini kompleks sukan yang didirikan di Majlis-majlis Tempatan, Penguasa-penguasa Tempatan di negara kita? Dengan sebab kita tidak memberi kemudahan-kemudahan yang secukupnya kepada daerah-daerah, maka dengan sebab itu daerah-daerah tidak dapat mengeluarkan ahli-ahli sukan yang lebih baik daripada yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh Maksud P.26, Kementerian

Pendidikan, Butiran (Projek) 02800 - Universiti Islam Antarabangsa. Tambahan sebanyak \$1,000,000 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja awal pembinaan kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa di Bentong, Pahang. Sukacitalah saya mengambil kesempatan ini untuk memberi tahniah yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Pahang yang telah bermurah hati memberi tanah tersebut kepada Universiti Islam Antarabangsa. Dengan cara yang demikian dapatlah kita melaksanakan satu lagi kehendak dan cita-cita negara kita yang tercinta ini.

Satu perkara yang saya suka menarik perhatian Kementerian Pendidikan iaitu pada masa dahulu semasa Universiti Islam Antarabangsa hendak ditubuhkan atau setelah ditubuhkan dan dijalankan, beberapa ramai pemimpin-pemimpin Islam dari Timur Tengah dan lain-lainnya datang melawat ke Universiti Islam Antarabangsa dan tetah berjanji untuk memberi derma-derma kepada Universiti Islam Antarabangsa. Soalan saya berapakah jumlah yang dijanjikan oleh negara-negara Islam itu untuk bantuan dan derma kepada Universiti Islam Antarabangsa. Yang kedua, berapakah jumlah dan banyaknya wang itu telah dipungut atau diberi oleh negara-negara Islam itu.

Sekiranya jumlah ini tidak banyak atau tidak ada, maka orang-orang yang telah berjanji itu telah tidak menunaikan janjinya. Jadi di sini saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya dapat melawat ke negara-negara berkenaan dan meminta supaya negara-negara itu menunaikan apa yang telah dijanjikan.

Kita memang tahu bahawa berjanji adalah mudah tetapi untuk melaksanakannya agak susah dan tidaklah malu bagi kita untuk melawat ke negara-negara berkenaan untuk meminta

supaya mereka menjelaskan apa yang telah mereka janjikan.

Satu perkara lagi saya mencadangkan dan berharap supaya reka bentuk bagi kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa itu adalah mempunyai reka bentuk Islam supaya sesuai dengan namanya Universiti Islam.

Satu lagi berkenaan dengan Butiran 02300, Pemberian kepada Negeri-negeri untuk jalan di luar bandar. Kita memang memuji dan menyanjung tinggi kepada Kerajaan yang telah memberi keutamaan yang tinggi kepada penduduk-penduduk luar bandar. Penduduk-penduduk luar bandar yang mereka perlu ialah jalan. Jalan yang menghubungkan tempat mereka ke dalam bandar. Perhubungan itu bukanlah semata-mata untuk mereka keluar kerana bersiar-siar di bandar tetapi jalan yang menghubungkan mereka dari kampung ke bandar ialah lebih mustahak dari itu terutamanya semasa orang kampung mendapat kemalangan-kemalangan di tengah-tengah malam atau bila-bila masa sahaja. Maka dengan itu mudahlah bagi penduduk-penduduk tempat-tempat yang berkenaan pergi mendapat rawatan di hospital dan sebagainya melalui jalan yang disediakan itu.

Jalan-jalan luar bandar ini kadang-kadang didapati tempatnya sangat berhampiran dengan bandar. Sebagai contoh di kawasan Sungai Petani terdapat satu jalan iaitu jalan Sidam Kiri di mana ianya tidak jauh dengan bandar Sungai Petani tetapi sehingga sekarang ini jalan itu masih belum dilakukan. Bukan itu sahaja bandar atau pekan atau mukim, maksud saya Mukim Sidam Kiri telah terpercil daripada mukim-mukim yang lain oleh kerana satu jambatan yang pendek yang melintasi jalan keretapi yang menghubungkan di antara Mukim Sidam Kiri dengan Mukim Pinang Tunggal telah

tidak didirikan walaupun permohonannya telah diminta begitu lama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha mendirikan jatan-jalan di kawasan luar bandar ini, saya sukalah mencadangkan supaya keutamaan-keutamaan diberi kepada jalan-jalan tertentu. Keutamaan-keutamaan itu janganlah ditentukan oleh orang-orang tertentu tetapi hendaklah ditentukan dengan kajian sama ada jalan berkenaan patut diberi keutamaan atau tidak kerana jalan-jalan di luar bandar ini sangat banyak, jalannya umpamanya ada 10 yang mana kita hendak dahulukan kerana wang ada sedikit. Jadi hendaklah dipakat dan dirundingkan dengan orang di mukim itu jalan mana yang perlu sekali supaya dapat diatasi. Yang susah itu didahulukan yang senang itu dikemudiankan.

Sekian perbincangan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.27ptg.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian untuk menimbulkan beberapa pertanyaan mengenai kertas Anggaran Belanjawan Tambahan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan sekejap tadi. Dan saya tidak akan bercakap panjang sebagaimana wakil Sungai Petani sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya suka menegur pihak Kerajaan seperti apa yang telah ditegur oleh sahabat saya wakil...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Wakil dari Bukit Bintang.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Wakil dari Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, sudah acap kali pihak Kerajaan telah ditegur dan diminta perhatian mengenai cara membentangkan Anggaran Belanjawan sama ada tambahan dan sebagainya supaya diberi peluang sebaik-baik kepada anggota Dewan mudah-mudahan anggota-anggota Dewan yang akan mengambil bahagian sama ada dari pihak Kerajaan lebih-lebih lagi dari Pembangkang dapat memberi hujah-hujah dan kenyataan-kenyataan yang tepat supaya kita sama-sama memberi sokongan dan sebagainya atas tanggungjawab yang sepenuhnya. Tetapi sekali lagi berlaku pada petang ini cara pihak Kerajaan mengemukakan Anggaran Tambahan yang melibatkan ratus juta peruntukan, ini lebih dahsyat dan seolah-olah Kerajaan tidak mengambil perhatian langsung apa yang ditegur. Dan cara ini saya nampaklah Kerajaan tidak ingin menerima pandangan-pandangan baik terutama sekali daripada pihak pembangkang kerana setiap kali Kerajaan bertindak secara gerak kilat seolah-olah Kerajaan mahu lari dan kalau boleh barangkali Kerajaan kalau tidak ada peraturan lebih suka kalau dapat diluluskan mana-mana anggaran. Dan inilah cara yang berlaku dalam Kerajaan kita pada hari ini yang menyebabkan semua orang memben perhatian di atas keliaran Kerajaan bertindak dengan satu-satu masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya, mesyuarat pada bulan Mac yang lepas pun kita telah memberi ingatan kepada Kerajaan supaya mengemukakan satu-satu peruntukan lebih-lebih lagi peruntukan yang besar supaya dapat peluang baik khususnya kepada pembangkang. Kita tidak akan mengambil peluang untuk menentang secara melulu bahkan kita tidak pernah rnenentang peruntukan tambahan untuk membangun negara kita tetapi kita dukacitalah kalaulah

Kerajaan lebih menyempit, lebih menyekat lagi peluang-peluang yang mana kita tahu pihak Pembangkang khususnya kalau di luar Dewan ini sepetah pun kita tidak dapat untuk menyuarakan, tetapi inilah masa yang kita tunggu-tunggu kalau dapat kita mengemukakan satu-satu pandangan sama ada Kerajaan terima atau sebaliknya itu terpulanglah kepada Kerajaan dan kita tahu Kerajaan tidak akan terima.

Jadi pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang cuma saya akan mengemukakan pertanyaan satunya, mengenai Maksud P.26 yang diberi peruntukan tambahan sebanyak \$130 juta. Jadi peruntukan ini \$100 juta diberi kepada Universiti Islam Antarabangsa dan \$30 juta diberi kepada Universiti Utara Malaysia.

Saya setujuah peruntukan tambahan sama ada \$100 juta ataupun \$200 juta apa lagi projek itu projek yang baik. Tetapi saya ingin tahu di sini daripada pihak yang berkenaan satu projek lama, projek usang tetapi lebih penting daripada projek yang ada ini iaitulah projek Universiti Islam 'tangak'. Peruntukan sudah dikeluarkan pada masa dahulu dan sudah bertukar dua Perdana Menteri sampai hari ini, tetapi hari ini jangankan peruntukan projek universiti itu hendak dibangunkan bahkan peruntukan awalan pun tidak ada.

Saya tidak tahulah, mengikut setengah kata peruntukan dahulu pun telah dibawa kepada Universiti Utara, saya tidak kata Kerajaan mencuri kerana barang dia, tetapi inilah yang mendukacitakan saya apakah Kerajaan tidak rasa penting dengan projek itu. Dan saya mahu tahu hari ini jawapan sebenar Kerajaan adakah projek itu sudah dibatal terus ataupun masih ada dalam kira-kira Kerajaan. Kalau ada dalam kira-kira Kerajaan mengapa

tidak boleh letak \$1 untuk menjadi peruntukan awalan supaya rakyat tahu masih hidup lagi sebab UMNO yang sudah mati pun ada usaha unCuk hendak menghidupkan (*Ketawa*), takkanlah projek Universiti Islam Kerajaan lupa sampai begitu.

Jadi, yang mendukacitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, Maksud P.21 iaitu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kementerian ini muda benar. baru sahaja diwujudkan dalam Kerajaan ini tetapi sudah dapat peruntukan tambahan sedangkan kerjanya tak adalah lain daripada keliling pantai, masuk bukit, cari tempat-tempat air terjun dan kerjanya untuk memburu kekayaan, kehasilan yang kita tidak tahu kesan daripada kekayaan itu apakah akan berlaku kepada negara kita. Dan kalau kita banding dengan projek 'tangak' ini saya rasa patut tinggal peruntukan ini sebab hari ini kita sedar negara kita sedang menghadapi berbagai-bagai gejala buruk.

Pertama, kerana perkara itu sendiri berlaku.

Kedua, kerana Kerajaan tidak dapat mencontohi kepimpinan yang baik menyebabkan timbul berbagai-bagai masalah dalam negara, tetapi apa yang saya kata peruntukan projek Universiti Islam yang sudah lama, yang sudah tua boleh dilupa sedangkan peruntukan Kementerian P.21 ini yang semata-mata saya nampak Kerajaan mengejar kekayaan, mengejar hasil negara yang akhirnya kesan kita tidak tahu bahkan bagi saya itulah satu-satunya projek dan perancangan yang akan menimbulkan masalah kepada negara.

Saya tidak mahu bercakap lebih kerana semua orang cerdik. Jadi, kalau banding antara dua ini saya mahu tahulah mengapa Kerajaan hari ini perkara yang tidak sepatut boleh diadakan, boleh diluluskan dan perka-

ra-perkara yang lebih penting yang menjadi nadi kepada pendidikan sebab hari ini kita tahu seluruh dasar-dasar yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin politik telah gagal, sama ada dasar yang diperjuangkan oleh manusia barat, begitu juga dasar politik diperjuangkan oleh manusia timur, kesemuanya dengan berbagai ideologi itu gagal. Ini menunjukkan selain daripada dasar Islam, perjuangan secara Islam tidak boleh menjamin, sebab itu saya rasa Kerajaan perlu apatah lagi 30 tahun Kerajaan merdeka manakah Kerajaan boleh berbangga dengan satu Universiti Islam. Apakah Kerajaan tidak malukah kepada negara-negara jiran, terutama sekali Indonesia tumbuh bercambah Universiti Islam tetapi di sini satu pun tidak ada. Yang menjadi racun, menjadi bisa, menjadi penyakit, Kerajaan perah otak kepala untuk mewujudkan dengan peruntukan berjuta-juta. Apakah Kerajaan masih budak lagi, masih putik lagi, masih mentah lagi untuk memikirkan sesuatu yang boleh menyelamatkan negara, menyelamatkan bangsa lebih-lebih lagi untuk menzahirkan kepimpinan "bersih, cekap dan amanah" yang menyebabkan simbol "bersih, cekap dan amanah" itu menjadi kotor, semak dan hutan yang tidak boleh dilalui oleh pandangan manusia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Maksud P.44 Kementerian Penerangan. Saya amat tertarik hati dengan jawapan Menteri Penerangan tadi yang menyebabkan saya hendak bawa soalan tambahan pun tak sempat kerana panjang, terlajak jawab kerana hendak melindungi apa yang beliau sendiri menyeleweng. Jadi, kalau dengar jawapan Menteri berkenaan tadi sepatutnya adalah peruntukan untuk program Semarak, tetapi tak ada peruntukan untuk program Semarak sedangkan tadi katanya.....

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran); Yang Berhormat!**

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Apa mahu?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Sebenarnya peruntukan yang diminta ini P.44 bagi Kementerian Penerangan ialah siaran tv warna, bukan masalah Semarak.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya faham, tunggulah sekejap.....

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Jadi tak timbul soal Semarak dalam kita membincangkan perkara ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya faham. Saya tidak hendak bincang Semarak. Saya kata kalaulah pihak Kementerian Penerangan yang sahabat saya ini boleh buat peruntukan tambahan untuk ini, ini, ini dan tadi Menteri sendiri beri jawapan Semarak ini penting begini, begini yang mana tugas itupun duduk di bawah Kementerian Penerangan juga, mengapa tidak selit peruntukan lebih besar untuk melancarkan projek Semarak supaya Pembangkang pun boleh semarak sama-sama (*Ketawa*). Itu maksudnya, jangan cuba tutup telinga. Jadi, sekarang saya mahu tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah projek universiti 'tangk' ini sudah dibatal ataupun masih ada lagi sebab dalam belanjawan pun tak ada disebut, dalam peruntukan tambahan pun tak ada juga. Itu saya mahu tahu.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Penjelaskah?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan. Apakah erti 'tangk' yang dimaksudkan oleh Wakil dari

Pengkalan Chepa?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau Yang Berhormat tak faham, nanti hari dia balik Kelantan jumpa saya, saya boleh beritahu (*Ketawa*). Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kampar.

5.37 ptg.

**Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengeluarkan perasaan kesal terhadap sikap pihak pemerintah yang memberi masa yang begitu singkat untuk mendapat lulusan dari Dewan ini terhadap Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama ini, Saya ingin merakamkan bantahan saya terhadap sikap Kerajaan ini sebab saya ingat ini adalah amalan Kerajaan yang selalu menonjolkan mengamali demokrasi tetapi bila hendak minta Dewan ini meluluskan perbelanjaan tambahan ini dia beri hanya masa yang singkat.

Saya tak tahu, adakah Kerajaan takut ataupun tidak memberi peluang kepada Wakil-wakil Rakyat yang lain mengeluarkan pandangan. Saya hendak menyeru Kerajaan supaya memberi erti yang penuh dan mutu yang penuh kepada demokrasi, bukan hanya adalah Bangunan Parlimen, ada Wakil Rakyat, itu demokrasi, mestilah beri peluang yang penuh kepada semua supaya semua Wakil Rakyat dapat mengeluarkan pandangan. Dan lagi, juga sikap yang kurang bertanggungjawab Kerajaan ini telahpun jelas dicerminkan pada hari ini, tiada Menteri yang datang ke Dewan ini untuk mengikuti perbincangan ini, hanya seorang Menteri sahaja yang baru sahaja datang tak tahu mana permulaan dan mana yang kita telah sampai, itulah Kementerian Kesihatan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ya. Mengenai dengan Menteri mana itu, dalam butiran mana dia bercakap?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat nanti, dia tak beri. Teruskan Yang Berhormat dari Kampar.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Saya ingin menyeru Kerajaan supaya pada masa-masa yang akan datang berilah erti dan mutu penuh kepada demokrasi, jangan sahaja beri masa yang singkat dan buat apa ikut suka hati sahaja.

Saya hendak menyentuh perkara P. 14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tambahan sebanyak \$3.12 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek pembinaan pasar, pengindahan dan membaiki jalan-jalan di kawasan-kawasan penguasa tempatan.

Sering kita dapat aduan dari penduduk-penduduk di kawasan-kawasan dalam penguasa tempatan, terutama di kawasan-kawasan pekan kecil dan kampung-kampung serta di kampung-kampung baru. Di bawah penguasa tempatan ini, kawasan-kawasan seperti di bawah Majlis Daerah selalu tidak dapat peruntukan yang meencukupi. Inilah masalah yang serius yang mereka hadapi. Jadi, kebanyakan projek dan keindahan di seluruh Majlis Daerah itu tidak dapat dijaga dengan sempurna. Selalu Wakil Rakyat, terutama dari pihak Barisan Nasional seperti Wakil Rakyat dari MCA mengambil kelemahan ini supaya mendapat publisiti melalui akhbar, iaitu mereka selalu pergi ke Majlis-majlis yang terdapat kekurangan peruntukan. Disebabkan kekurangan peruntukan, projek-projek kecil seperti longkang-longkang tidak dapat dibersihkan dan

rumpun berlalng. Jadi, selalu Wakil-wakil ini pergi ke tempat itu dan memberitahu penduduk di tempat itu bahawa mereka mendapat peruntukan untuk membersihkan tempat itu. Sebenarnya ini adalah tanggungjawab Kerajaan memberi peruntukan yang mencukupi supaya kakitangan-kakitangan Majlis Daerah dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna dan penduduk-penduduk di tempat itu juga dapat menikmati dari peruntukan itu.

Jadi, saya menyeru Kerajaan supaya memberi lebih peruntukan kepada semua Majlis-majlis Daerah di seluruh negara, bukan hanya memberi tambahan yang begitu kecil, hanya \$3.12 juta dan kalau diambil kira bagi seluruh negara peruntukan tambahan ini adaiiah amat kecil. Kononnya, pada masa dua, tiga bulan yang kebelakangan ini ada khabar-khabar angin yang mengatakan SEMARAK telah mengambil peruntukan yang banyak daripada Majlis Daerah sehingga Majlis Daerah pun tiada wang untuk membiayai projek-projek kecil, terutama di Perak. Itulah khabar angin yang saya dengar sama ada benar ataupun tidak, saya harap Kerajaan dapat jelaskan. Bolehlah kita dapat tahu betapa kecil peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Penguasa-penguasa Tempatan ini. Selalu penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut menderita sebab tidak dapat menikmati peruntukan ini.

Kedua, yang saya ingin sentuh iaitu di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Tambahan sebanyak \$6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian peralatan Perkhidmatan Teknikal, pembinaan Pusat Pembangunan Industri Kecil dan Pusat Teknologi Foundri. Satu lagi peruntukan yang kecil adalah diminta di bawah Butiran (Projek) 00500 - Kawalan alam Sekitar, hanya \$2.5 juta dikehendaki untuk membiayai kos pembelian peralatan bagi kawalan tumpahan

minyak di Selat Melaka, pembelian alat-alat untuk kawalan bunyi bising dan udara dan pembelian komputer untuk penilaian alam sekitar. Di sini adalah diminta tambahan sebanyak \$2.5 juta sahaja untuk menjalankan dan membeli peralatan yang banyak untuk mengawal tempat yang luas seperti Selat Melaka, untuk kawalan bunyi bising dan udara dan komputer.

Kita dapat tahu Jabatan Alam Sekitar tidaklah dilengkapi dengan peralatan yang baik sehingga kecemasan udara, kecemasan bunyi tidak dapat dikawal dan kakitangan-kakitangan yang mahir dalam pengawalan alam sekitar juga kekurangan dan di sini tambahan sejumlah \$2.5 juta tidaklah mencukupi. Selalu kakitangan dalam Jabatan Alam Sekitar, disebabkan kekurangan peralatan, tidak boleh menjalankan tugas mereka dengan baik. Jadi, di setengah-setengah tempat seperti di kawasan saya, di Kampung Timah, Daerah Batu Gajah, adalah satu tempat yang digunakan untuk membarang yang menyebabkan habuk itu mencemari udara. Saya sudahpun beberapa kali membuat aduan kepada Timbalan Menteri, tetapi sampai sekarang ini belum dapat diselesaikan sebab kekurangan kakitangan dan kekurangan peralatan. Jabatan Alam Sekitar ini juga tidak boleh menguatkuasakannya sebab ada beberapa percanggahan undang-undang kecil tempatan.

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*

Jadi, saya ingin menyeru Kerajaan, selain daripada memberi peruntukan yang mencukupi supaya melatih lebih banyak kakitangan yang mahir dalam hal ehwal alam sekitar untuk menjalani pekerjaan kawalan Alam Sekitar. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang

Berhormat dari Lembah Pantai.

5.46 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan bagi membahaskan dan memberi pandangan berhubung dengan Anggaran Pembangunan Tambahan Perbelanjaan bagi tahun 1988 yang berjumlah \$304,722,860 yang dikehendaki, yang telah dibelanja dan yang patut dibelanjakan.

Sebagaimana rakan-rakan yang lain sama ada dari Barisan Nasional ataupun parti Pembangkang yang menimbulkan masalah kelewatan menerima Kertas Anggaran ini untuk dibahaskan pada hari ini, saya mengharapkan jugalah di masa yang akan datang supaya kertas-kertas yang seumpama ini dapat diberi awal sedikit kepada Ahli-ahli seperti kami ini supaya dapat membaca dan juga membuat kajian di atas ucapan-ucapan yang patut kami beri dengan angka-angka dan nota-nota yang baik. Tetapi dengan keadaan yang tergesa-gesa ini, kemungkinan kami akan mengambil masa hanya daripada satu tempat ke satu tempat kerana masa yang diberi terlalu suntuk. Oleh itu saya mengharapkan sekali lagi di masa yang akan datang supaya perkara yang seumpama ini tidak berulang lagi.

Bagi maksud-maksud ini dipendekkan, saya masuk kepada Maksud P.14 sebagaimana kawan-kawan yang lain banyak menyuarakan di atas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya merujuk kepada Butiran (Projek) 00100 - Projek-projek di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan yang berjumlah \$3,120,000 yang dikehendaki bagi membiayai pembinaan pasar, pengindahan dan membaiki jalan-jalan di kawasan-kawasan Penguasa Tempatan.

Dengan keadaan ini, saya menyokong di atas usaha ini jika benar-benar pihak Kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab akan menggunakan peruntukan yang diberi ini supaya dapat digunakan dengan sewajarnya kerana saya memandangkan kebanyakan kawasan Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara kita ini, terutama jalan-jalan di kawasan itu terlalu uzur, lecah, pecah-pecah kerana tidak dijaga dengan baik oleh Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan.

Dengan keadaan ini, dengan adanya pihak Kerajaan memberikan peruntukan, kita harap supaya jalan-jalan di seluruh kawasan-kawasan yang terlibat dapat diperbaiki. Begitu juga dengan jalan-jalan yang kecil-kecil, di lorong-lorong di dalam kawasan Penguasa-penguasa Tempatan yang penuh dengan lalang, longkang yang tidak tentu hala, bila hari hujan dipenuhi oleh air, kadangkala sehari-hari baru air dapat keluar kerana tersekat, kerana tidak ada longkang-longkang ataupun perparitan yang diperbaiki, yang dibetulkan dengan keadaan yang sesuai di kawasan-kawasan tersebut.

Inilah yang menyebabkan kadangkala yang jalan-jalan dan juga air bertakung dan selepas itu tanah-tanah ataupun jalan-jalan yang diperbaiki itu kemungkinan ini juga akan menjadikan jalan-jalan tersebut pecah kerana tertakung oleh air yang saya sebutkan tadi. Ini selalu berlaku, kadangkala penduduk-penduduk di kawasan tersebut minta bantuan kepada pihak-pihak yang berkenaan tetapi pihak berkenaan janji demi janji sehinggakan bertahun-tahun, sehinggakan keadaan jalan-jalan tersebut begitu uzur, begitu tidak baik. Yang mendapat nama tidak baik-adalah wakil-wakil rakyat yang ada di situ sedangkan wakil rakyat tidak ada berupaya untuk membiayai hal itu, hanyalah pihak-pihak yang berkenaan di Majlis-majlis Tempatan di kawasan-kawasan tersebut.

Oleh itu dengan keadaan inilah kita mengharapkan supaya dapat diperbaiki jalan sebagaimana ada kawan-kawan yang menyebutkan tadi berhubung dengan tanda-tanda jalan yang telah pecah, reput yang kita tidak tahu. Ini juga menyusahkan kepada orang jauh atau rakan saudara yang datang dari jauh untuk mencari jalan di manakah kawasan-kawasan yang hendak dituju kerana jalan-jalan di kawasan tersebut, nama-nama jalan tidak ada lagi, telah pecah papan-papan tanda yang didirikan.

Dalam keadaan ini juga di kawasan-kawasan Majlis Tempatan ini juga, kita lihat selalu sangat ada bonggol-bonggol (bump) yang dibuat oleh penduduk-penduduk di kawasan itu untuk menjaga keselamatan kononnya supaya kenderaan-kenderaan tidak lalu dengan laju. Ini juga saya rasa supaya pihak Majlis Tempatan mengadakan undang-undang, tidak sesuka hati sahaja mengadakan bonggol-bonggol ini kerana bonggol-bonggol ini juga sungguhpun menjaga keselamatan orang yang di hadapan rumah tetapi keselamatan orang yang lalu dengan motosikal dan sebagainya kadangkala selalu terjadi jatuh dan sebagainya kerana tidak nampak, oleh sebab bonggol itu tidak disapu cat sebagaimana bonggol-bonggol yang ada di Kuala Lumpur ini dijaga dengan rapi. Ini juga kita mengharapkan supaya tidak menjadikan masalah kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut.

Soal yang lain sebagaimana yang dikatakan ini juga bagi membuat bangunan pasar. Pasar-pasar juga perlu diadakan dengan baik kerana kalau kita lihat sekarang ini di Majlis-majlis Tempatan, di kawasan-kawasan luar bandar, pasar-pasar terlalu kotor dengan penuh lalat, kelilingnya tidak ada longkang, tempat air mengalir yang mana bekas-bekas darah penyembelihan, ikan-ikan kotor dan seterusnya. Ini yang menjadikan masalah di kawasan

itu dengan bau busuk yang tidak dapat ditahan kerana dengan keadaan yang tidak teratur, Ini juga kita mengharapkan supaya Majlis-majlis Tempatan menetapkan suatu tempat yang khas supaya pasar-pasar yang hendak didirikan ataupun hendak diperbaiki supaya kawasan-kawasan yang lapang yang tidak berdekatan dengan kawasan-kawasan perumahan, kerana pasar-pasar ini kita tahu senantiasa dengan keadaan bau yang busuk kerana ikan dan seterusnya.

Begitu juga di kawasan-kawasan luar bandar dan di kawasan-kawasan Penguasa Tempatan yang lain kadangkala kawasan-kawasan bandar yang besar. Ini juga kita mengharapkan pasar-pasar yang hendak didirikan ini supaya mengikut keadaan-keadaan tempat yang tersebut, tidak terlalu besar, tidak terlalu moden sangat.

Kalau terlalu moden sangat kemungkinan pasar ini tidak boleh ditunggu, umpamanya di Kuala Lumpur ini sendiri berapa banyak pasar-pasar moden yang telah didirikan berjuta-juta ringgit, umpamanya di Taman Tun Dr. Ismail, di Gombak dan di Taman Tun Razak, hingga ke hari ini untuk menampung perbelanjaan membayar api tidak cukup, kerana orang hendak berjual di dalam pasar pun tidak ada, tidak sanggup kerana pergi di tempat tersebut dan juga pembeli-pembeli pun tidak datang. Dengan keadaan itu pihak Kerajaan, pihak Majlis Tempatan ataupun Dewan Bandaraya dan seterusnya mendapat kerugian. Kerana kita hendak mengelakkan dengan keadaan, kerana rasa saya dalam negara kita ini belum lagi yang diikuti oleh penduduk-penduduk khususnya di kawasan-kawasan, kerana mereka ini suka jikalau ada pasar-pasar yang berdekatan dengan rumah-rumah mereka yang senang untuk mereka datang, yang tidak jauh daripada rumah, tidak terlalu moden, yang kalau hendak pergi ke pasar mereka ini senang dengan pakai kain.

pakai seluar pendek umpamanya, tidak kalau hendak pergi ke pasar yang moden-moden ini hendak pakai moden juga, hendak pakai cantik-cantik juga kerana hendak dibandingkan dengan pasar yang begitu lawa. Ini juga kita harapkan supaya tidak membazir duit Kerajaan ataupun duit Majlis Tempatan yang ada.

Di dalam kawasan-kawasan tempatan ini juga, kita mengharapkan juga di kawasan-kawasan perumahan baru supaya pihak Kerajaan juga menyediakan tempat-tempat pasar yang sesuai khasnya di kawasan-kawasan rumah pangsa yang didirikan. Kadangkala di kawasan-kawasan rumah pangsa ini tidak ada pasar setelah didirikan, terpaksa mereka itu menjual di kaki lima kerana rumah pangsa ini hanya diadakan di bawah dan ini juga mendatangkan kebusukan dan kekotoran kepada penduduk di kawasan itu, kerana mereka menjual di kawasan kakilima di hadapan rumah yang ada, di kawasan-kawasan rumah pangsa yang ada sekarang ini. Kalau diadakan di tempat-tempat yang sesuai, yang khas, saya rasa ini akan dapat mengelakkan daripada penyakit, mengelakkan daripada kekotoran dan mendapat kebersihan di kawasan-kawasan tersebut.

Ini berlaku di kawasan Kuata Lumpur sendiri pun ada, di flat-flat yang ada khasnya di fiat-flat yang didirikan oleh pihak swasta. Mereka ini hendak duit yang lebih, mereka ini tidak menghiraukan keadaan keselesaan oleh orang ramai, umpamanya pasar, tempat permainan dan seterusnya, dan termasuk dalam Majlis Tempatan ini kadangkala orang-orang ini akan menjual sayur-sayuran, barang-barang makanan di gerai-gerai kerana tidak ada disediakan, mereka ini terpaksa didatangi oleh penguatkuasa merampas hak mereka, jualan mereka kerana tidak ada lesen, tidak ada tempat yang sesuai. Irii bukan salah mereka, salah pihak yang tertentu itu tidak

menyediakan tempat-tempatnya. Kalau disediakan tempat, rasa saya mereka akan mengikut di mana tempat-tempat mereka hendak berjual, dan kalau tidak ada tempatnya, terpaksa mereka hendak mencari di mana saja. Di samping itu mereka yang duduk di kawasan-kawasan di mana pendapatannya kurang, mereka patutlah mencari sedikit sebanyak untuk menampung membayar sewa bulanan flat-flat mereka ataupun rumah-rumah yang mereka duduki itu.

Sekarang saya masuk kepada Maksud P.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba. Perkhidmatan Bomba ini juga amat penting di dalam negara kita yang maju ini. Pihak Kerajaan menyediakan \$1.5 juta hanya untuk membeli kereta-kereta bomba di Kelang sahaja. Sungguhpun keadaan ini di Kelang sahaja, kemungkinan bandar-bandar yang lain akan dibuat peruntukan. Saya mengharapkan supaya Perkhidmatan Bomba ini dapat diperluaskan dan dimodenkan lagi kerana kebakaran sering berlaku khasnya di kawasan-kawasan sesak. Dengan tidak adanya kereta-kereta bomba ini kemungkinan banyak kemalangan berlaku, kerosakan harta-benda, kehilangan harta-benda, kemungkinan juga kehilangan nyawa yang berlaku dan dengan keadaan ini kita mengharapkan supaya kereta-kereta bomba ini dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang sesuai.

Di samping itu juga kita mengharapkan di kawasan-kawasan ini supaya sebagaimana yang dilakukan di Kuala Lumpur dua tiga hari yang lepas, kalau tidak silap di dalam suratkhbar mengatakan paip-paip bomba yang ada yang ditulis \*H\* di tepi-tepi jalan itu banyak yang telah tertimbus oleh kerana kontraktor-kontraktor yang membuat jalan, yang membuat perumahan tidak menghiraukan keadaan keselamatan ini. Ini juga kita mengharapkan pihak Perkhidmatan Bomba bekerjasama dengan pihak Jabatan

Kerja Air dan juga pihak Majlis Tempatan supaya tiap-tiap pili air ataupun paip-paip air bomba ini senantiasa dijaga dengan baik agar apabila kecemasan-kecemasan berlaku tidak lagi pihak bomba untuk mencari ke sana ke sini di mana untuk mencari air, sehinggakan satu kawasan itu sudah hangus dijilat api, baru dapat untuk mencari tempat air, tidak ada gunanya lagi. Oleh itu kita mengharapkan pihak Kerajaan, Majlis Tempatan dan seterusnya pihak yang berkenaan supaya berusaha sedaya upaya agar perkhidmatan bomba ini dapat diperbaiki lagi, menjauhkan daripada kebakaran dan seterusnya.

Saya pergi kepada butiran di bawah Kementerian Betia dan Sukan, perkara 11, Butiran (Projek) 01600 - Perancang Pembangunan, Kemudahan Sukan untuk Bandar-bandar Kecil yang mana tambahan yang dikehendaki \$2 juta sahaja.

Kalau dibandingkan dengan keadaan begitu banyaknya kawasan-kawasan di luar bandar berkehendakkan, kemungkinan peruntukan ini tidak mencukupi, tetapi \$2 juta sahaja diperuntukkan.

Jadi, kita harap peruntukan \$2 juta ini supaya dapat pihak-pihak khasnya Kementerian ini mengadakan lebih banyak lagi rancangan kemudahan sukan inj di kawasan-kawasan luar bandar supaya kita dapat mengelakkan belia-belia yang ada di luar bandar tidak menyalahgunakan masa mereka seperti menghisap dadah, mencampuri kongsi gelap dan sebagainya. Dengan adanya tempat-tempat atau kemudahan-kemudahan sukan ihi, dapatlah mereka bermain, ini disebabkan kadangkala di kawasan-kawasan kampung khasnya yang mana pihak Kerajaan membiarkan begitu sahaja tidak ada tempat-tempat permainan, kadangkala mereka ini bermain bola di kawasan tengah sawah atau di tepi-tepi landasan keretapi, mana ada kawasan lapang

sahaja, kerana pihak Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan tidak mengambil pandangan yang menyeluruh supaya kawasan-kawasan luar bandar khasnya dapat juga kemudahan yang sama sebagaimana yang diberi di dalam bandar yang besar-besar. Sungguhpun dia punya saiz ataupun keadaan itu tidak begitu baik, tetapi saya rasa dapat diadakan, walaupun tidak baik sangat tetapi diadakan juga dan padang badminton dan seterusnya sukan-sukan yang lain diadakan di tempat-tempat yang dikhaskan.

Saya ingin menyentuh Maksud P. 18 - Kementerian Perusahaan Utama iaitu Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Butiran Projek (Baru) 11000, Projek Penyelidikan dan Pembangunan. Tambahan sebanyak \$2,730,000 yang dikehendaki bagi Institut Penyelidikan Getah Malaysia.

Kita berasa syukur kepada Allah s.w.t. kerana harga getah sekarang ini telahpun meningkat naik, yang mana kita tidak duga dan tidak sangka telah melambung begitu tinggi, lebih-lebih lagi pada masa dahulu ketika harga getah ini begitu meridih banyak desakan, cemuhan dan sebagainya daripada pihak-pihak yang tidak puas hati, apa sebab harga getah rendah dan seterusnya, tetapi tidak tahulah sekarang bagaimana keadaannya.

Kita lihat sekarang harga getah begitu baik dan kita berasa syukur kerana pihak Kerajaan telahpun berusaha sedaya upaya khasnya pergi ke luar negeri memberikan penerangan dan seterusnya supaya getah kita dapat dibeli dengan harga yang baik. Syukurlah perkara ini dapat diperbaiki, tetapi apa yang saya harapkan kerana kita ini terlampau ghairah dahulu, pihak Kerajaan selalu sangat bila benda-benda itu laju sangat umpamanya kelapa sawit, disuruh pekebun-pekebun untuk menanam kelapa sawit

hingga pokok getah di ladang-ladang getah pada masa itu yang masih penuh dengan getah sekarang telahpun digantikan dengan kelapa sawit, dengan keadaan ini kita sudah terkapai-kepai sekarang ini.

Di kampung pun tidak ada pokok getah, ada pun baru hendak ditanam dan di kawasan-kawasan lain hinggan ada orang yang datang macam hendak cari buah durian, sekarang ini hendak beli getah, datang ke kampung-kampung untuk mencari getah kerana getah tidak mencukupi, oleh sebab itu kita mengharapkan khasnya pihak Kerajaan dan pihak penyelidikan supaya berhati-hati di masa yang akan datang bukan getah sahaja, tetapi lain-lain juga seperti perusahaan ataupun pengeluaran dalam negara ini umpamanya kopi, getah, kelapa sawit dan sebagainya supaya dapat perseimbangan tanaman di masa-masa yang akan datang, lebih-lebih lagi di estet-estet yang besar-besar itu supaya dapat disamaratakan, jangan dibenarkan dia hendak tebang getah, hendak tanam kelapa sawit, kerana kelapa sawit pada masa itu begitu laris, harganya tinggi, tetapi sekarang sudah rendah sedikit, getah sudahpun naik dan kita tidak tentu arah lagi.

Di kampung-kampung pun begitu juga pihak Kerajaan mengharapkan supaya membuang pokok getah dan tanam pokok buah-buahan dan ini pun berlaku juga sehinggakan keadaan orang kampung sekarang ini serba salah getah tidak ada, durian tidak berbuah, hendak tunggu pokok lain pun belum berbuah hinggan pokok getah yang ditanam dahulu tidak dapat hasil. Oleh itu yang dikejar tidak dapat yang dikendong bercirikan. Kita berharap pihak Penyelidikan dan juga pihak Kementerian yang berkenaan khasnya pihak Kerajaan supaya berhati-hati di masa yang akan datang.

Sekarang saya masuk dalam Maksud

P.I9 - Kementerian Pertanian iaitu Parit dan Taliair, Butiran Projek 17100 - Perparitan dan Tebatan Banjir di Kawasan Bandar: 10 - Sistem Saluran untuk Bandar khasnya di Alor Setar. Dalam masalah ini diminta tambahan sebanyak \$3 juta.

Dalam keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, parit tadi pun saya sudah sebut amat penting khasnya di Kuala Lumpur ini, setiap masa hujan sahaja penuh air, ini saya rasa tiap-tiap kali sejak saya duduk dalam Dewan ini, inilah perkara yang dibangkit-bangkitkan kerana saya terpaksa mengulang-ulangi perkara ini kerana sebagai Wakil Rakyat bila banjir sahaja saya dipaksa bersama-sama dengan mereka melihatkan keadaan mereka ini terapung-apung di tepi-tepi sungai yang duduk di kawasan sungai.

Pada Ihb Jun hingga 5hb Jun, 1988 baru-baru ini 5 nyawa telah terkorban kerana perparitan yang tidak sesuai, iaitu seramai 5 orang, seorang selama 18 hari baru dapat ditemui mayatnya hingga tinggal rangka kerana tidak ada perparitan ini tadi. Dengan tidak ada sungai yang begitu deras, semak dan paritnya tidak dibetulkan dengan hanya mengikut air seberapa suka sahaja. Inilah perkara yang menyebabkan berlakunya kemalangan-kemalangan ini, kemalangan jiwa tidak termasuk lagi iaitu berhubung dengan kawasan harta benda di kawasan-kawasan kampung-kampung khasnya di Kuala Lumpur ini atau di kawasan-kawasan yang selalu dibanjiri air iaitu di kawasan tepi sungai, di Jalan Kelang dan parit-parit yang lain kerana kebanyakan mereka ini duduk di tanah tanpa izin. Sungguhpun kadang-kadang pihak Kerajaan mengatakan siapa suruh mereka duduk di situ? Kalau kita tanya diri kita balik, kalau tidak duduk di situ siapa yang hendak menolong mereka duduk di Kuala Lumpur ini. Hendak menjadi pemandu (driver) dan seterusnya, mereka inilah yang kita harapkan kerana kalau mereka menjadi pemandu

duduk di Seremban kerja di Kuala Lumpur, kemungkinan dia naik basikal tidak tahu apa jadi, bengkok kaki ataupun bengkok buntut naik basikal untuk mencari gaji \$100 ataupun \$200, sebab itulah mereka datang ke Kuala Lumpur ini mendirikan rumah di kawasan-kawasan sesak.

Dalam keadaan ini, sungguhpun pihak Dewan Bandaraya mengatakan disebabkan mereka ini yang menghalang air, rasa saya, saya tidak mahu mengatakan mereka ini yang menghalang air, mereka ini bukan-duduk dalam sungai, mereka duduk di tepi-tepi. Pihak Jabatan Parit dan Tali air sepatutnya mengkaji sama ada hendak dibesarkan ataupun sebagainya, jangan dibiarkan begitu sahaja hanya disalahkan pihak setinggan kononnya, tetapi mereka tidak membetulkan parit-parit.

Dalam keadaan banjir di Kuala Lumpur, tidak usahlah saya sebut semua, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bagaimana keadaannya, hujan sahaja kurang-kurang 2-3 jam kita yang naik kereta ini juga bersama-sama, kerana keadaan parit yang tidak betul dan jalan-jalan yang ada pada hari ini air bertakung, tidak dapat mengalir dengan lajunya. Ini adalah disebabkan, Tuan Yang di-Pertua, perhubungan dengan Sungai Kelang.

Saya metihatkan keadaan Sungai Kelang ini sungguhpun peruntukan tidak dibuat sepatutnya pihak Kerajaan Negeri Selangor dan juga Dewan Bandaraya berusaha mencari jalan untuk mendapat kewangan supaya sungai ini dapat diperbaiki dan diluruskan disebabkan Sungai Kelang ini masih lagi bengkok-bengkok. Sungguhpun Ahli-ahli Yang Berhormat melihat di Kuala Lumpur di belakang Wisma Yakin dan di hadapan Bangunan Dayabumi begitu elok, tetapi kalau Ahli-ahli yang Berhormat pergi ke hilir-hilir lagi, Ahli-ahli Yang Berhormat akan lihat bagaimana

keadaan sungai itu yang sebenarnya, bengkok-bengkok sebab itulah air ini tidak dapat mengalir dengan laju dan dengan keadaan ini air menyelinap ke hulu kawasan-kawasan yang rendah menjadi banjir, ini menyebabkan keadaan ini banjir, melibarkan kerosakan hartabenda dan sebagainya berlaku.

Seperkara lagi di bawah Kementerian Pendidikan, Maksud P.26 Butiran 02800 Universiti Islam Antarabangsa yang mana tambahan dikehendaki \$100 juta untuk membiayai kerja-kerja awal pembinaan kem-kem kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa di Bentong, Pahang. Dewan diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$ 100 juta yang telah diluluskan daripada Simpanan Luar Jangka.

Saya ingin bertanya kerana Universiti Islam ini yang saya tahu dahulu adalah dibiayai oleh semua negara-negara Islam untuk mendirikan Universiti ini dahulu, tetapi apa sebab sekarang kita hendak minta tambahan kepada Kerajaan negara kita sendiri. Apa sebab tidak dapat minta tambahan kepada negara Islam yang lain supaya apa-apa projek yang kita kehendaki ini supaya dapat bersama, kerana perjanjian dahulu kalau tidak silap saya, saya pun tidak baca tetapi ingat-ingat lupa, Universiti ini adalah biayaan bersama di antara negara-negara Islam yang berkehendakkan ditubuhkan Universiti Islam Antarabangsa di negara Malaysia ini.

Oleh itu dalam keadaan ini saya hendak tahu bagaimana sambutan atau perjanjian yang telah diberi oleh negara-negara Islam dahulu yang mana mereka ini sanggup untuk membayar, sebab apa diminta kepada Kerajaan kita sahaja untuk membaiki dan sebagainya. Ini kita mengharapkan sebagaimana yang dijanjikan dahulu supaya dapat ditepati.

Maksud P.33 Kementerian Perusahaan Awam - Pinjaman Kepada Perbadanan Kemajuan Negeri: Semanjung Malaysia iaitu diminta tambahan sebanyak \$30,823,000 dikehendaki dalam tahun 1988 sebagai pinjaman, dia kata sebagai pinjaman. Ini juga saya mengharapkan dengan adanya kita Hhat keadaan sekarang di luar bandar, di kawasan-kawasan Perbadanan Kemajuan Negeri yang mana kita lihat banyak prjek-projek yang terbengkalai, terutama projek-projek perumahan yang mana kita melihatkan rumah-rumah yang itu hanya rangka sahaja, ada dinding tidak ada atap, ada tiang tidak ada dinding dan juga ada yang telah reput, banyak pokok tumbuh, apa sebabnya? Oleh itu dengan keadaan ini kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan dengan adanya peruntukan yang telah diberi supaya rumah-rumah yang telah disediakan itu dapat diperbaiki atau pun dapat diduduki, diberi kepada orang ramai kerana di luar bandar pun banyak berkehendakkan rumah-rumah, khususnya rumah-rumah murah yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk yang berpendapatan kecil.

Mereka ini telah pun ternanti-nanti bilakah rumah-rumah ini dapat diberi kepada mereka kerana ada yang telah saya lihat, ada 7,8 tahun rumah-rumah, khususnya rumah-rumah yang dibuat oleh Perbadanan-perbadanan ku tertinggal begitu sahaja, apa sebabnya kita tidak tahu, kemungkinan ada yang mengatakan kontraktor yang telah membuat perjanjian telah cabut lari, dibuat lagi cabut lari juga dan ada yang menyalahkan keadaan ekonomi kita telah merosot.

Dengan peruntukan ini saya rasa tidak ada lagi pihak-pihak Kerajaan Negeri yang mengatakan tidak cukup dan sebagainya, kerana tambahan telah diberi oleh Kerajaan Pusat pada hari ini untuk memperbaiki keadaan rumah-rumah itu supaya kita tidak lagi

mendengar rungutan daripada pihak yang berkehendakkan rumah sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu telah habis rasa saya, oleh itu dengan ini saya sekali lagi menyokong di atas peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian-kementerian ini supaya dapat dijalankan dengan baik dan akhirnya saya mengharapkan supaya di masa akan datang Kertas Perintah yang seumpama ini dapat diberi lebih awal supaya dapat pihak kami membaca dan membuat kertas kerja dan sebagainya.

Oleh itu sekian dan dengan ini saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Marang.

*6.75 ptg.*

**Tuan Abdul Rahmao bin Bakar (Marang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut berbahas mengenai dengan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1988.

Saya akan mula dengan Maksud P.21 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kita lihat mengenai Butiran 00200 Kompleks Budaya Negara (Baru). Bercakap tentang Kompleks Budaya Negara sebenarnya gagasan kebudayaan negara merupakan satu gagasan yang telah lama dikemukakan semenjak Tan Sri Senu Abdul Rahman menjadi Menteri Kebudayaan awal tahun 60an dahulu lagi tetapi Menteri datang Menteri pergi, gagasan Kompleks Budaya itu ataupun kesenian tetap terbiar sepi di fail yang mati.

Kalau kita hitung Menteri Kebudayaan memang ramai. Yang Mulia Engku Mohsein, Tan Sri Senu Abdul Rahman, Datuk Hamzah Abu Samah, Allahyarham Ali Haji Ahmad, Tan Sri

Abdul Samad Idris, Yang Berhormat Anwar bin Ibrahim, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan kini Yang Berhormat Dato' Sabbaruddin Chik.

Gagasan kompleks ini sentiasa didesak oleh Menteri dari Menteri ke Menteri. Puncak desakan itu kita masih ingat lagi apabila GAPENA mengemukakan satu seminar dan dibentangkan secara khusus dalam satu kertas kerja bagaimana para budayawan, para seniman yang berhimpun pada tahun 70an itu untuk mendesak mewujudkan sebuah Kompleks Budaya Negara. Khabarnya tanah beberapa ekar telah pun ditetapkan, telah pun dipersetujui oleh Kementerian oleh Kerajaan, sudah pula khabarnya ada Arkitek, sudah juga disediakan pelan induk, disediakan model Kompleks dan juga khabarnya sejak tahun 70an sampai sekarang model itu turut berubah dari semasa ke semasa.

Apabila adanya seruan-seruan semacam itu, lapanglah dada para seniman, para budayawan, para petugas, para pegawai Kementerian Kebudayaan dan seumpamanya, tetapi daun hari gugur satu demi satu, minggu demi minggu dihitung berlalu, bulan demi bulan masih juga ditunggu dan sampailah bilangan tahun terlipat waktu. Namun Kompleks Budaya Negara semakin kabur dan kabur sehingga akhirnya sekarang ini telah berkubur tanpa nesan, tanpa upacara, tanpa kemboja. Yang kita tidak fikirkan, yang kita tidak mimpikan, yang kita tidak minta tumbuh pula dengan cepat, macam-macam projek raksaksa tumbuh, macam-macam perkara lahir. Suatu kemajuan fizikal yang tidak kita minta, kadang-kadang rakyat tidak merintih tetapi lahir.

Walau bagaimanapun, kita bukanlah kesal, kita bukanlah marah dengan kewujudan yang ada itu. Tetapi yang kita pinta yang ditangisi oleh rakyat jelata iaitu Kompleks Budaya Negara

tidak juga muncul walaupun telah memakan masa dan usia kira-kira 28 tahun.

Gagasan Kompleks kesenian yang disampaikan oleh GAPENA awal tahun 70an itu dahulu cukup sederhana, kita dapati tanah kawasannya sudah ada; binalah secara tahap demi tahap. Binalah dengan bahan-bahan yang ada di tanahair yang kaya raya dengan kayu kayannya, bukan diminta batu marmar di import dari Italy, bukan pualam yang didatangkan dari luar negeri, bukan juga lampu crystal yang ratusan ribu ringgit harganya - tidak. Bukan itu yang dipinta, cukuplah bangunan yang sederhana, sesuai dengan alam dan iklimnya, sepadan dengan kemampuan pengisian seniman dan budayawan kita. Bentuk architecturenya adalah seimbang dengan architecture lingkungan dunia nusantara, begitu sederhana tetapi memancarkan kesenian yang melambangkan jiwa dan warisan bangsa.

Keterangan di atas ini adalah menyentuh tentang fizikal Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang menyangkut dan melambangkan sikap pemerintah sejak dahulu hingga sekarang terhadap Kementerian Kebudayaan dan permasalahan kebudayaan umum. Lalu timbul lagi pertanyaan apakah yang terjadi pada Jawatankuasa Penasihat Kebudayaan yang dilancarkan beberapa tahun dahulu, ada pun istiadat perlancongan yang dibuat secara besar-besaran dan gilang-gemilang itu dengan taburan segala bunga rampai, dengan paluan gong dan kompang, dipayungi bunga manggar dengan ucapan-ucapan yang menaburkan sejuta harapan dan deretan nama-nama jawatankuasa penasihat kebudayaan yang terdiri daripada tokoh-tokoh yang dihormati baik kerana statusnya mahu pun kerana gelarannya.

Maka bolehlah saya simpulkan bahawa segala apa yang saya apungkan

itu adalah sebagai menjelaskan bahawa walaupun Menteri demi Menteri bertukar, walaupun gagasan demi gagasan beredar, walaupun resolusi demi resolusi dibuat tetapi ianya mati dalam khayalan dan impian sahaja. Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya peruntukan yang tidak sebesar mana kira-kira \$2 juta itu tidak menjadi suatu yang khayal lagi kerana apabila kita bercakap tentang Kompleks Budaya Negara, sudah barang tentu kita mahu meletakkan satu tempat, mahu meletakkan warisan budaya dan juga para seniman kita di satu tempat yang baik, teratur dan sistematik.

Saya melihat ulasan yang saya beri itu adalah untuk menjelaskan bahawa kita khuatir dan sekali gus harapan saya jangan sampai kita membiarkan kesenian dan kebudayaan itu melacur di tempat-tempat yang tidak sihat, hanya berkembang dan berulang di hotel-hotel sahaja ataupun tempat-tempat yang kadang-kala apabila kita pijak baru melatah, apabila kita tepuk baru menjadi.

Ulasan saya itu juga menjelaskan bahawa betapa pentingnya tugas yang berat bagi Kementerian Kebudayaan membantu pembinaan kebudayaan Malaysia, berdasarkan tradisi-tradisi budaya yang kaya dari pelbagai kaum di negara ini sendiri.

Soal kebudayaan saya kira janganlah dianggap tidak penting oleh pemerintah dan dasar serta sikap Kerajaan selama ini kita melihat hanya sehalu sahaja. Arah dari atas dan tidak bersedia mendengar suara jawapan dari bawah, dari rakyat jelata, dari rakyat yang cintakan budaya seharusnya tidak dipandang ringan. Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mengira bahawa Kompleks Kebudayaan negara ini adalah merupakan satu kompteks yang sangat wajar diwujudkan seberapa segera.

Apabila kita bercakap tentang kompleks ini, saya sangat tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Pengkalan Cema, yang bercakap seolah-olah Kementerian Kebudayaan ini adalah satu Kementerian yang mencakupi erti hiburan, yang mencakupi erti warisan budaya murah. Cakap dan teguran yang telah diberi itu tadi memperlihatkan bahawa beliau sendiri tidak faham akan makna dan tujuan budaya itu sendiri. Bagi kita kata kebudayaan itu wujud dari kombinasi pemikiran manusia yang tertinggi yang dilaksanakan oleh dayausaha yang murni dengan tujuan untuk memberi kesejahteraan kepada manusia. Kebanyakan pakar itmu merumuskan kebudayaan sebagai cara manusia hidup, cara manusia berfikir, mewujudkan roma dalam masyarakat, menjalankan aktiviti sosial dan berusaha untuk menimbulkan keharmonian seluruh manusia. Prinsip dan konsep kebudayaan yang begitu khusus dan mencakupi pemikiran, akal, budi manusia tentulah tidak sesuai bila dipadankan dengan kata-kata dari Yang Berhormat dari Pengkalan Cema yang meletakkan serta mengistilahkan kebudayaan itu sebagai hiburan di pantai ataupun gatal-gatal di cetah bukit sahaja.

Ketipisan serta ketandusan yang telah diperlihatkan itu menjelaskan kepada kita bahawa pemikiran PAS serta kunci-kuncunya adalah pemikiran yang sangat sempit yang tidak berdaya dan mampu melihat kebudayaan itu sebagai mencakupi warisan kepimpinan manusia yang mencakupi akal, budi serta pemikiran intelektual. Maknanya tadi, kalau kita bercakap tentang kebudayaan, bukanlah kita merumuskan satu pendapat umum bahawa kebudayaan itu adalah untuk hiburan semata-mata. Jadi, apabila kita mengatakan hiburan, apabila kita bercakap tentang kebudayaan bukan hiburan, kita katakan pemikiran manusia, pemikiran intelektual, lanjutan dan juga penerusan warisan

intelektual bangsa, maka kita kira tidak ada sebab bagi manusia yang rasional serta setara pemikirannya tidak menyokong serta meluluskan Maksud P.21 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Jadi, soal ini jangan kita perbandingkan dengan permintaan daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa tadi, yang meminta dan juga membandingkan dengan Kementerian Pendidikan untuk Universiti Islam Antarabangsa ataupun universiti-universiti yang lain. Kerana dalam Budget yang telah diberikan oleh pihak Timbalan Menteri Kewangan tadi jelas sekali bahawa peruntukan untuk U.I.A., U.U.M. adalah kira-kira \$130 juta yang mana ini adalah tidak membelakangkan soal falsafah, kepentingan pendidikan dan juga pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Butiran 00300 iaitu Pusat Penerangan Pelancongan Kuala Lumpur (Baru). Usaha serta peruntukan yang ditambahkan sebanyak \$4,560,000 merupakan satu usaha yang baik dan kita minta Pusat ini akan dilengkapi dengan pegawai-pegawai yang betul-betul berdedikasi, berwibawa dan berhemah tinggi. Dan perlu diingatkan bahawa Pusat ini sebagai pusat yang baru, sudah barang tentulah kursus-kursus, seminar-seminar serta galakan-galakan yang bersistematik perlu dibuat. Ertinya tidaklah kita berkehendakkan Pusat ini wujud, kemudian kita wujudkan pegawai-pegawai secara ad-hoc ataupun secara tiba-tiba sahaja.

Selain daripada mengadakan Pusat Penerangan Pelancongan Kuala Lumpur, saya percaya bahawa ianya perlu juga mengadakan pusat-pusat ataupun cawangan-cawangan, baik di peringkat negeri ataupun di luar negeri. Semuanya ini adalah bertujuan untuk memberi maklumat yang lebih besar, yang lebih luas, yang lebih merata sifatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud P.49 Kementerian

Pengangkutan di bawah Pelabuhan, 04600, Jeti Perikanan Pelabuhan Kuantan dan juga Jeti Pulau Pangkor, Lumut (Baru). Saya juga menyokong tambahan peruntukan sebanyak \$5 juta dan juga sebanyak \$3.5 juta sendiri. Kita melihat ini penting kerana kita menyedari bahawa perkembangan laut dalam ini hari ini telah meminta supaya kita melengkapkan kelengkapan-kelengkapan secara lebih moden ataupun secara lebih up-to-date, dengan izin. Kita tidak mahu hanya mengadakan jeti-jeti sahaja tetapi jeti-jeti itu tidak dilengkapi dengan dewan lelong, dengan peti sejuk, dengan pejabat, dengan kilang air batu dan dengan yang lain. Banyak kita dapati bahawa membina jeti tanpa alat-alat ini, bukan sahaja melambatkan proses pertumbuhan ekonomi di kalangan nelayan, tetapi juga memaparkan bahawa seolah-olah kita bekerja melepaskan batuk di tangga sahaja.

Sehubungan dengan itu juga kita minta supaya pelabuhan serta jeti yang akan dibina itu mestilah berturutan dengan perkembangan laut dalam hari ini. Kita dapati perkembangan laut dalam hari ini sungguh memuaskan. Daripada kawasan kita sebanyak 40,000 batu persegi telah diluaskan dan dikembangkan menjadikan 160,000 batu persegi. Bot kita laut dalam yang beratnya 70 gross tons yang meletakkan kira-kira 100 buah hari ini telah diluluskan lebih daripada 600 buah dan yang sedang beroperasi lebih daripada 133 buah dan yang telah lebih daripada 300 buah. Semuanya ini kebanyakannya berlaku di Pantai Timur. Jadi, sesuai dengan itu, saya kira peruntukan sebanyak \$5 juta untuk membina jeti Perikanan Pelabuhan Kuantan adalah sangat tepat dan kena pada waktunya, tetapi Jeti itu janganlah dibina ataupun dijajakkan dalam keadaan yang itu sahaja, maksudnya dalam keadaan dogol sahaja tetapi hendaklah ditringi dengan kelengkapan-kelengkapan seperti dewan lelong, pejabat, kilang air

batu dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Butiran P.56 iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tentang Butiran pertama 00100, Kemajuan Masyarakat. Hari ini kita didapati pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di bawah Kemajuan Masyarakat, pegawainya di merata Malaysia kita yang jumlahnya lebih kurang 14,000 bekerja dengan begitu baik sekali, bekerja dengan begitu gigih sekali, terutama dalam usaha mereka menubuhkan Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak. Malangnya, kelas-kelas yang ditubuhkan hari ini telah begitu banyak. Murid-murid telah melambak tetapi cikgu tidak mencukupi. KEMAS memperuntukkan hanya kepada 35 orang murid sahaja.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Minta duduk, masa sudah cukup.

#### **PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

#### **SURUHANJAYA PENYIASAT BEBAS UNTUK MENYIASAT KEADAAN TAHANAN DALAM KEM TAHANAN KAMUNTING -PENUBUHAN**

6.30 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian dan pandangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terutamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai keadaan teruk yang mendukacitakan yang dihadapi oleh orang-orang tahanan di Pusat Tahanan Kamunting yang sepatutnya disiasat sepenuhnya oleh sebuah suruhanjaya siasatan bebas dengan tujuan untuk membuat cadangan-cadangan pembaikan.

Saya suka menyentuh di sini beberapa keadaan teruk dan mendukacitakan yang dihadapi oleh orang-orang tahanan, terutamanya di kawasan 5 Pusal Tahanan yang telah dibawa ke perhatian saya oleh isteri-isteri orang-orang tahanan DAP.

Aduan-aduan am daripada orang-orang tahanan dalam Pusat Tahanan ialah berkaitan dengan kekurangan kemudahan perubatan, masalah panas dan berlegas dalam bilik-bilik tahanan kerana kekurangan peredaran udara, pencemaran bunyi yang serius, tiada privacy antara orang-orang tahanan dan keluarga mereka semasa membuat lawatan, kurang kerahsiaan antara orang-orang tahanan dan peguam-peguam mereka, menghadkan kiriman surat dan bekalan penerbitan asing dan parti sangat kurang.

Walaupun Pusat Tahanan Kamunting terletak di kaki Bukit Kamunting yang sejuk dan nyaman, tetapi cara bilik-bilik tahanan dibina tidak mengambilkira peredaran udara dan pencemaran bunyi di situ.

Sebagai contoh, di kawasan 5 di mana Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen Ipoh dan lain-lain yang ditahan pada masa kini, pembinaan bilik-bilik itu menyebabkan udara di dalamnya sangat lembab, berlegas dan panas dan ini menyebabkan tahanan sentiasa berkeadaan berpeluh.

Akibat keadaan panas dan kekurangan peredaran udara, berbagai tanda penyakit mulai timbul daripada orang-orang tahanan. Kemudahan-kemudahan bagi berjoging, tenis meja dan badminton yang disediakan dalam pusat tahanan tidak cukup untuk mengimbangi kekurangan peredaran udara dan suhu panas di situ.

Orang-orang tahanan dalam kawasan 5 terpaksa tidur atas pelantar simen dengan beralaskan sekeping tilam nipis yang disediakan oleh pihak berkuasa Pusat Tahanan.

Pencemaran bunyi adalah suatu lagi masalah kerana pembinaan bilik itu menyebabkan pantulan bunyi bising yang kuat dari mana-mana rakan tahanan.

Mutu makanan pula tidak elok, walaupun orang tahanan diberikan daging, sayur-sayuran dan ikan tetapi ia boleh diperbaiki lagi.

Isteri-isteri orang tahanan juga mengadu tidak ada langsung privacy antara orang tahanan dan keluarga mereka semasa lawatan mingguan kerana kakitangan penjara dan Cawangan Khas mendengar perbualan mereka.

Bagi peguam-peguam yang melawat orang tahanan sebagai counsel mereka juga tidak ada kerahsiaan dalam perbincangan mereka kerana kehadiran kakitangan penjara.

Kini terdapat juga sekatan atau had pengirisan surat-surat oleh orang tahanan dan juga bekalan bacaan penerbitan asing, parti dan lain-lain bahan bacaan bagi orang-orang tahanan.

Akan -tetapi aduan yang serius daripada orang-orang tahanan ialah kekurangan kemudahan perubatan. Perlu dinyatakan di sini bahawa

meskipun pihak berkuasa Pusat Tahanan mencuba sedaya upaya mereka untuk membantu dengan apa juga kemudahan yang sedia ada, seseorang tahanan yang sakit terpaksa menunggu selama lebih dari dua jam sebelum dibawa ke Hospital Daerah Taiping. Bagi pengidap sakit ringan, ia tidaklah begitu teruk tetapi bagi seorang pesakit yang sangat teruk yang memerlukan rawatan kecemasan, dia terpaksa menderita dan menanggung kesakitan selama dua jam sebelum dibawa ke hospital. Di Hospital Daerah Taiping tahanan yang sakit hanya menerima perkhidmatan dari seorang doktor biasa meskipun penyakitnya komplikated.

Sebagai contoh, saya ingin menyebut kes Ketua Pembangkang yang menderita kerana mengidap kencing berdarah yang boleh disebabkan oleh banyak faktor, Beliau tidak diberikan pemeriksaan yang menyeluruh tetapi hanya diperiksa oleh seorang doktor biasa di Hospital Daerah Taiping. Beliau sepatutnya diberikan rawatan oleh pakar Urologi yang berkelayakan dari Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Kami difahamkan bahawa tidak ada pihak berkuasa yang datang melawat Pusat Tahanan Kamunting untuk memeriksa keadaan hidup di situ, sama ada menurut taraf Bangsa-bangsa Bersatu atau tidak. Atas sebab inilah maka saya rasa bahawa masanya telah tiba bagi sebuah Suruhanjaya Siasatan Bebas ditubuhkan untuk memastikan keadaan-keadaan sebenar dalam pusat tahanan dan membuat cadangan-cadangan untuk pembaikan seterusnya. Sekian.

6.36 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junit bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan, saya ingin menjelaskan bahawa

peraturan-peraturan mengenai perjalanan Kem Tahanan Kamunting adalah diperuntukan di bawah Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan) 1960 yang juga menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak berkuasa Penjara atau Pusat Tahanan.

Semua aduan mengenai keadaan dalam Kem Tahanan Kamunting akan diuruskan mengikut undang-undang tersebut. Mengenai lawatan oleh ahli-ahli keluarga orang-orang tahanan ini adalah dibenarkan atas budibicara pihak Pusat Tahanan selaras dengan peruntukan 1981 di bawah Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan) 1960 yang membenarkan orang-orang tahanan untuk menerima lawatan-lawatan dari ahli-ahli keluarga dan juga peguam mereka.

Semasa perjumpaan dengan orang tahanan, seorang pegawai adalah ditugaskan bersama bagi memastikan perjumpaan berkenaan tidak disalahgunakan dengan tujuan-tujuan atau motif yang lain. Ini adalah seperti di bawah peruntukan 81 (5) Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan) 1960.

Mengenai kemudahan kiriman surat-surat mengikut peruntukan 83 di bawah Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan) 1960, seseorang tahanan itu boleh dibenarkan menerima satu surat dan mengirim satu surat juga dalam seminggu. Walau bagaimanapun, pada amalannya pihak Pusat Tahanan telah banyak memberi kelonggaran dan membenarkan orang-orang tahanan menulis dan menghantar surat kepada keluarga mereka sebanyak 4 pucuk surat seminggu, sementara penerimaan surat-surat pula adalah

tidak terhad. Bahan-bahan bacaan, journal dan majalah asing yang terdapat...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi tidak benar-benar memahami, cuma beliau terima maklumat daripada pihak Penjara sahaja. Walaupun ditetapkan 4 surat keluar, 4 surat masuk, ini tidak semestinya semua surat itu keluar daripada Kem ataupun semua kita terima. Walaupun dikatakan 4, bukan semestinya 4. Itulah hakikatnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya kurang faham maksud Ahli Yang Berhormat itu, adakah keempat-empat surat yang Ahli Yang Berhormat tulis dahulu tidak ada diterima oleh orang yang patut menerimanya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mesti ada, Tuan Yang di-Pertua. Pada mulanya kami dibenarkan tulis kepada sesiapa sahaja, kemudian dihadkan kepada sanak-saudara terdekat sahaja dan di dalam surat-surat yang telah saya tuliskan, saya mengesahkan kepada orang-orang yang diluar dan mengesahkan di sini sahaja, ada orang yang tidak terima surat saya. (*Tepuk*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tolong beritahu saya surat yang manakah yang tak sampai, kepada siapa yang tak sampai supaya perkara ini boleh dikaji dengan teliti. (*Tepuk*)

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa saya hanya menerima maklumat, memang benar kerana kita mempunyai pegawai-pegawai yang harus kita mempercayai tentang maklumat-maklumat yang diberi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat percaya kalau kakitangan itu memberi maklumat yang salah, Yang Berhormat pun terus terima dengan sepenuh-penuhnya?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada orang membuat bantahan, bermakna betul. Tetapi kalau ada bantahan saya akan selidik, tetapi mesti mempunyai faktor-faktor yang cukup. Jangan pula Yang Berhormat berbohong (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan bacaan, journal-journal dan majalah-majalah asing yang terdapat dalam negara pada umumnya dibenarkan oleh Pusat Tahanan dibawa masuk oleh orang tahanan. Ini termasuklah akhbar-akhbar harian yang terdapat di negara ini yang dibekalkan kepada orang-orang tahanan.

Peraturan-peraturan di bawah Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri - (Orang-orang Tahanan) 1960 juga memperuntukkan peraturan-peraturan dan kemudahan-kemudahan untuk rawatan perubatan bagi orang-orang tahanan. Mana-mana tahanan yang mengadu mengenai masalah kesihatannya akan dibawa oleh pihak Pusat Tahanan seberapa segera yang boleh ke Hospital Daerah Taiping untuk mendapat rawatan perubatan bila-bila masa sahaja tidak mengira sama ada siang ataupun malam. Sekiranya pihak Hospital Daerah Taiping membuat perakuan supaya orang-orang tahanan yang berkenaan adalah perlu dirujuk kepada doktor pakar, maka pihak Pusat Tahanan akan menghantar dan membawa orang tahanan untuk diberi rawatan pakar di Hospital Besar Ipoh atau di mana-mana yang difikirkan wajar. Pihak Pusat

Tahanan telah dan akan terus berusaha untuk menjamin bahawa rawatan perubatan kepada orang-orang tahanan yang memerlukan adalah dibuat dengan sempurna dan mencukupi.

**Dr. Chen Man Hin:** Penjelasan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah dia faham atau tahu pemimpin Pembangkang (Opposition Leader), Ahli dari Tanjong tiga bulan dahulu dia kena penyakit kencing berdarah. Masa itu dia telah berjumpa doktor di Taiping. Penyakit ini boleh jadi sangat bahaya tetapi sampai tiga bulan tidak ada peluang untuk berjumpa seorang pakar (specialist). Ini menunjukkan sistem kemudahan kesihatan tidak mencukupi atau tidak baik. Kalau dalam tiga bulan ini penyakitnya menjadi lebih dahsyat, bagaimana?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, telah saya nyatakan tadi, jikalau sekiranya doktor yang merawat Yang Berhormat dari Tanjong itu mengutarakan bahawa beliau terpaksa dirawat oleh seorang pakar, perkara ini akan dipatuhi oleh pegawai-pegawai tahanan. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat dari Tanjong sendiri yang memberitahu kepada pihak pegawai pertahanan bahawa ia memerlukan pakar, sukar sedikit hendak diterima. Kita mempunyai saluran-saluran tertentu. Jikalau sekiranya benar-benar pakar dari Hospital Taiping itu menentukan bahawa Yang Berhormat dari Tanjong ini perlu mendapatkan seorang doktor pakar, maka kita akan laksanakannya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Hospital Daerah Taiping tidak ada doktor Pakar Buah Pinggang (Urology) dan stapakah yang boleh memastikan sama ada Yang Ber-

hormat dari Tanjong itu memerlukan kepakaran buah pinggang? Siapakah yang akan memastikan? Adakah doktor biasa dapat memastikan perkara yang begitu penting? Walhal saya lebih sedar memahami keadaan, kerana sayalah orang yang pertama ditanya oleh Yang Berhormat dari Tanjong, (*Tepuk*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca rencana yang ditulis oleh Wakil dari Kepong, semuanya puji dalam akhbar, dalam tahanan. Tidak ada langsung membangkitkan perkara yang tidak elok sehinggakan barang makanan pun dia kata lebih baik daripada di rumah. Tetapi di hari ini saya tidak tahulah, macam mana? Takkanlah seorang doktor biasa tidak boleh memberi nasihat bahawa orang ini saya tidak boleh hendak ubat dan orang ini patut diubat. Ganjil seorang doktor macam itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, di samping itu peraturan-peraturan di bawah kaedah Keselamatan Dalam Negeri 1960 juga memperuntukkan penubuhan sebuah Lembaga Pelawat mengikut Peraturan 85, yang mana anggotanya dilantik oleh Menteri. Di bawah peraturan tersebut, Lembaga Pelawat berkenaan boleh melawat tempat-tempat tahanan pada bila-bila masa dan adalah dikehendaki melawat tempat tahanan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan untuk menyiasat dan mendapat maklumat mengenai keadaan orang-orang tahanan serta mengemukakan cadangan-

cadangan pembaikan yang berkaitan. Segala laporan dan maklumat akan direkodkan oleh Lembaga Pelawat dalam Buku Laporan Khas. Laporan dan cadangan-cadangan Lembaga Pelawat adalah diambil perhatian oleh pihak pusat tahanan serta dilaksanakan sewajarnya jika didapati munasabah.

Bagi makluman Dewan ini, pihak Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (International Committee of Red Cross) telah melawat Pusat Tahanan Kamunting dalam tahun 1986 dan secara amnya berpuashati dengan keadaan di pusat tersebut. Berdasarkan pengesahan di atas dan memandangkan fungsi dan bidang tugas Lembaga Pelawat yang sedia wujud itu adalah didapati memuaskan, Kerajaan berpendapat bahawa penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk menyiasat keadaan tahanan dalam Kem Tahanan Kamunting seperti mana yang dicadangkan adalah tidak perlu. Bagaimana pun pihak saya akan mengambil perhatian atas semua perkara yang telah dibangkitkan oleh wakil kawasan Bukit Bintang sebentar tadi. Namun begitu ingin saya tegaskan bahawa Pusat Tahanan tetap Pusat Tahanan, tidaklah boleh dibandingkan dengan kawasan lain di luar daripada Pusat Tahanan. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud)** Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

**SEKOLAH RENDAH JENIS  
KEBANGSAAN CINA KAMPUNG  
BARU SALAK SELATAN -  
PERUNTUKAN BILIK DARJAH**

6.48 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputih):** Tuan

Yang di-Pertua, pada peringkat awal 1980an, Kementerian Pendidikan telah meluluskan wang ringgit sebanyak \$1.05 juta dijadikan ongkos pembinaan 18 buah bilik darjah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Baru Salak Selatan. Mengenai pembinaan 18 buah bilik darjah itu, tender atau tawaran telahpun dikeluarkan pada tahun 1981 dan dijangka siap dibina dalam masa lebih kurang setahun. Akan tetapi sebelum projek pembinaan bilik darjah itu dimulakan, tiba-tiba Kerajaan dengan alasan kerana keadaan ekonomi negara meleset, maka projek pembinaan bilik darjah itu dihentikan. Mengenai kelulusan peruntukan wang berjumlah \$1.05 juta itu yang telah ditangguhkan dengan begitu lama, dua pilihanraya umum telahpun berlalu, juga peruntukan itu masih ditangguhkan lagi maka bagaimana rakyat yang cintakan negara ini berkeyakinan terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang disifatkan sebagai Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Bilangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Baru Salak Selatan telah bertambah setahun demi setahun. Bilik darjah yang ada sekarang itu tidak cukup untuk menampung bilangan murid-murid yang bertambah itu. Oleh itu saya meminta Kerajaan mengeluarkan wang ringgit sebanyak \$1.05 juta untuk membina 18 buah bilik darjah dengan secepat mungkin supaya kekurangan bilik darjah sekolah tersebut dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Pada beberapa hari yang lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, tidak tahu sama ada Timbalan I atau Timbalan II telahpun mengemukakan bahawa tidak kurang dari 1,000 Sekolah-sekolah Rendah di negara kita

menghadapi krisis-krisis penutupan kerana sekolah-sekolah yang berkenaan tiada bilangan murid yang cukup.

Akan tetapi masalah juga timbul atas sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid-murid yang terlampau banyak. Mereka terdapat kekurangan bilik darjah untuk menampung murid-murid yang kian bertambah itu dan keadaan ini lebih teruk lagi seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Sam Yoke di Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur. Kini bangunan sekolah tersebut terdapat berlubang-lubang kerana lama tidak dibaiki dan dia mungkin, dengan izin, collapse bila-bila masa sahaja. Adakah Kerajaan membiarkan keadaan itu begitu sahaja dan tidak mahu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah semakin lama semakin buruk itu. Sekian, terima kasih.

*6.52ptg.*

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, seperti sudah dimaklumkan dua tiga bulan dahulu peruntukan perbelanjaan membina 18 buah bilik darjah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Baru Salak Selatan adalah termasuk di dalam projek-projek di bawah pinjaman Bank Dunia ke-10.

Kementerian Pendidikan telahpun meluluskan cadangan projek di atas dengan butiran projek 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan dan pelaksanaan cadangan projek di atas akan dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pihak Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan telahpun melantik Juru Ukur Tanah swasta (private

surveyor) untuk membuat kerja-kerja ukur tanah sebelum pelan tapak sebenar dapat disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Kerjaraya masih membuat pindaan tapak kerana terdapat sedikit perubahan di dalam butiran projek.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telahpun menyiapkan segala urusan kewangan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek di bawah pinjaman Bank Dunia ke-10. Surat Anggaran pelaksanaan projek ini telah dihantar kepada Jabatan Kerja Raya pada bulan November 1987 untuk membenarkan jabatan tersebut membuat segera perancangan bagi melaksanakan projek ini sehingga ke peringkat penyediaan dokumen tawaran kerja. Sekiranya semua perancangan berjalan mengikut Jadual, maka cadangan projek di atas dapat ditawarkan pada bulan Ogos 1988 dan masalah kekurangan bilik darjah dapat diatasi segera. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Usulnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang, disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tirabalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petangesok, 28.6.1988.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.**